



الْفَلَاحِ

AL-FALAH

JOURNAL OF
DA'WAH & HUMAN DEVELOPMENT



PUBLISHED BY
DEPARTMENT OF USULUDDIN AND DA'WAH
ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITI MALAYA



EDITORIAL BOARD

Editor-in-Chief

Assoc. Prof. Dr. Norrodzoh Hj Siren, Universiti Malaya, MALAYSIA

Manager

Dr. Nurul Husna Mansor, Universiti Malaya, MALAYSIA

Deputy Manager

Dr. Nur Shahidah Pa'ad, Universiti Malaya, MALAYSIA

Editorial Board

Assoc. Prof. Dr. Muhammed Yusof, Universiti Malaya, MALAYSIA

Assoc. Prof. Dr. Yusmini Md Yusoff, Universiti Malaya, MALAYSIA

Dr. Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Universiti Malaya, MALAYSIA

Dr. Sayyid Buhar Musal Kassim, Universiti Malaya, MALAYSIA

Dr. Muhammad Qatawneh, Universiti Malaya, MALAYSIA

Journal Consultant

Mr. Mohd Salleh Sa'ari, Universiti Sains Islam Malaysia, MALAYSIA

ASSOCIATE EDITORIAL BOARD

Prof. Dr. Badlihasham Mohd Nasir, Universiti Teknologi Malaysia, MALAYSIA

Prof. Dr. A. Ghafar Don, Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA

Prof. Dr. Fariza Mohd Sham, Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA

Prof. Dr. Noor Shakirah Mat Akhir, Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA

Prof. Dr. Che Zarrina Sa'ari, Universiti Malaya, MALAYSIA

Prof. Dr. Mohd Roslan Mohd Nor, Universiti Malaya, MALAYSIA

Assoc. Prof. Dr. Amini Amir Abdullah, Universiti Putra, MALAYSIA

Dr. Hajar Opir, Universiti Teknologi MARA (UiTM), MALAYSIA

Assoc. Prof. Dr. Ummi Hani Abu Hassan - Hankuk University of Foreign Study, KOREA

INTERNATIONAL ADVISORY BOARD

Prof. Dr. H. Dindin Solahudin - UIN Sunan Gunung Djati, INDONESIA

Prof. Dr. Abdallah ElKhatib - Qatar University, QATAR

Prof. Dr. Ali Jubran - Yarmouk University, JORDAN

Dr. H. Muhammad Choirin - University of Muhammadiyah Jakarta, INDONESIA

AL-FALAH - Journal of Da'wah & Human Development is an international peer-reviewed journal published annually by Department of Usuluddin and Da'wah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

The journal is committed to the advancement of scholarly knowledge related to da'wah and human development area by encouraging discussion among the several branches of Islamic research, humanities and other interdisciplinary studies. AL-FALAH is aimed to provide fresh and insightful Islamic responses to the intellectual challenges of the modern world and to serve as a platform for the exchange of recent scholarly contributions adhering to international standards of methodology and scholarly presentations.

The scope of the journal encompasses research topics that fall within the broad range of da'wah and human development such as da'wah school of thoughts, da'wah approaches and strategies, da'wah scholars, media in da'wah, Islamic psychological constructs, Islamic psychological inquiry, spiritually oriented and culturally sensitive therapy, and counseling interventions. Although the journal would focus mainly on such works, articles in other disciplines that can contribute toward the development of da'wah are gladly welcomed.

A wide variety of submissions are welcomed from local and internationally researchers, scholars, practitioners, and other reflective-minded individuals who are passionate about ideas, methods, and analyses permeating to da'wah and human development study. These pages are open to a variety of forms: original, scholarly activity such as qualitative and quantitative research, book reviews, critical commentaries, editorials, or debates concerning pertinent issues and topics which may interest and pique readers.

The journal pursues a trilingual publishing policy (Malay, English and Arabic). Articles should be between 4,000 to 8,000 words. The Editorial Board reserves the right to decide which language an article will appear in and will undertake to provide professionally acceptable translations.

The journal practices a blind peer-reviewed system. Each paper will be evaluated by two appointed reviewers. The appointment of the reviewer will be done according to the existing procedures. The journal contains a minimum 10 papers for each issues, in addition to book reviews which will also be included if available.

TABLE OF CONTENTS

1	Siti Jamiaah Abdul Jalil, Fariza Md Sham, A'dawiyah Ismail, Khazri Osman, Rozmi Ismail, & Yusmini Md Yusoff Model Kesejahteraan Keluarga Berasaskan Konsep Al-Falāḥ: Analisis Tematik Al-Quran Dan Kajian Literatur <i>A Family Well-Being Model Based on the Concept of al-Falāḥ: A Thematic Qur'anic Analysis and Literature Review</i>	pages 1-18
2	Mazlan Ismail, & Muhammed Yusof Pengimaran Surau dan Musala Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia: Suatu Sorotan Terhadap Masalah Pelaksanaan Aktiviti <i>Enlivening Surau and Musolla at MOE Schools: A Research on Problems During Activity Implementation</i>	pages 19-31
3	Siti Aisyah Yap Binti Abdullah, Nor Raudah Hj. Siren, & Nurul Husna Mansor Tuhan, Manusia Dan Alam: Kesepaduan Dalam Kehidupan Masyarakat Majmuk Melalui Siri Filem Animasi Upin Ipin Dari Perspektif Islam <i>God, Human and Nature: Unity in Life Plural Society Through an Animated Film Series Upin and Ipin from Islamic Perspective</i>	pages 32-52
4	Hajar Opir, Muhammed Yusof, & Wan Yusnee Abdullah Elemen Filem Dalam Kisah Nabi Lut AS: Analisis Perbandingan Tematik Al-Quran Dengan Filem Sodom And Gomorrah <i>Film Elements In The Prophet's Story: Thematic Comparison Analysis Of Al-Qur'an With Sodom And Gomorrah Movie</i>	pages 53-63
5	Nor'Aini Ahmad Zohri Model Pendekatan al-Maw'izah al-Hasanah Melalui Facebook <i>Model of al-Maw'izah al-Hasanah Approach Through Facebook</i>	pages 64-81



Terbitan Pertama (Elektronik): Disember 2025
First Publication (Electronic): December 2025

Hak Cipta / Copyright ©
Department of Usuluddin and Da'wah
Academy of Islamic Studies
Universiti Malaya (UM)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis dari Jabatan Usuluddin dan Da'wah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronics or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without prior permission in writing from the Department of Usuluddin and Da'wah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (UM).

Diterbitkan oleh / Published by :
Department of Usuluddin and Da'wah
Academy of Islamic Studies
Universiti Malaya (UM)
50603 Kuala Lumpur
MALAYSIA



PUBLISHED BY
DEPARTMENT OF USULUDDIN AND DA'WAH
ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITI MALAYA



Model Kesejahteraan Keluarga Berasaskan Konsep *Al-Falāḥ*: Analisis Tematik Al-Quran Dan Kajian Literatur

A Family Well-Being Model Based on the Concept of al-Falāḥ: A Thematic Qur'anic Analysis and Literature Review

Siti Jamiaah Abdul Jalil,^a Fariza Md Sham,^b A'dawiyah Ismail,^c Khazri Osman,^d Rozmi Ismail,^e & Yusmini Md Yusoff^f

^a Research Centre for Dakwah and Leadership, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Selangor, Malaysia

^b Institute of Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia Selangor (UKM), Selangor, Malaysia

^c Research Centre for Dakwah and Leadership, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia Selangor (UKM), Selangor, Malaysia

^d Research Centre for Dakwah and Leadership, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia Selangor (UKM), Selangor, Malaysia

^e Research Centre for Psychology and Human Well-being, Faculty of Social Sciences & Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia Selangor (UKM), Selangor, Malaysia

^f Department of Usuluddin and Da'wah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia

sitijamiaah82@ukm.edu.my (corresponding author); farisham@ukm.edu.my; ada@ukm.edu.my; khazri@ukm.edu.my; rozmi@ukm.edu.my; yusmini@um.edu.my

Received Date:
14 August 2025
Accepted Date:
12 October 2025
Published Date:
12 December 2025

Abstract

Family well-being serves as the foundation for the quality of individuals and society. In the Islamic perspective, the concept of al-Falāḥ encompasses prosperity, success, and blessings in both worldly life and the Hereafter. This study aims to identify the elements of family well-being based on the al-Falāḥ framework through content analysis of Qur'anic verses and a comprehensive literature review. The findings reveal that al-Falāḥ-based family well-being emphasizes holistic development that balances spiritual and material needs, with taqwā (piety) as its core foundation. Five main domains were identified: spiritual (inner tranquility), economic (adequate and lawful provision), educational (intellectual competence), social (harmonious relationships), and health (physical and mental well-being). The simultaneous development of these domains not only enhances family well-being but also generates positive impacts on societal well-being.

Keywords: family, well-being, *al-falah*, piety, spirituality, holistic development

Abstrak

Kesejahteraan keluarga merupakan asas pembentukan kualiti individu dan masyarakat. Dalam perspektif Islam, konsep *al-Falāḥ* merangkumi kesejahteraan, kejayaan dan keberkatan hidup di dunia dan akhirat. Kajian ini bertujuan mengenal pasti elemen-elemen kesejahteraan keluarga berasaskan konsep *al-Falāḥ* melalui analisis kandungan ayat al-Quran dan kajian perpustakaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesejahteraan keluarga berlandaskan *al-Falāḥ* menekankan pembangunan holistik yang mengimbangi keperluan rohani dan material, berteraskan ketakwaan sebagai asas utama. Lima domain utama dikenal pasti, iaitu spiritual (ketenangan rohani), ekonomi (kesempurnaan nafkah), pendidikan (kecerdasan akal), sosial (keharmonian sosial), dan kesihatan (kesejahteraan fizikal dan mental). Pembangunan kelima-lima domain ini secara seiring bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan keluarga, tetapi turut memberi kesan positif kepada kesejahteraan masyarakat.

Kata kunci: kesejahteraan, keluarga, *al-falah*, spiritual, pembangunan holistik

Cite as: Abdul Jalil, S. J., Md Sham, F., Ismail, A., Osman, K., Ismail, R., & Md Yusoff, Y. (2025). Model Kesejahteraan Keluarga Berasaskan Konsep Al-Falāḥ: Analisis Tematik Al-Quran Dan Kajian Literatur. *Journal of Al-Falah*, 1(1), 1–18.

Pendahuluan

Kesejahteraan keluarga merujuk kepada kualiti sebuah keluarga. Keluarga sejahtera menjadi indikator asas kepada kualiti individu dan masyarakat. Berdasarkan definisi diberikan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) kesejahteraan keluarga ialah apabila keadaan sesuatu keluarga tersebut berada pada tahap sihat, selamat, harmoni, selesa dan mendamaikan. Kesejahteraan keluarga merupakan sebuah konsep yang multidimensi, yang merangkumi pelbagai aspek keadaan hidup seseorang individu atau sebuah keluarga. Ia melibatkan pembangunan diri individu dan keluarga yang seimbang dari segi fizikal, kerohanian, ekonomi, sosial dan mental. Di samping itu, ia juga menekankan akses kepada keperluan asas dan kemudahan seperti tempat tinggal yang selesa, sekolah yang berkualiti, penjagaan kesihatan dan persekitaran yang selamat. Hubungan antara ahli keluarga seperti cara keluarga berkomunikasi, menyelesaikan masalah, bertindak dan mendidik anak juga termasuk dalam konsep ini (LPPKN, 2011).

Menurut M. Noor et al. (2014), keluarga sejahtera adalah konsep luas yang merangkumi pelbagai aspek keadaan hidup seseorang individu atau keluarga. Ia melibatkan pembangunan individu dan keluarga yang seimbang dari segi fizikal, rohani, ekonomi, sosial, dan mental. Konsep ini juga menekankan akses kepada keperluan dan kemudahan asas seperti tempat tinggal yang mencukupi, sekolah berkualiti, penjagaan kesihatan, dan persekitaran yang selamat. Termasuk juga hubungan antara ahli keluarga, seperti komunikasi, menyelesaikan masalah, menghadapi konflik, dan aspek keibubapaan (M. Noor et al., 2014).

Berdasarkan kajian lepas, terdapat beberapa konsep yang menjelaskan tentang kualiti keluarga dari perspektif Islam. Tiga konsep iaitu Sakinah (*al-Qur'ān*: 48:4,18,26; 2:248; 9:40), Mawaddah (*al-Qur'ān*: 46:15), dan Rahmah (*al-Qur'ān*: 30:21) sering diberi tumpuan oleh

para sarjana bagi membincangkan aspek kualiti keluarga dalam Islam kerana istilah ini terkandung dalam ayat *al-Qur'ān* yang berkaitan dengan aspek kekeluargaan. *Sakīnah* membawa maksud rasa ketenangan, kedamaian, dan ketenteraman hati di dalam hidup berkeluarga di mana suami isteri melaksanakan perintah Allah SWT dengan tekun dan hormat-menghormati (As'ad, 2018; Basir, 2019; Jaapar & Azahari, 2011). *Mawaddah* pula adalah perasaan cinta, kasih dan sayang pada pasangan yang melahirkan rasa hormat, kagum, sikap melindungi dan bantu-membantu (Prasetiawati, 2017; Ismatullaoh, 2015; Jaapar & Azahari, 2011). Manakala, *Rahmah* merupakan perasaan belas kasihan, kasih sayang, lemah lembut dan toleransi yang mendorong untuk berbuat baik terhadap yang dikasihi iaitu pasangan dan anak-anak (Prasetiawati, 2017; Ismatullaoh, 2015; Jaapar & Azahari, 2011).

Jaapar dan Azahari (2011) pula memperkenalkan konsep keluarga Bahagia Keluarga Bahagia bermaksud keluarga yang merasa senang di antara satu sama lain dan terhadap hidup sendiri serta mempunyai objektif pembinaan keluarga yang jelas dan positif. Terdapat 9 elemen dalam model keluarga bahagia dari perspektif Islam. Elemen-elemen tersebut ialah berasaskan: (i) iman, (ii) akidah, (iii) ilmu, (iv) amal, (v) niat, (vi) akhlak, (vii) sosial, (viii) amanah, dan (ix) keselamatan fizikal dan ekonomi. Jaapar dan Azahari (2011) turut mengaitkan keluarga Bahagia dengan 3 konsep iaitu *al-sakīnah* (ketenangan), *al-mawaddah* (kasih sayang) dan *al-rahmah* (belas kasihan).

Selain itu, Abd. Malek dan Ismail (2016) memperkenalkan konsep keluarga Mithali. Keluarga Mithali merujuk kepada keluarga yang saling berhubung dan mempunyai persefahaman antara satu sama lain yang diperkuatkan dengan asas Islam dalam membentuk masyarakat. Terdapat 5 ciri utama keluarga Mithali iaitu (i) keluarga yang berlandaskan tauhid, (ii) keluarga yang dibina atas dasar cinta dan kasih sayang, (iii) keluarga yang melaksanakan kewajipan dakwah, (iv) keluarga yang mengamalkan komunikasi berkesan dan (v) keluarga yang hidup dalam kelompok masyarakat.

Apa yang boleh disimpulkan konsep kesejahteraan dalam keluarga Islam merujuk kepada hubungan perasaan antara pasangan dan ahli keluarga yang membentuk tingkah laku, budi pekerti dan akhlak dalam rumahtangga. Tiga konsep keluarga *Sakīnah*, *Mawaddah* dan *Rahmah* memberi fokus kepada perasaan positif yang dapat membentuk akhlak dalam sistem keluarga yang memberi nilai terhadap hubungan sesama ahli keluarga. Berbeza dengan konsep kesejahteraan keluarga *al-falāh* yang hendak dikemukakan dalam kajian ini merujuk kepada aspek pembangunan sama ada dari sudut fizikal, material, tingkah laku dan kejiwaan dalam sistem keluarga yang bukan sahaja memberi nilai terhadap hubungan sesama ahli keluarga malah kepada hubungan dan sistem dalam masyarakat.

***Al-falāh* dan Kesejahteraan**

Dari perspektif Islam, keunggulan kualiti kehidupan bagi mencapai kesejahteraan hidup itu merujuk kepada konsep *al-falāh*. Istilah *al-falāh* merangkumi makna kebahagiaan (Ummah, 2018; Fajriah et al., 2016), keberuntungan (Aqbar et al., 2020), kejayaan (Aqbar et al., 2020), kecemerlangan (Baba, 2003), kesejahteraan (Mohamad, 2013), keselamatan (Unang, 1994), kerahmatan (Abdullah, 2012), keampunan (Abdullah, 2015), kemenangan (Ibn Manzur, 1968), kenikmatan (Mahmud Mukhlis, 2016), kesempurnaan (Baba, 2003), keberkatan (Hayati, 2016), keseimbangan (Mubarak, 2015), ketenangan hidup di dunia dan akhirat (Mohamad & Ahmad, 2013; Mubarak, 2015). *Al-falāh* bermatlamat untuk mendapat keredaan Allah SWT dalam setiap usaha yang dilakukan (Abd Muin et al., 2014). *Al-falāh* berkaitan dengan kesejahteraan hidup yang merangkumi kejayaan di dunia dan di akhirat yang dicapai melalui keseimbangan rohani dan material manusia serta meliputi kecukupan fizikal dan ketenangan hidup (Mohamad, 2013). Di dalam al-Quran terdapat 40 ayat yang berkaitan dengan *al-falāh* yang

mengandung indikator amalan dan pegangan yang dapat membawa kepada kesejahteraan hidup.

Asas utama bagi mencapai *al-falāh* ialah dengan ketakwaan yang berteraskan keimanan. Hal ini berdasarkan ayat terawal dalam Surah *al-Baqarah* yang menyatakan dengan jelas berkaitan perkara ini. Firman Allah SWT:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ
إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى
مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Terjemahan: Kitab (al-Quran) ini tidak ada keraguan padanya, petunjuk bagi mereka yang bertaqwa. (Iaitu) Mereka yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, melaksanakan solat dan membelanjakan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan mereka yang beriman kepada (al-Quran) yang diturunkan kepada (Muhammad) dan (kitab-kitab) yang telah diturunkan sebelum engkau dan mereka yakin akan adanya hari akhirat. Merekalah yang mendapat petunjuk dari Tuhannya dan mereka itulah orang yang beruntung.

Al-Baqarah 2:2-5

Berdasarkan, ayat tersebut terdapat lima perkara asas ketakwaan yang merupakan kriteria golongan yang berjaya (*al-Muflihūn*) iaitu (i) beriman kepada perkara ghaib, (ii) mendirikan solat, (iii) mendermakan sebahagian rezeki, (iv) beriman kepada *al-Qur'ān* dan kitab-kitab sebelumnya, dan (v) yakin kepada hari akhirat. Lima perkara ini juga membezakan ciri-ciri orang beriman dan orang kafir. Menurut Al-Qudsi (2008), kejayaan dari perspektif Islam ialah keberuntungan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat yang berasaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Tidak sekadar lima ayat di atas, di dalam *al-Qur'ān* terdapat 40 ayat berkait dengan istilah *al-falāh*. Ayat-ayat ini memberi perincian berkaitan amalan dan elemen bagi mencapai *al-falāh*. Menurut Mahmud Mukhlis (2016), konsep *al-falāh* dalam *al-Qur'ān* meliputi beberapa aspek. Pertama, ia adalah seruan untuk mengamalkan *al-Qur'ān* dan sunnah kerana kedua-duanya sumber kebaikan dan hidayah. Kedua, kejayaan individu merupakan asas kepada kejayaan masyarakat. Maka, dengan mengamalkan prinsip-prinsip *al-falāh*, ia bukan sahaja memberi kecemerlangan kepada individu tetapi turut menyumbang kepada kejayaan masyarakat. Ketiga, melalui *istiqāmah* dalam agama Allah, musuh-musuh Islam mampu dikalahkan dan menatijahkan kebahagiaan serta keberkatan rezeki terhadap sesebuah masyarakat. Keempat, penguasaan dan pemerintahan umat Islam akan berjaya jika ia terdiri daripada mereka yang soleh dan melakukan amar makruf nahi mungkar, berakhlak mulia, mengutamakan keadilan, kebenaran dan berpegang teguh kepada tali yang teguh (*urwat al-wuthqā*) iaitu Islam. Kelima, *al-Qur'ān* menjelaskan bahawa kejayaan di dunia dan akhirat semuanya berpaksikan kepada keimanan yang benar kepada Allah dan menunaikan segala tuntutan, menyucikan jiwa daripada kotoran serta memperindahkannya dengan sebaik-baik amal.

Selain itu, analisis yang dilakukan Abdul Jalil et al. (2022) terhadap 40 ayat tersebut juga mendapati penekanan terhadap keimanan, mentaati perintah Allah dan berjihad merupakan antara 30 perkara yang banyak ditekankan Allah SWT dalam mencapai *al-falāh*.

Menurut al-Qurtubi, konsep *al-falāh* berlandaskan lima prinsip iaitu *qanā'ah* (*riḍā* dan *shukr* dengan apa yang ada), rezeki yang halal, *tawfīq* (petunjuk), *Jannah* (syurga) dan *sa'ādah* (kebahagiaan) (Mubarak, 2015). *Qanā'ah* ialah menerima ketetapan Allah SWT dengan sabar dan rela hati serta terus bersemangat untuk berusaha menambah rezeki atau memiliki kehidupan yang lebih baik. Individu yang memiliki sifat *qanā'ah* sukar untuk mengalami rasa putus asa kerana yakin setiap yang terjadi itu pasti ada hikmah dari Allah SWT. Sifat *qanā'ah* tidak berlawanan dengan memiliki harta selagi tidak menghilangkan ketenteraman hati dan bersumber rezeki yang halal (Andriani & Mz, 2019). Menurut Hamka (1998), *qanā'ah* mengandungi 5 perkara iaitu (i) menerima dengan reda akan apa yang diperolehi, (ii) memohon kepada Allah SWT agar menambahkan rezeki dan berusaha untuk mendapatkannya, (iii) menerima dengan sabar akan ketentuan-Nya, (iv) bertawakal kepada Allah SWT, dan (v) tidak tertarik dengan tipu daya dunia.

Menuju *al-falāh* memerlukan kepada usaha yang bersungguh melaksanakan peranan dan tanggungjawab mengikut garis panduan *al-Qur'ān* dan *Ḥadīth*. Menurut Mustafa al-Maraghi dalam *Tafsīr al-Maraghī*, *al-falāh* bermaksud keberuntungan yang dicapai melalui usaha yang bersungguh-sungguh. Sesuai dengan perkataan *al-fallah* merujuk kepada petani iaitu pekerjaan yang memerlukan usaha keras dalam membelah dan membajak tanah. Hal ini juga selari dengan apa yang dinyatakan dalam *Tafsīr fī Zilāl al-Qur'ān* pula adalah menunjukkan sesuatu kejayaan yang tidak diperoleh dengan mudah namun perlu bekerja keras sebagaimana diperjuangkan oleh Rasulullah SAW bersama sahabatnya dengan jiwa dan harta (Abdullah, 2015).

Oleh kerana itu, bila merujuk kepada *al-Qur'ān*, terdapat tingkatan dalam mencapai *al-falāh*. Jika asas mencapai *al-falāh* adalah dengan menjadi orang beriman melalui ketakwaan seperti dinyatakan dalam Surah *al-Baqarah* ayat 2-5, manakala, untuk menjadi orang beriman yang berjaya pula perlu kepada usaha yang lebih dengan menguasai ciri-ciri *al-falāh* sebagaimana yang terkandung dalam Surah *al-Mu'minūn* ayat 1 hingga 11.

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنْ أَبْغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رِعُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾

Terjemahan: Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia; Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu); Dan mereka yang menjaga kehormatannya, kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas; Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya; Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya; Mereka itulah orang-orang yang berhak

mewarisi; Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya.

Al-Mu'minūn 23:1-11

Dalam Surah *al-Baqarah* salah satu ciri orang yang berjaya adalah orang melakukan solat (*al-Qur'ān*: 2:1-5). Dalam ayat di atas salah satu ciri-ciri orang yang beriman yang berjaya ialah orang melakukan solat dengan khusyuk. Begitu juga dengan ciri-ciri lain yang disebut dalam ayat di atas yang menunjukkan untuk mencapai *al-falāh* atau kecemerlangan hidup perlu kepada usaha yang bersungguh dalam membuat perubahan dan meningkatkan kualiti kehidupan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, jelas di sini, *al-falāh* merupakan konsep kesejahteraan yang meliputi keseluruhan aspek kehidupan. *Al-falāh* hanya boleh dicapai melalui usaha yang bersungguh-sungguh dalam kehidupan di dunia mengikut dasar yang digariskan dalam *al-Qur'ān* dan *al-Hadīth* tanpa kenal erti putus asa untuk memperoleh keredaan dan ganjaran syurga. *Al-falāh* hanya boleh dicapai dengan keimanan yang kukuh di dalam hati dan ketakwaan yang menuntut amalan lahiriah yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT.

Kesejahteraan Keluarga Berdasarkan Konsep *al-Falāh*

Berdasarkan huraian mengenai *al-falāh* di atas, jelas menunjukkan bahawa konsep kesejahteraan keluarga dari perspektif Islam perlu dilihat berdasarkan konsep *al-falāh*. Terdapat pelbagai kayu ukur dan definisi bagi kesejahteraan sesebuah keluarga. Hal ini kerana konsep kesejahteraan itu sendiri terdapat banyak dimensi sehingga sukar didefinisikan (Md Ali, 2017). Kajian Md Ali (2017) mendapati kesejahteraan keluarga bermula dengan kesejahteraan individu. Kesejahteraan keluarga menurut Islam bersifat holistik merangkumi aspek fizikal, mental, spiritual, duniawi, ukhrawi, teori dan amali. Dua indikator yang boleh dijadikan asas dalam mengukur kesejahteraan keluarga iaitu perkahwinan sejahtera dan rumah tangga sejahtera. Indikator perkahwinan sejahtera meliputi dua komponen iaitu pra perkahwinan dan semasa perkahwinan manakala indikator rumah tangga sejahtera meliputi sepuluh komponen iaitu pengurusan kerohanian, pembudayaan ilmu, pembudayaan ibadah, pengurusan ekonomi, kediaman, persekitaran, keselamatan, pengangkutan, komunikasi, dan kesihatan (Wan Chik et al., 2017).

Pelbagai indikator yang diperkenal dan digunakan sebagai mekanisme mengukur kualiti atau kesejahteraan keluarga. LPPKN (2011) menggariskan 7 domain sebagai indikator kesejahteraan keluarga iaitu (i) hubungan kekeluargaan, (ii) ekonomi keluarga, (iii) kesihatan keluarga, (iv) keselamatan keluarga, (v) keluarga dan komuniti, (vi) keluarga dan agama atau kerohanian serta (vii) perumahan dan persekitaran. Noraini, Anjli dan Ismahalil mendapati 5 domain kesejahteraan keluarga iaitu (i) hubungan kekeluargaan, (ii) keadaan ekonomi, (iii) keselamatan dan kesihatan, (iv) hubungan komuniti dan (v) agama/spiritual. Melalui kajian M. Noor et al. (2014) pula mendapati terdapat enam domain yang menjadi indikator kesejahteraan keluarga di Malaysia iaitu (i) hubungan keluarga, (ii) keadaan ekonomi, (iii) kesihatan dan keselamatan, (iv) hubungan masyarakat, (v) agama/kerohanian, dan (vi) rumah dan persekitaran. Kajian ini melaporkan kesejahteraan keluarga tidak hanya berdasarkan kepada kualiti hubungan keluarga tetapi juga berkait dengan lima domain yang lain. Ukuran kesejahteraan keluarga itu berdasarkan perubahan dan pencapaian keluarga dari semasa ke semasa.

Selain itu, al-Syatibi turut menyatakan keluarga yang dapat memenuhi indikator-indikator untuk mencapai taraf keluarga sejahtera apabila dapat memenuhi tuntutan maqasid syariah iaitu memelihara agama, memelihara jiwa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta dikatakan telah mencapai kesejahteraan yang sebenarnya (Al-Raysuni,

2013). Oleh yang demikian, kesejahteraan keluarga dalam Islam bukan hanya terletak pada banyaknya perkara-perkara material, akan tetapi juga berkait dengan usaha keluarga menjaga iman dan *taqwā* (Farwah, 2013).

Menurut Laporan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (2013) menyatakan kesejahteraan keluarga boleh dibahagi kepada dua perkara iaitu kesejahteraan secara objektif yang bermaksud tahap pencapaian individu dalam aspek kesihatan, keselamatan dan perumahan serta kesejahteraan secara subjektif iaitu kepuasan, interaksi, kegembiraan dan hubungan dengan keluarga, saudara-mara, jiran dan sahabat handai, kefungsiian individu dan keluarga serta tahap resiliensi.

Berdasarkan literatur yang telah dilakukan, kesejahteraan keluarga berdasarkan konsep *al-falāh* dapat dirumuskan meliputi **5 aspek utama** iaitu:

Spiritual

Ketenangan rohani adalah salah satu ciri *al-falāh*. Kesejahteraan itu merangkumi kebahagiaan yang lahir daripada ketenangan jiwa atau rohani. Di dalam *al-Qur'ān* menyatakan bahawa Allah SWT menganugerahkan ketenangan kepada mereka yang beriman dan bertakwa (*al-Qur'ān*: 2:248; 9:26,40; 48:4,18,26). Keluarga *Sakīnah* iaitu keluarga yang tenang dan tenteram merupakan salah ciri kualiti keluarga di dalam Islam.

Oleh itu, berdasarkan konsep *al-falāh*, kesejahteraan keluarga diukur berdasarkan amalan yang membawa kepada ketenangan dan ketenteraman dalam keluarga. Ketenangan hanya dapat diperoleh apabila keluarga menjaga hubungan dengan Allah SWT melalui pelaksanaan ibadah serta melakukan apa yang diperintahkan dan menghindari daripada melakukan perbuatan yang ditegah-Nya. Amalan asas dalam mencapai ketenangan dalam keluarga ialah melakukan ibadah yang diwajibkan iaitu solat, zakat dan puasa dan menggalakkan ahli keluarga melakukan amalan sunat. Solat dapat mendidik jiwa ahli keluarga akan nilai kehambaan. Nilai kehambaan dalam diri dapat melahirkan sifat mahmudah seperti rendah hati, sabar, redha dan lain-lain lagi. Zakat pula dapat melahirkan sifat kasih sayang, simpati, tolong menolong dan menghindarkan diri daripada mencintai dunia melebihi akhirat. Puasa pula dapat mendidik nilai bersyukur, sabar, simpati dan lain-lain.

Wan Chik et al. (2017) menyatakan sebuah keluarga yang mengingkari syariat Allah walaupun mencapai kesempurnaan material dan mental tidak dikira sebagai keluarga yang sejahtera. Ini kerana objektif pembinaan keluarga yang sebenar adalah mengikuti sunnah Nabi SAW dan mencapai keredaan Allah SWT. Oleh itu kesejahteraan keluarga bukan sahaja bagus dalam urusan dunia, bahkan mendapat kemuliaan di akhirat (Wan Chik et al., 2017). Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang), dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

Al-Hajj 22:77

Berdasarkan ayat di atas, Hamka menjelaskan bahawa solat sebagai ibadah yang menghubungkan diri dengan Tuhan. Melalui sujud dan rukuk melatih rasa kehambaan agar

tunduk dan taat kepada perintah-Nya. Berbuat kebajikan pula meneguhkan hubungan sesama manusia dengan mengeratkan silaturahmi dan menjaga budi pekerti yang mulia. Mereka yang teguh beribadah dengan melakukan solat dan berbuat kebaikan mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat. Di dunia hati tenang, fikiran tidak celaru, Allah anugerahkan ilham yang benar serta hubungan baik dengan ramai orang. Di akhirat pula dianugerahkan syurga (Hamka, 2020).

Ekonomi

Kesejahteraan keluarga juga dapat dicapai dengan apabila peranan dan tanggungjawab dilaksanakan oleh setiap ahli di dalamnya. Terutama peranan ketua keluarga dalam memastikan keperluan ahli keluarganya disediakan dengan sempurna mengikut kemampuan. Menurut al-Farabi, kesejahteraan dan kebahagiaan sesebuah keluarga menuntut kepemimpinan yang baik daripada ibu bapa yang boleh menunaikan tanggungjawab mereka (al-Yasin, 1983). Menyediakan nafkah atau keperluan hidup keluarga adalah tanggungjawab bapa dan ibu berperanan menguruskan keperluan hidup ahli keluarga. Nafkah merujuk kepada makanan, pakaian dan tempat tinggal dan juga apa-apa khidmat atau keperluan yang umum berdasarkan 'urf sesebuah masyarakat. Contohnya, belanja pendidikan, rawatan perubatan dan ubat-ubatan (Ibrahim & Mohd, 2012).

Jelas di sini kesejahteraan keluarga berdasarkan konsep *al-falāh* merangkumi keperluan tuntutan dunia dan akhirat. Tidak sekadar melakukan ibadah kepada Allah SWT malah ketua keluarga iaitu bapa perlu berusaha untuk memastikan tanggungjawab menyediakan nafkah kepada ahli keluarga disempurnakan dengan baik. Firman Allah SWT:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ
كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Terjemahan: Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah rezeki Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung.

Al-Jumu'ah 62:10

Ayat ini menjelaskan bahawa setelah selesai menunaikan solat (solat Jumaat) mereka yang memberhentikan urusan mencari rezeki sebelum itu bolehlah menyambungnyanya semula. Islam tidak menafikan keperluan manusia dalam aspek kebendaan apabila selesai menyempurnakan ibadah kepada Allah SWT. Bahkan Islam juga menggalakkan umatnya mencari rezeki dan pekerjaan dengan mengikut tuntutan syarak bagi mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat. Mencari rezeki yang halal merupakan keperluan manusia bagi meneruskan kehidupan yang diberkati (Hamka, 2020).

Mencari dan menyediakan nafkah kepada ahli keluarga dari sumber yang halal merupakan indikator *al-falāh*. Contohnya seperti pengambilan riba dan judi yang sangat ditentang di dalam Islam kerana ia merupakan satu kezaliman. *Ribā* dan judi adalah perkara yang haram dan umatnya wajib menjauhi perbuatan ini. Selain daripada menyediakan nafkah dari sumber yang halal, ibu dan bapa juga perlu pastikan makanan yang diberi kepada ahli keluarga juga merupakan makanan yang halal iaitu makanan yang tidak dilarang pengambilannya oleh Allah SWT seperti arak dan daging babi. Semua ini ada dinyatakan di dalam *al-Qur'ān* iaitu firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

﴿١٣٠﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.
Āli-‘Imrān 3:130

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْحُمُرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Al-Mā'idah 5:90

Apabila unsur haram ini dapat dijauhkan dan dielakkan, ia dapat menjemput keberkatan dalam rezeki. Hal ini kerana kejayaan dalam ekonomi keluarga turut menekankan aspek *barakah* atau keberkatan. Konsep keberkatan berkait dengan tindakan yang dilakukan berdasarkan apa yang digariskan oleh syariat serta melaksanakannya dengan kebaikan dan kebajikan. Lebih banyak perbuatan baik yang dilakukan, maka lebih banyak kejayaan yang akan diperolehi sebaliknya banyak perbuatan buruk yang dilakukan, maka kurangnya keberkatan dalam kehidupannya. Semakin banyak memberi semakin banyak yang diperolehi. Keberkatan memberikan jaminan hidayah atau petunjuk daripada Allah SWT dalam setiap keputusan yang diambil bagi mencapai kejayaan jelas dalam masa terdekat (Salleh, 1999).

Mubarak (2015) menggariskan konsep *al-falāh* dalam ekonomi merupakan satu usaha bagi menggalakkan kebajikan sosial seperti zakat dan sedekah, memenuhi perjanjian, mengelakkan eksploitasi, mengelakkan riba, memperoleh pendapatan dalam kehidupan melalui usaha pekerjaan dan mengelakkan kebakhilan. Ini juga selari dengan prinsip *al-falāh* iaitu rezeki yang halal, *qanā'ah* (bersyukur dan redha dengan apa yang diperolehi), *sa'ādah* (kebahagiaan), *tawfiq* (petunjuk) dan *jannah* (syurga). Prinsip kejayaan ekonomi dalam konteks Islam ini berbeza dengan konsep kejayaan yang lain kerana ia lebih menitik beratkan kejayaan dengan kesejahteraan di akhirat sebagai matlamat yang utama (Mubarak, 2015). Prinsip-prinsip ini perlu diterapkan dalam institusi keluarga agar rezeki yang diperolehi sentiasa terpelihara dan mendapat keberkatan.

Apa yang membezakan konsep *al-falāh* dengan konsep ukuran kejayaan ekonomi konvensional ialah konsep *al-falāh* tidak mengukur kejayaan kepada nilai kewangan atau material yang dimiliki. Konsep *al-falāh* mengukur kejayaan berdasarkan pelaksanaan tanggungjawab dan amanah yang dilaksanakan dengan menggunakan sumber yang halal. Oleh itu, tidak mencapai *al-falāh* bagi sebuah keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah yang tinggi tetapi ketua keluarga tidak mengeluarkan nafkah yang sepatutnya diberi kepada ahli keluarganya. Malah, semakin kurang keberkatan apabila nafkah keluarga ditanggung oleh isteri. Begitu juga, tidak mencapai *al-falāh* bagi sebuah keluarga yang nafkahnya diperolehi daripada sumber yang tidak halal.

Pendidikan

Selain daripada kepentingan ekonomi, pendidikan juga turut ditekankan bagi mencapai kesejahteraan keluarga. Islam adalah agama yang menjadikan ilmu sebagai kewajipan bagi setiap Muslim kerana hubungannya dengan iman dan *taqwā* kepada Allah SWT. Othman (2016) mencadangkan tiga perkara dalam penerapan konsep *al-falāh* dalam diri iaitu pertama, memperkasakan ajaran Islam sebenar dalam berhadapan cabaran semasa, kedua, menyeimbangkan pembangunan fizikal dan spiritual dalam masyarakat dan ketiga membangunkan manusia melalui jenis pendidikan, latihan yang diperlukan dan persekitaran agar mampu meningkatkan potensi manusia secara fizikal dan rohani. Pendidikan dalam Islam menjurus kepada pembangunan sahsiah, kerohanian dan penghayatan agama di samping aspek akademik (Ismail & Abu Zahrin, 2019).

Dalam *al-Qur'ān*, banyak ayat yang menganjurkan agar manusia sentiasa berfikir bagi mencari kebenaran dan pengetahuan. Kebenaran dan pengetahuan tidak boleh diperolehi tanpa ilmu. Ilmu pengetahuan dapat meningkatkan kecerdasan akal dan memandu ke arah kesejahteraan hidup. Firman Allah SWT:

قُلْ لَا يَسْتَوِي الْخَبِيثُ وَالطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ الْخَبِيثِ ۚ فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي
الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠٠﴾

Terjemahan: Katakanlah: “Tidak sama yang buruk dengan yang baik, walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu. Oleh itu bertaqwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu berjaya.

Al-Mā'idah 5:100

Antara ilmu yang diperlukan adalah ilmu Islam yang sempurna meliputi *al-Qur'ān*, *sunnah*, *sīrah*, ilmu *da'wah*, sejarah umum, geografi, psikologi, akhlak, sosiologi, politik, bahasa, kebudayaan dan kesenian masyarakat serta ilmu asas perbandingan agama (Hamka, 1987). Banyak lagi ilmu yang ada yang harus dipelajari sesuai dengan keperluan setiap individu. Semakin banyak ilmu yang dipelajari semakin luas pandangan dan pengetahuan tentang kehidupan. Penguasaan pelbagai ilmu perlu dilakukan secara kolektif dengan erti kata saling melengkapi antara satu dengan yang lain (Moedjiono, 2003).

Oleh yang demikian, bagi mencapai *al-falāh* sesebuah keluarga harus berusaha menguasai ilmu pengetahuan secara berterusan sesuai dengan peringkat umur sebagai bekalan bagi menyempurnakan amanah dalam kehidupan (Othman, 2016; Langgulong, 1987). Anak-anak perlu diberikan pengetahuan tentang ilmu al-Quran dan agama seawal usia dan memberikan mereka pendidikan berkaitan ilmu dunia agar mereka dapat mengurus kehidupan dunia dengan baik. Bukan sahaja anak-anak ibu bapa juga seharusnya turut mencari ilmu sesuai dengan keperluan kehidupan dan paling utama istiqamah dalam mempelajari ilmu agama.

Sosial

Manusia adalah makhluk sosial. Oleh yang demikian, sesebuah keluarga tidak boleh tidak hidup dalam bermasyarakat. Masyarakat yang sejahtera adalah masyarakat yang hidup dalam suasana harmoni. Walaubagaimanapun, keharmonian itu dipupuk bermula dari sebuah institusi keluarga. Menurut Al-Shahud (2009) pusat komuniti manusia bermula dengan keluarga sejahtera. Tujuan hidup berkeluarga pastinya ingin memperoleh kebahagiaan dan terhindar dari ketidaktenteraman. Sistem kekeluargaan dan sosial sesebuah masyarakat akan menghadapi implikasi yang besar berpunca daripada kelemahan institusi keluarga. Ahli keluarga akan

mengalami tekanan sehingga boleh menyebabkan gejala sosial dalam masyarakat seperti penagihan dadah sekiranya persekitaran dalaman keluarga yang tidak kondusif (Ghazali et al., 2018).

Islam menekankan pentingnya adab dan akhlak dalam kehidupan bermasyarakat. Menurut al-Zuhayli (2000) Antara ciri-ciri keluarga sejahtera adalah keluarga yang sentiasa iltizam terhadap undang-undang yang disyariatkan Allah dan berpegang teguh terhadap akhlak adab dan akhlak Islam. Mereka tetap berusaha untuk menuju ke arah kebaikan didunia dan akhirat serta sering berusaha bersosial dengan masyarakat dengan cara yang baik untuk memperoleh kebahagiaan dunia serta kemuliaan di akhirat.

Keluarga yang mencapai *al-falāh* tidak hanya mencapai kesejahteraan terhad ahli keluarganya sahaja bahkan akan menghasilkan impak kesejahteraan terhadap masyarakat sosial juga. Hal ini kerana golongan yang mengamalkan konsep *al-falāh* dalam kehidupan mempunyai kesungguhan dalam melaksanakan kerja dakwah, menyuruh perkara yang makruf dan mencegah daripada perbuatan mungkar (Langgulong, 1987). Firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.

Āli-‘Imrān 3:104

Ayat ini menunjukkan individu yang mencapai *al-falāh* adalah mereka yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Ia menunjukkan keluarga yang mencapai *al-falāh* akan memberi impak kebaikan terhadap orang sekelilingnya bukan sekadar ahli keluarga bahkan terhadap hubungan sosial mereka seperti rakan-rakan, jiran dan juga masyarakat.

Kesihatan

Kesejahteraan keluarga berdasarkan konsep *al-falāh* tidak memandang ringan dari aspek kesihatan fizikal. Hal ini kerana badan yang tidak sihat bukan sahaja memberi kesan kepada fizikal malah turut melibatkan gangguan emosi, mental dan juga spiritual. Keadaan ini sudah tentu mempengaruhi kesejahteraan keluarga. Kesihatan jasmani merupakan tunggak bagi melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab dengan sempurna. Agak sukar bagi ketua keluarga untuk melaksanakan tanggungjawab dengan jika badan berada dalam keadaan yang tidak sihat. Bagi mencapai keluarga *al-falāh*, ibu bapa bertanggungjawab dalam memastikan kesihatan anak-anak dan seluruh ahli keluarganya dengan menyediakan makanan sihat yang mencukupi (Jalil & Abdul Kadir, 2013).

Dalam Islam, syarat utama menjaga kesihatan dengan baik adalah memastikan jasmani berada dalam keadaan sentiasa bersih, penjagaan aspek pemakanan dan membuat aktiviti fizikal badan (Jalil & Abdul Kadir, 2013). Aspek pemakanan perlu dijaga dengan teliti dan dilakukan dengan cara penyediaan makan dan minum yang sederhana banyak. Cukup sekadar yang diperlukan, makanan yang menyihatkan, menjauhi makanan yang boleh merosakkan badan dan hanya makan makanan yang dibenarkan oleh agama iaitu makanan yang halal lagi suci. Antara perkara yang diharamkan dalam Islam adalah arak, binatang yang diharamkan seperti babi dan anjing, bangkai dan makanan yang membawa mudharat seperti dadah dan rokok. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْحُمُرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Al-Mā'idah 5:90

Oleh itu, bagi mencapai keluarga *al-falāh*, memiliki tubuh badan yang sihat adalah perkara yang penting kerana ia merupakan keperluan asas manusia untuk melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab dalam kehidupan.

Keistimewaan Keluarga Sejahtera Berteraskan *al-Falāh*

Keluarga sejahtera berteraskan konsep *al-falāh* memiliki keistimewaan yang berbeza daripada keluarga yang hanya menekankan kesejahteraan material atau hubungan sosial semata-mata. Keistimewaan ini terbina atas janji Allah SWT bahawa orang yang beriman dan bertakwa akan dikurniakan keberkatan (*barakah*) dan petunjuk hidup (*hidāyah*) yang membawa kepada kejayaan hakiki (*al-falāh*). Prinsip ini menggabungkan dimensi rohani, akhlak, sosial, dan material secara seimbang, lalu membentuk kekuatan dalaman keluarga untuk menghadapi cabaran kehidupan.

Keberkatan (Barakah) dalam Rezeki dan Masa

Keluarga yang mengamalkan nilai iman dan *taqwā* meraih janji Allah bahawa keberkatan akan turun dalam bentuk kecukupan rezeki, kelapangan masa, dan keharmonian hubungan. Keberkatan ini menjadikan keluarga mampu mengurus sumber yang terbatas dengan bijak, di samping memanfaatkan masa untuk ibadah, pendidikan, dan kebersamaan. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
﴿٩٦﴾...

Terjemahan: Dan sekiranya penduduk negeri beriman dan bertaqwa, nescaya Kami akan membuka kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi...

Al-A'rāf 7:96

Panduan Hidup Berteraskan Hidayah

Hidayah merupakan cahaya petunjuk yang memandu keluarga membuat keputusan tepat dalam mendidik anak, mengurus kewangan, dan membina hubungan harmoni. Allah SWT menjanjikan hidayah bagi mereka yang berpegang teguh kepada ajaran-Nya, dan hidayah ini menjadi panduan menyeluruh yang membentuk keluarga berdisiplin, berakhlak, dan berpandangan jauh. Hal ini banyak disebut dalam ayat-ayat al-Quran yang berkait dengan istilah *al-Falāh*. Antaranya:

أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Terjemahan: Mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk daripada Tuhan mereka, dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.

Al-Baqarah 2:5

Keseimbangan Dunia dan Akhirat

Konsep *al-Falāh* mengajar bahawa kejayaan yang sebenar memerlukan keseimbangan antara pencapaian duniawi dan kebahagiaan ukhrawi. Keluarga yang menekankan nilai ini tidak hanya mengejar kejayaan kerjaya, pendidikan, atau ekonomi, tetapi juga memelihara kesihatan rohani, emosi, dan akhlak demi keberlanjutan kesejahteraan.

وَأَتَّبِعْ فِي مَآءِ اتِّكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيكَ مِنَ الدُّنْيَا... ﴿٧٧﴾

Terjemahan: Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu di dunia...

Al-Qaşāş 28:77

Kekuatan Ukhuwwah

Ikatan kekeluargaan yang berasaskan iman melahirkan kasih sayang, saling menghormati, dan semangat bantu-membantu. Kekuatan *ukhuwwah* ini meningkatkan daya tahan keluarga ketika berdepan tekanan ekonomi, konflik, atau ujian hidup yang lain.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ... ﴿١٠﴾

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua saudaramu...

Al- Hujurāt 49:10

Kejayaan Hakiki (al-Falāh)

Gabungan barakah, hidayah, keseimbangan hidup, dan kekuatan *ukhuwwah* menghasilkan kejayaan hakiki yang dijanjikan Allah, iaitu kejayaan yang meliputi kesejahteraan dunia dan keselamatan akhirat. Status keistimewaan ini ditekankan oleh Allah SWT dalam ayat berikut:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua saudaramu...

Al- Mu'minūn 23:1

Model Kesejahteraan Keluarga Berdasarkan Konsep al-Falāh

Berdasarkan kajian literatur, analisis dan perbincangan di atas satu model kesejahteraan keluarga berdasarkan konsep *al-falāh* digambarkan dalam Rajah 1 di bawah. Berdasarkan rajah tersebut, Model kesejahteraan keluarga berasaskan konsep *al-Falāh* ini dibangunkan berteraskan prinsip ketakwaan sebagai asas utama yang mengikat seluruh dimensi kehidupan berkeluarga. Ketakwaan di sini merujuk kepada ketaatan sepenuhnya terhadap perintah Allah

SWT dan meninggalkan larangan-Nya, sebagaimana digariskan dalam *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*. Dalam konteks keluarga, ketakwaan menjadi panduan untuk membentuk amalan, nilai, dan tingkah laku yang membawa keseimbangan antara kejayaan dunia dan akhirat.

Berdasarkan rajah yang dikemukakan, model ini memfokuskan kepada **lima domain utama** yang saling berkait dan dibangunkan atas landasan ketakwaan, iaitu:

Domain Spiritual (Ketenangan jiwa)

Aspek spiritual menjadi teras pembinaan keluarga sejahtera kerana ia memandu hubungan manusia dengan Allah SWT. Amalan ibadah seperti solat, puasa, zakat dan ibadah sunat bukan sahaja melahirkan jiwa yang tenang, malah memupuk nilai-nilai mahmudah seperti sabar, redha, rendah hati, dan kasih sayang. Ketenangan rohani yang kukuh akan membentuk iklim kekeluargaan yang harmonis dan mengelakkan konflik dalaman.

Domain Ekonomi (Penyempurnaan Nafkah)

Kesejahteraan keluarga menuntut penyediaan nafkah yang mencukupi dan halal oleh ketua keluarga. Keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, dan rawatan perubatan perlu dipenuhi sesuai kemampuan. Sumber rezeki yang halal dan bebas daripada unsur haram seperti riba dan judi membawa keberkatan (*barakah*) yang memberi kestabilan ekonomi serta kebahagiaan keluarga.

Domain Pendidikan (Kecerdasan Akal)

Pendidikan dalam konsep *al-Falāh* tidak hanya terbatas pada pencapaian akademik, tetapi meliputi pembinaan sahsiah, penghayatan agama, dan penguasaan ilmu yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi. Ilmu yang bermanfaat membimbing ahli keluarga membuat keputusan yang betul, meningkatkan daya fikir, dan memupuk tanggungjawab sosial. Proses pendidikan berlaku secara berterusan dan kolektif, melibatkan ibu bapa serta anak-anak.

Domain Sosial (Keharmonian komuniti)

Keluarga merupakan unit asas kepada keharmonian masyarakat. Apabila nilai-nilai *al-Falāh* diamalkan, ia melahirkan ahli keluarga yang berakhlak mulia, menghormati orang lain, dan aktif dalam kerja-kerja kebajikan serta dakwah. Kesannya, hubungan sosial keluarga bukan sahaja terhad kepada lingkaran dalaman, malah memberi impak positif kepada jiran, rakan, dan komuniti setempat.

Domain Kesihatan (Kesejahteraan Diri)

Kesihatan jasmani dan mental adalah prasyarat untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab dalam keluarga. Pemakanan yang sihat, gaya hidup aktif, dan pengurusan emosi yang baik membantu mengekalkan keseimbangan diri. Dalam Islam, menjaga kesihatan termasuk menghindari makanan dan amalan yang memudaratkan seperti arak, dadah, dan rokok.

Rajah 1: Model Kesejahteraan Keluarga Berdasarkan Konsep *Al-Falāh*



Kelima-lima domain ini saling berkait dan membentuk ekosistem keluarga sejahtera. Ketakwaan menjadi penentu arah bagi setiap domain agar pembangunan yang dilakukan berada dalam landasan syariat. Kejayaan dalam satu domain menyokong pencapaian domain lain, manakala kelemahan dalam satu aspek boleh menjejaskan kesejahteraan secara keseluruhan. Oleh itu, model ini menekankan bahawa kesejahteraan keluarga bukan sekadar hasil daripada pencapaian material, tetapi merupakan gabungan harmoni antara aspek rohani, jasmani, akal, ekonomi, dan sosial, semuanya berpaksikan kepada redha Allah SWT. Model ini cukup menggambarkan kesejahteraan keluarga yang hakiki iaitu kesejahteraan yang memperoleh keberkatan dan petunjuk kehidupan daripada Allah SWT bagi kebahagiaan dan keselamatan dunia dan akhirat.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kesejahteraan keluarga berdasarkan konsep *al-falāh* mempunyai dimensi tersendiri. Berdasarkan konsep *al-falāh*, kesejahteraan keluarga tidak dilihat dari sudut material sahaja malah lebih mengutamakan aspek kerohanian yang berlandaskan panduan agama. Keimanan dan ketakwaan pula menjadi asas kepada kesejahteraan bagi membentuk keluarga yang seimbang dari sudut kejayaan dunia dan akhirat. Pelaksanaan lima domain utama berlandaskan konsep *al-falāh* yang bermatlamat bagi mencapai ketenangan rohani, kesempurnaan nafkah, kecerdasan akal, keharmonian sosial dan kesejahteraan fizikal serta mental menjadi ukuran kepada kesejahteraan keluarga bagi mencapai kebahagiaan yang hakiki. Setiap domain ini perlu dibangunkan seiring dalam keluarga agar bukan sahaja dapat memberi impak kepada kesejahteraan keluarga malah mampu memberi pengaruh positif kepada masyarakat sekeliling.

Penghargaan

Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana menyediakan dana penyelidikan FRGS/1/2019/SSI03/UKM/03/2.

Rujukan

- Abd Muin, M. A., Abu Bakar, A., & Abdullah, S. (2014). Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Islam. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 129-141.
- Abd. Malek, R. A., & Ismail, A. (2016). Ciri-ciri keluarga mithali menurut Islam: Kajian Literatur. In A. Masrom, S. K. Kamarudin & N. H. Othman (Ed.), *Prosiding Kolokium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARI)*.
- Abdul Jalil, S. J., Osman, K., & Nawawi, N. A. (2022). Analisis tret personaliti al-falāh dalam al-Quran. *Ulm Islamiyyah*, 34(3), 60-69.
- Abdullah, S. (2012). Ciri-ciri umum usahawan Berjaya: analisis daripada perspektif Islam. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 2(1), 163-187.
- Abdullah, D. (2015). *Wawasan al-Qur'an tentang al-falāh: Suatu kajian tafsir maudu'i*. [Disertasi Doktor Falsafah: Universitas Islam Negeri Alaudin Makassar].
- Al-Qudsi, S. H. (2008). Budaya kerja cemerlang menurut perspektif Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *Jurnal Islamiyyat*, 35(1), 41-42.
- Al-Raysuni, A. (2013). *Imam Al-Shatibi's: Theory Of The Higher Objectives And Intents Of Islamic Law*. London: The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Shahud, A. N. (2009). *Subul al-Saadah al-Zawiyyah*. Pahang.
- al-Yasin, J. (1983). *Faylasufan Ra'idan: al-Kindi wa al-Farabi*. Beirut: Dar al-Andalus.
- Al-Zuhayli, W. (2000). *Al-Usrah al-Muslimah fi al-'Alam al-Mu'asirah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Andriani, I., & Mz, I. (2019). Konsep Qana'ah dalam mewujudkan keluarga harmonis perspektif al-Quran. *Nalar: Jurnal Peradaban dan Pemikiran Islam*, 3(1), 64-73.
- Asad. (2018). Membangun keluarga sakinah. *Tazkiya: Jurnal Pendidikan Islam*, 7(2), 1-14.
- Baba, S. (2003). Globalisasi dan cabaran pendidikan Islam. In S. Mohamad & Institusi Kefahaman Islam Malaysia (Eds.), *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia* (pp. 3-13). Kuala Lumpur: Institusi Kefahaman Islam Malaysia.
- Basir, S. (2019). Membangun keluarga Sakinah. *Al-Irsyad Al-Nafs, Jurnal Bimbingan Penyuluhan Islam*, 6(2), 99-108.
- Fajriah, S., Junaedi, D., & M. Maimun (2016). *Al-falāh dan Al-Farah* (Studi ma'anil Quran dan tafsir tematik dalam Tafsir Al-Azhar). *Diya al-Afkar*, 4, 107-127.
- Farwa. A. (2013). Faktor sosial terhadap kesejahteraan Islami keluarga muslim di kota Surabaya. *Jurnal Ekonomi dan Bisnis*, 23(2), 154-163.
- Ghazali, F. S. M., Ghani, N. A., Abdullah, B., Chik, W. M. Y. W., & Zakaria, M. A.. (2018). Cabaran keluarga dalam membantu pemulihan penagih opiat. *Asian People Journal (APJ)*, 1 (1), 1-11.
- HAMKA. (1987). *Tafsir al-Azhar*. Juzu' 4. Jakarta: PT Pustaka Panjimas.
- HAMKA. (2020). *Tafsir Surah As-Saff, Al-Jumu'ah, At-Talaq dan Juzuk 28*. Selangor: PTS Publishing House.
- Hayati, N. (2016). *Tahap kefahaman murid di sekolah menengah kebangsaan bukit sentosa 2 daerah hulu selangor terhadap konsep al-falāh*. [Tesis Master: Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Ibn Manzur. (1968). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Saderth.
- Ibrahim, B., & Mohd, A. (2012). Hak ibu bapa terhadap nafkah dalam perundangan Islam. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 24(1), 24-37.
- Ismail, N., & Zahrin, S. N. (2019). Konsep dan Keperibadian Al-Falah dalam Islam. 5th *International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)*, *Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Malaysia*, 353-372.

- Ismatullaoh, A. M. (2015). Konsep Sakinah, Mawaddah dan Rahmah dalam al-Quran (Perspektif penafsiran kitab al-Quran dan tafsirnya. *Mazahib: Jurnal Pemikiran Hukum Islam*, 14(1), 53-64.
- Jaapar, N. Z., & Azahari, R. (2011). Model keluarga bahagia menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, 8, 25-44.
- Jalil, M. H., & Abdul Kadir, F. A. (2013). Kepentingan kesihatan diri dalam pembangunan insan: Analisis karya falsafah HAMKA. *Jurnal Hadhari, Institut Islam Hadhari, Universiti Malaya*, 5(2), 53-65.
- Langgulong, H. (1987). Research in psychology: Toward an ummatic paradigm. *American Journal of Islam and Society*, 4(1), 73-87.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (2011). *Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga di Malaysia 2011*. Kuala Lumpur: Penerbit LPPKN.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2013). *Laporan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 2013*. Kuala Lumpur: Penerbit LPPKN, KPWKM.
- M. Noor, N., Gandhi, A. D. & Ismahalil (2014). Development of indicators for family well-being in Malaysia. *Social Indicators Research*, 115(1), 279–318.
- Mahmud Mukhlis, M. A. (2016). Muqawwat al-falāḥ di al-Quran karim. In *Dirasat Mawdu'iyah*. Manufiyyah: Jami'at al-Azhar.
- Md Ali, A.W. (2017). *Pembinaan indikator kesejahteraan keluarga menurut Islam*. [Disertasi PhD: Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia].
- Moedjiono, I. (2003). Konsep pendidikan Islam: Telaah pemikiran pendidikan Mohammad Natsir. *JPI FIAI Jurusan Tarbiyah*, 8(6), 46-61.
- Mohamad, N. S. (2013). Pembangunan menurut perspektif Islam: Satu analisis awalan. *Prosiding PERKEM VIII*, 1, 355-370.
- Mubarak, M. Z. (2015). Konsep Keusahawanan Islam: Terminologi, Kerohanian dan Al-falāḥ. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Islam dan Keusahawanan Sosial, Langkawi* (pp. 1-14).
- Othman, N. (2016). A preface to the Islamic personality psychology. *International Journal of Psychological Studies*, 8(1), 20-27.
- Prasetiawati, E. (2017). Penafsiran ayat-ayat keluarga Sakinah, Mawaddah, Wa Rahmah dalam Tafsir al-Misbah dan Ibnu Katsir. *Nizham*, 5(2), 138-166.
- Salleh, M. S. (1999). Usahawan Islam: Erti dan Strategi. *Seminar Usahawan Islam, Anjuran Muslim Students Association, Universiti Sains Malaysia, Kedah*.
- Ummah, S. R. (2018). Hubungan antara al-Fallah (petani) dengan konsep al-falāḥ dalam Al-Quran. *Pancawahana: Jurnal Studi Islam*, 13(1), 41-71.
- Unang, H. (1994). *Kamus At-Tullab : Arab – Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Wan Chik, W. M. Y., Md. Ali, A. W., Mohamad, Z., Ramly, A. F., Mohd Ghazalli, F. S. (2017). Pembinaan keluarga sejahtera: Analisis terhadap prinsip keluarga bahagia rakyat sejahtera dalam transformasi Terengganu baharu. *Journal of Nusantara Studies*, 2(2), 306-318.

Authors:

Dr Siti Jamiaah Abdul Jalil
Centre for Research Dakwah and Leadership,
Faculty of Islamic Studies, UKM
sitijamiaah82@ukm.edu.my

Prof. Dato' Dr Fariza Md Sham
Institute of Islam Hadhari, UKM
farisham@ukm.edu.my

Prof. Dr Rozmi Ismail
Centre for Research Psychology and Human Well-being,
Faculty of Social Sciences & Humanities
rozmi@ukm.edu.my

Assoc. Prof. Dr A'dawiyah Ismail
Centre for Research Dakwah and Leadership,
Faculty of Islamic Studies, UKM
ada@ukm.edu.my

Assoc. Prof. Dr Yusmini Md Yusoff
Department of Dakwah and Human Development,
Academy of Islamic Studies, UM
yusmini@um.edu.my

Dr Khazri Osman
Centre for Research Dakwah and Leadership,
Faculty of Islamic Studies, UKM
khazri@ukm.edu.my



**Pengimarahen Surau dan Musala Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia:
Suatu Sorotan Terhadap Masalah Pelaksanaan Aktiviti**

***Enlivening Surau and Musolla at MOE Schools: A Research on Problems During Activity
Implementation***

Mazlan Ismail,^a & Muhammed Yusof^b

^a PhD Student, Department of Usuluddin and Da'wah, Academy of Islamic Studies,
Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia

^b Department of Usuluddin and Da'wah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya
(UM), Kuala Lumpur, Malaysia

mazana8910@gmail.com (corresponding author); my77@um.edu.my

Received Date:
13 August 2025
Accepted Date:
22 August 2025
Published Date:
12 December 2025

Abstract

The enlightenment of the Surau and Musolla of the schools of the Ministry of Education Malaysia (MOE) is a mechanism towards transformation that leads to the formation of students in terms of "Rabbani" who have noble characters and academic excellence. Indeed, the successful execution of da'wah and scholarly programs has shown dedicated collaborative efforts between the superiors and the school. However, what is clearly seen behind an ideal students' self-development are a few problems that need to be faced by the school administrators, educators and the students themselves. Therefore, the purpose of this article is to investigate the problems that happen during the implementation of the activities. This study uses library and field research methods. In the field research, interview techniques, observations, and documentation had been employed to obtain data. Descriptive studies have been conducted to enable researchers to get a superficial picture of a phenomenon. Researchers' findings show that the problem in the execution of the program to enlighten the Surau and Musolla in the category of aspiring schools is related to financial and time constraints, a lack of cooperation among the teachers, a shortage of support from external parties, a deficiency in teamwork within students, and the measurement level of enlightenment.

Keywords: enlightenment surau and musolla, MOE schools, problems during activity implementation

Abstrak

Pengimarahen surau dan musala sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan suatu mekanisme ke arah transformasi yang menuju kepada pembentukan pelajar Rabbani yang

memiliki budi pekerti mulia dan kecemerlangan akademik. Sesungguhnya pelaksanaan program dakwah dan ilmiah yang dilaksanakan telah menampakkan usaha yang bersungguh-sungguh secara kolaboratif di antara pihak atasan dan pihak sekolah. Namun apa yang jelas kelihatan di sebalik pembinaan diri pelajar yang sempurna telah kedapatan masalah yang perlu dihadapi oleh pihak pentadbir, tenaga pengajar dan pelajar itu sendiri. Justeru itu, artikel ini bertujuan mengkaji masalah yang berlaku semasa pelaksanaan aktiviti dijalankan. Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan dan metode kajian lapangan. Dalam kajian lapangan, kajian ini menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Kajian deskriptif telah dijalankan bagi membolehkan pengkaji mendapat gambaran superfisial tentang sesuatu fenomena. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masalah pelaksanaan program pengimaran surau dan musala dalam kategori sekolah harapan adalah berkaitan masalah kekangan kewangan, kekangan masa, guru kurang memberikan kerjasama, mendapatkan sokongan pihak luar, pelajar kurang memberikan kerjasama dan ukuran tahap pengimaran.

Kata Kunci: pengimaran surau dan musala, sekolah-sekolah KPM, masalah pelaksanaan aktiviti

Cite as: Ismail, M., & Yusof, M. (2025). Pengimaran Surau dan Musala Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia: Suatu Sorotan Terhadap Masalah Pelaksanaan Aktiviti. *Journal of Al-Falah*, 1(1), 19–31.

Pengenalan

Dalam meniti kehidupan pada marcapada, kita telah melihat suatu perkembangan positif terhadap institusi peribadatan seumpama masjid, surau atau musala yang telah mendapat perhatian di segenap lapisan umur masyarakat Islam khususnya di Malaysia. Pada waktu yang sama dilihat ibu bapa menghantar anak-anak ke pusat pengajian pendidikan Islam untuk mempelajari perkara asas fardu ain. Kelompok anak-anak Islam ini dibimbing dan diajar oleh tenaga pengajar. Untuk itu, penduduk berikhtiar membina surau yang berdekatan dengan rumah tenaga pengajar (Jusoh, 1989). Malahan, menurut Ariffin (2008) rumah ibadat ini juga berfungsi sebagai tempat pusat pengajian agama, pengamalan amal ibadah dan pembentukan peribadi mulia bagi penduduk setempat. Oleh itu, institusi ibadah ini mempunyai hubungan dan peranan yang sama dalam perkembangan pendidikan Islam dan kemantapan rohani pada diri anak-anak Islam.

Dalam pada itu, hasil perkembangan yang baik dalam Pendidikan Islam dan kegiatan *dīniah* maka pihak terlibat telah membina surau dan musala bagi kemudahan pelajar-pelajar menunaikan solat di waktu persekolahan. Lebih-lebih lagi boleh dilihat setiap sekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memiliki surau dan musala sendiri. Oleh hal yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperjelaskan bahawa struktur surau yang baik telah membolehkan para guru agama menjalankan Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) dengan sebaiknya. Antaranya adalah seperti aktiviti cara

beristinja, membersihkan diri, pakaian dan tempat dari najis, berwuduk, bertayamum, azan, iqamah, solat fardu dan solat jenazah (KPM, 1994).

Justeru itu, menerusi pengamalan dan pemantapan nilai-nilai murni ini, maka boleh dijustifikasikan bahawa surau sekolah bukan sahaja digunakan oleh pelajar untuk mendiri sembahyang bahkan sebagai tempat persinggahan yang utama. Selain dari penggunaan bilik darjah, surau juga boleh digunakan dan diharmonikan menerusi pelbagai aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Hakikatnya, surau sekolah berperanan menyatukan ikatan kasih sayang dan hubungan persaudaraan di dalam kalangan guru dan murid-murid Islam. Ia berlaku menerusi aktiviti keagamaan dan amalan ibadah sembahyang yang dilakukan secara berjemaah. Keadaan sebegini sekaligus dapat membentuk pelajar yang bertanggungjawab dan berdisiplin.

Sementelahan, menurut Bahagian Pendidikan Islam (BPI) pula, surau merupakan rumah ibadah untuk mempelajari bacaan *al-Qur'ān*, bertadarus dan khatam *al-Qur'ān*. Di dalamnya juga dijadikan tempat murid-murid, guru-guru dan kakitangan sekolah yang beragama Islam melakukan ibadah sembahyang. Di samping ia dijadikan tempat mengadakan latihan amali seperti mengambil wudhu', sembahyang, mandi mayat, bersuci dan lain-lain ibadah fardu ain (BPI, 1989).

Walau bagaimanapun, dalam suasana sebegini terutamanya dalam membentuk pelaksanaan yang membabitkan program pengimarah surau dan musala sekolah yang berjaya pastinya akan berlaku pelbagai masalah. Perkara ini diujahkan oleh Mohd. Shafie et al. (2010) yang menerangkan masalah kewangan adalah penyebab utama memperlihatkan keadaan di dalam kebanyakan surau-surau sekolah tiada kemudahan fasiliti yang baik. Keadaan ini sekaligus tidak dapat menerima jumlah guru dan pelajar yang ramai terutamanya semasa menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan. Sesungguhnya pembangunan surau sekolah amat berharap pada budi bicara dan kesungguhan pentadbir sekolah dan sokongan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG).

Secara tuntas, demi mencapai hasrat dan merealisasikan surau atau musala sekolah sebagai “Pusat Pendidikan Rohani” dan Satu Hentian Utama (*One Stop Centre*) maka semua pihak perlu berganding bahu dan bekerjasama. Aspek menjalankan aktiviti program dan mengatasi masalah ketika dan setelah aktiviti dijalankan bukan sahaja diletakkan di atas pundak pentadbir sekolah bahkan ia perlu di sokong dengan semangat dan iltizam yang tinggi daripada para pelajar, warga pendidik dan masyarakat komuniti sekeliling.

Oleh itu bagi meletakkan dan memartabatkan surau atau musala sekolah berada pada tahap yang membanggakan maka satu usaha telah dijalankan oleh Sektor Pembangunan Akhlak dan Syiar Islam, Bahagian Pendidikan Islam (BPI), KPM iaitu menganjurkan Anugerah Surau Imarah Sekolah-sekolah (ASISS), Kementerian Pendidikan Malaysia, Peringkat Kebangsaan. Anugerah ini diberikan kepada surau dan musala sekolah di bawah seliaan KPM yang terpilih sahaja. Ia melibatkan kategori sekolah rendah dan menengah yang secara langsung akan diangkat sebagai sekolah johan dan sekolah harapan. Anugerah ini telah bermula pada tahun 2013 hingga sekarang (KPM, 2016).

Konsep Pengimarah Surau dan Musala Di Sekolah

Buat masa kini, surau dan musala di sekolah telah memperlihatkan dengan suasana di dalamnya yang kondusif, selesa dan penuh inovasi. Keadaan ini telah menzahirkan pembentukan suasana keagamaan yang sempurna dan harmoni serta berjaya menarik jiwa anak-anak Islam untuk bersama-sama pendidik mendekatkan diri kepada pencipta iaitu Allah SWT khususnya melalui solat berjemaah. Malah, kedua-dua rumah ibadat ini merupakan lambang agama di kawasan sekolah. Pelbagai bentuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan mata pelajaran lain turut dijalankan di dalamnya.

Menurut Mohd. Shafie (2014), memakmurkan masjid amnya serta surau sekolah khususnya adalah merupakan sebarang usaha untuk memakmurkan. Institusi masjid mahupun surau sekolah sebagai pusat ibadah, pendidikan dan pembangunan ummah. Dalam konteks hari ini, di mana-mana sahaja kedapatan surau untuk melaksanakan ibadah terutama dalam menunaikan solat berjemaah. Pembinaan surau di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga sekolah swasta berperanan sebagai pusat pendidikan dan aktiviti dakwah yang berkesan di sekolah khususnya untuk memantapkan kerohanian dan memperkukuh akhlak mulia dalam kalangan pelajar Islam (Bahagian Pendidikan Islam, 2003).

Manakala mengikut pendapat Abd. Rauf (1990), penghayatan dan amalan nilai Islam dalam kalangan pelajar perlu diterapkan dari semasa ke semasa. Aktiviti-aktiviti yang terancang perlu diadakan untuk membiasakan pelajar menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan. Menurut pandangan Amin et al. (2010), bahawa kemudahan surau di sekolah perlu digunakan secara efektif dalam segenap aktiviti yang memberi faedah kepada para pelajar. Fungsi surau perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas dan bukan hanya terikat sebagai pusat ibadah semata-mata. Guru-guru Pendidikan Islam perlu memainkan peranan yang aktif untuk mengimarahkan surau sebagai sebuah institusi penting dalam sistem pendidikan masa kini. Malah sekiranya pusat ibadah ini berfungsi dengan baik, maka pembangunan menyeluruh dalam kalangan pelajar dari aspek rohani, akal, jiwa dan jasmani dapat dibangunkan secara bersepadu. Selain itu menurut Munir (2019), urus tadbir surau-sarau yang dibina dalam kawasan sekolah berfungsi sebagai tempat ibadah kepada seluruh warga sekolah dan para pelajar. Dari sinilah ia memberi manfaat serta impak yang besar kepada pelajar-pelajar terutama dalam melihat mereka berjaya memahami, menghayati Islam secara menyeluruh atau pun secara syumul dalam kehidupan seharian mereka.

Tambahan pula, pihak Bahagian Pendidikan Islam (BPI) (1988) juga telah memperjelaskan bahawa amalan dakwah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam amat luas pengertiannya. Ia tidak dapat disempurnakan secara keseluruhan dalam bilik darjah yang terhad. Ia perlu dilaksanakan di luar bilik darjah pada waktu-waktu terancang yang lain. Ini bagi memastikan agar dakwah dapat dijalankan secara sempurna menerusi penghayatan teori dan amali. Manakala melalui aktiviti kokurikulum dalam bidang Pendidikan Islam pula, ia menjadi satu kesinambungan dan rangkaian aktiviti yang berkaitan dengan sukatan pelajaran dalam kurikulum Pendidikan Islam di dalam bilik darjah. Secara langsung ia dapat memberi peneguhan dan amalan tambahan yang perlu diamalkan dan dilaksanakan dalam kehidupan.

Berkaitan dengan situasi ini, maka pengkaji mengemukakan konsep pengimarahkan surau dan musala sekolah yang membabitkan beberapa program atau aktiviti sepertimana yang digariskan oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI). Langkah ini adalah suatu usaha ke arah melahirkan pelajar yang hebat dari segi akhlak dan tingkah laku serta cemerlang dari sudut pencapaian akademik mereka. Untuk itu, pengkaji telah menggarap lima program utama iaitu program keagamaan/kerohanian, dakwah dan tarbiyah, motivasi dan bimbingan, penampilan dan jati diri serta berbakti kepada ibu bapa dan pihak luar. Bagi program keagamaan/kerohanian, ia melibatkan program Tadris *al-Qur'ān*, Kuliah, *Ta'līm*, Tazkirah, Santapan Rohani, zikir *Asmā' al-Husnā* dan doa; dan menyambut hari kebesaran Islam. Manakala bagi program dakwah dan tarbiyah ia melibatkan halaqah ilmu, cinta hadis SAW, usrah dan penerbitan risalah/buletin. Sementara bagi program motivasi dan bimbingan ia telah melibatkan program kolokium kepimpinan, kem perkara asas fardu ain (PAFA), kem aqil baligh, program motivasi, kursus dan seminar, mimbar pencetus *dā'ī*, kem pengurusan jenazah, kursus imam bilal dan simulasi sembelihan.

Kajian Literatur

Di antara penulisan jurnal, sarjana dan kedoktoran berkaitan pengimarah surau dan musala di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah:

1. Menerusi penulisan Mohd. Shafie dan Talib (2015) yang bertajuk “Pengimarah Surau Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah.”. Kajian ini membincangkan tentang pengimarah surau dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Hasil dari kajian tersebut antaranya mendapati surau sekolah berfungsi menghidupkan suasana di dalamnya dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Di samping surau sekolah juga dijadikan pusat kegiatan kokurikulum Pendidikan Islam, pusat pendidikan dan penyampaian ilmu keagamaan bagi membentuk sahsiah pelajar Islam yang beriman, berakhlak mulia dan sentiasa beramal salih (Mohd. Shafie dan Talib, 2015).
2. Manakala Mohammad (2004) dalam kajian sarjana yang bertajuk “Peranan Surau Sekolah Dalam Pembangunan Sahsiah Murid Islam Di Sek. Men. Daerah, Kulai, Johor.” Antara hasil kajian beliau mendapati surau sekolah berjaya membentuk sahsiah murid Islam menerusi tanggapan murid Islam itu sendiri terhadap fungsi, peranan dan aktiviti surau. Pembentukan sahsiah murid ini adalah menerusi aktiviti surau yang dijalankan sama ada dalam bentuk harian, mingguan dan bulanan (Mohammad, 2004).
3. Polemik ini juga telah dinyatakan oleh Zakariya @ Abd. Hamid (2013) dalam kajian doktor falsafahnya yang bertajuk “Institusi Surau Sekolah Dalam Pembangunan Akhlak Remaja: Suatu Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Berasrama Aliran Agama Di Negeri Kedah Darul Aman.” Antara hasil kajiannya mendapati aktiviti solat berjemaah merupakan program surau yang banyak mempengaruhi perkembangan akhlak remaja ke arah membawa sesuatu perubahan berkaitan hubungan dengan Allah SWT, Rasulullah SAW, ibu bapa, diri sendiri, masyarakat dan alam sekeliling. Di samping surau sekolah adalah tempat persinggahan utama pelajar dalam membentuk rohani dan spiritual mereka (Zakariya @ Abd. Hamid, 2013).
4. Manakala menurut Rozita dan Mohd. Aderi (2015) di dalam jurnal yang bertajuk “Amalan Pengajaran Guru dalam Kemahiran Bacaan Al-Quran Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan di Selangor” menyatakan amalan mengajar guru dalam pendidikan Islam amat penting terutama dalam bidang tilawah al-Quran. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan tiga pakej utama dalam bidang tilawah al-Quran untuk pendidikan Islam rendah iaitu kebolehan membaca ayat-ayat, kebolehan menghafaz ayat-ayat pilihan dan kebolehan memahami ayat-ayat. Kajian ini memfokuskan kepada amalan pengajaran guru dalam kemahiran bacaan ayat. Tujuan utama kajian adalah untuk mengetahui tahap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam bahagian kemahiran membaca ayat di sekolah rendah di Selangor (Rozita dan Mohd. Aderi, 2015).
5. Selain itu, di dalam penulisan yang dilakarkan oleh Abdullah dan Muhd Adnan (2018) yang bertajuk “Pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua” telah menyatakan melalui Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang dilaksanakan di sekolah. Program Amali Solat merupakan satu program yang dilaksanakan di sekolah untuk mendidik pelajar supaya dapat belajar dan seterusnya dapat menunaikan solat dengan sempurna. Selain itu, tujuan kajian adalah untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) dalam kalangan pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Kamaruddin yang terletak di Batu Kurau Perak Darul Ridzuan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar amat berminat terhadap pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) yang dilaksanakan di sekolah mereka. Dapatan juga menunjukkan program ini banyak

memberi manfaat kepada mereka dari aspek kesempurnaan ibadah khususnya ibadah solat (Abdullah dan Muhd Adnan, 2018).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti masalah pelaksanaan pengimarah surau dan musala bagi kategori sekolah harapan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan dan metode kajian lapangan. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Analisis deskriptif telah dijalankan bagi membolehkan pengkaji mendapat gambaran superfisial tentang sesuatu fenomena.

Dalam aspek temu bual, pengkaji telah memperincikan seramai 19 responden yang terdiri daripada kelompok pihak atasan iaitu pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pengetua, Guru Besar, Guru Pendidikan Islam (GPIS), Guru Akademik dan Pelajar. Untuk itu, bagi mencapai objektif kajian ini maka sebanyak dua buah sekolah kebangsaan telah dipilih iaitu Sekolah Kebangsaan Sg. Marong, Pahang dan Sekolah Kebangsaan Seri Tasek, Pulau Pinang. Manakala bagi kategori sekolah menengah pula adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kukup, Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Juasseh, N. Sembilan. Responden dipilih dengan menggunakan persampelan bertujuan. Teknik ini digunakan untuk mendapat responden yang boleh memberi maklumat bersesuaian dengan objektif kajian. Temu bual telah dirakam melalui pita rakaman. Untuk itu, menurut Idris (2013), kelebihan temu bual ialah kaedah ini membenarkan penyelidik memberi penjelasan jika terdapat soalan yang kabur; responden juga dapat memberi keterangan lanjut kepada soalan yang penting.

Selain kaedah temu bual dan dokumentasi, pemerhatian juga telah digunakan oleh pengkaji. Pengamatan atau pemerhatian adalah gambaran langsung yang didapati oleh pengkaji tanpa perantaraan orang tengah. Mengikut pendapat Malakolunthu (2001) pengumpulan data adalah tidak lengkap tanpa pemerhatian. Ini kerana temu bual hanyalah merupakan pengumpulan laporan sendiri individu atau kumpulan individu tertentu. Dengan itu, adalah penting bagi seseorang penyelidik untuk membuat triangulasi maklumat yang dikumpulkan dengan pemerhatian.

Manakala data-data yang diperoleh daripada temu bual pula ia disemak dan diproses menggunakan perisian Atlas ti. Perisian ini akan melakukan proses pengekodan terima cadangan kod semasa mengekod secara autopilot untuk keseluruhan dokumen atau petikan terpilih dan sekaligus perhalusi hasil yang didapati.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Masalah Kekangan Kewangan/Dana

Bagi masalah kekangan kewangan/dana (a) ia melibatkan tiga aspek iaitu: (a1) Kewangan Agak Terbatas; (a2) Sukar Memperoleh Dana; (a3) Menggerakkan Aktiviti Pengimarah. Ditegaskan bahawa data yang empirikal memaparkan masalah kekangan kewangan/dana telah dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Masalah Kekangan Kewangan/Dana Dalam Pengimarah Surau dan Musala Bagi Sekolah Harapan

Tema Kekangan Kewangan/Dana	PTS5-8	GPIS5-8	GAS5-8	PJS5-8	OS5-8	ADS5-8
Kewangan Agak Terbatas	x	x	-	-	-	x
Sukar Memperoleh Dana	-	x	-	-	-	-
Menggerakkan Aktiviti Pengimarah	-	-	x	-	-	-

Nota: PTS5-8 = Pentadbir Sekolah 5-8; GPIS5-8 = Guru Pendidikan Islam Sekolah 5-8; GAS5-8 = Guru Akademik Sekolah 5-8; PJS5-8 = Pelajar Sekolah 5-8; OS5-8 = Observasi Sekolah 5-8; ADS5-8 = Analisis Dokumen Sekolah 5-8; x = data bagi tema yang dibina; - = tiada data yang mewakili tema ini.

Sesungguhnya kekuatan dapatan kajian berkaitan aspek-aspek yang terlibat dalam masalah kekangan kewangan/dana ini diperkukuhkan dan dibuktikan melalui kata-kata Pentadbir Sekolah 8 (PTS8), Guru Pendidikan Islam Sekolah 7 (GPIS7), Pentadbir Sekolah 5 (PTS5), Guru Pendidikan Islam Sekolah 8 (GPIS8), Jabatan Pendidikan Negeri 2 (JPN2), Guru Akademik Sekolah 5 (GAS5) dan Jabatan Pendidikan Negeri 1 (JPN1).

(a1) Aspek Kewangan Agak Terbatas

Masalah kewangan yang agak terbatas telah dijelaskan oleh Pentadbir Sekolah 8 (PTS8) sebagai berikut: *“Dari segi kewangan sebab dalam keadaan sekarang memang kita susah sikit untuk dapatkan sumber kewangan. Dari segi kementerian, dari segi jabatan, PPD pun dia tak ada peruntukan khas untuk pengimarah surau dan PIBG. Ia yang bergerak berdasarkan sumbangan daripada orang perseorangan, NGO dan juga badan-badan persendirian...”* Hal ini diperkukuhkan lagi dari sumber lain. Berdasarkan senario ini Guru Pendidikan Islam Sekolah 7 (GPIS7) menyatakan: *“Masalah yang paling besar adalah mencari dana. Itu sangat besar. Pada awalnya suatu yang kami agak peritlah untuk cari duit. Sebab program imarah surau ni nak tak nak kita kena terima bahawa kita perlukan dana, perlukan duit dan sebagainya. Jadi pada awal masuk pertandingan kita hanya buat duit yang ada di poket lah maksud poket iaitu duit di sekolah, duit guru. Bila tahun pertama tahun ke 2 kita memang tak nafikan kita perlukan duit, jadi saya dan beberapa orang ustazah kita buat kertas kerja, buat apa pun untuk cari duit, dan kami berbincang bagaimana nak dapatkan duit, maka kami buat kertas kerja. Ini juga satu masalah yang besar.”*

Diikuti oleh Pentadbir Sekolah 5 (PTS5) yang menegaskan: *“Itu antara kekangan apabila kita menyertai pertandingan ni macam mana pun, kita nak ceriakan, kita nak jalankan aktiviti perlukan duit, pokoknya pada duit juga. Tapi itulah. Kalau harap PPD, Jabatan memang tak ada. Kita pun tak ada. Betul-betul seribu dari kemenangan untuk kita jadi johan peringkat negeri Johor. PPD pun tak ada. Idea banyak tapi tak beri peruntukan. Itulah kekangan.”* Kenyataan PTS8, GPIS7 dan PTS5 memperlihatkan bahawa keterbatasan untuk memperoleh dana atau kewangan daripada pihak tertentu akan menyebabkan pihak yang diberi kepercayaan sanggup mencari kewangan secara sendiri dan berkumpul bagi memastikan aktiviti yang dirancang dapat dijalankan dengan sempurna.

(a2) Aspek Sukar Memperoleh Dana

Bagi kategori masalah kekangan kewangan / dana ini juga dinyatakan perihal tenaga pendidik sukar memperoleh dana. Dalam hal ini Guru Pendidikan Islam Sekolah 8 (GPIS8) ada menjelaskan: “...Sampai kami mengemis untuk cari sumbangan. Sampai macam tu. Jika program bina insan, kami perlukan sumbangan dari pihak atasan. Mereka sedar atau tidak sedar sehingga cikgu kena cari sumbangan. Sampai orang kata kami ni pengemis. Projek nak berjalan duit tak ada. Laporan nak. Nak cantik, datang tak mahu..Impaknya adalah student. Kami buat ini adalah kami pandang pada pelajar. Masalah yang paling utama adalah kewangan, yang lain tiada masalah.” Kenyataan GPIS8 menunjukkan kesungguhan warga pendidik mendapatkan punca kewangan walaupun terpaksa meminta-minta kepada pihak tertentu bagi membolehkan program aktiviti kerohanian yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Ia diperkukuhkan lagi dengan kata-kata Jabatan Pendidikan Negeri 2 (JPN2) yang menyatakan: “Untuk surau imarah tiada bajet cuma pandai-pandai kita. Pandai-pandai sekolah cari dana dan sumbangan.” Kenyataan JPN2 adalah menyingkap kepada ketiadaan peruntukan dana atau kewangan daripada pihak tertentu telah melumpuhkan segala idea terutamanya dalam membina perancangan ke atas sesuatu program. Bahkan situasi sukar memperoleh dana ini telah menyelubungi warga pendidik. Selanjutnya perkara terakhir daripada masalah kekangan kewangan adalah permasalahan yang dihadapi adalah menggerakkan aktiviti pengimarah. Ia melibatkan faktor kesukaran dan kepayahan dalam menghadapi beberapa peringkat yang dipertandingkan.

(a3) Aspek Menggerakkan Aktiviti Pengimarah

Bagi kategori masalah kekangan kewangan/dana ini juga dinyatakan perihal memperlihatkan aktiviti pengimarah berjalan dengan perlahan. Berdasarkan senario ini Guru Akademik Sekolah 5 (GAS5) ada menjelaskan: “Namun yang saya dapati masalah kewangan telah wujud terutama bagi menggerakkan aktiviti-aktiviti pengimarah, melengkapkan kemudahan fizikal serta meluaskan ruang di dalam surau yang tidak dapat menampung semua murid.” Dapatan kajian ini menyokong dan selari dengan kata-kata Jabatan Pendidikan Negeri 1 (JPN1) yang menjelaskan: “Bila hendak imarah surau ni kos la. Ni kelebihan surau di bandar, PIBG dia kuat. Bila PIBG dia kuat macam-macam boleh buat. Sebab nak beli cat pun mahal nak buat wakaf, buat galerinya kos. Ini kekangan kepada sekolah luar bandar PIBG pun tak kuat, sekolah bandar sebut je ini saya wakaf nak buat ambil wuduk ini sumbangan saya bagi RM 16 ribu contohnya dia bagi. Kat kampung tiada sebegitu.” Berdasarkan kata-kata daripada GAS5 dan JPN1 ini, menunjukkan setiap aktiviti pengimarah yang melibatkan surau dan musala tidak dapat dijalankan bahkan mungkin ditangguhkan jika masalah kewangan masih berada di tahap yang membimbangkan. Setelah masalah kekangan kewangan/dana dihuraikan dan dijelaskan, maka pengkaji akan membincangkan pula berkaitan masalah guru kurang memberikan kerjasama.

Masalah Guru Kurang Memberikan Kerjasama

Bagi masalah guru kurang memberi kerjasama (b) ia melibatkan empat aspek iaitu: (b1) Guru Lepas Tangan; (b2) Guru Berada Di Zon Selesa; (b3) Ketidaksediaan Guru Muda (b4) Kurang Jalinan Sesama Guru. Ditegaskan bahawa data yang empirikal memaparkan masalah guru kurang memberi kerjasama telah dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2: Masalah Guru Kurang Memberikan Kerjasama Dalam Pengimarahannya Surau dan Musala Bagi Sekolah Harapan

Tema Guru Kurang Memberi Kerjasama	PTS5-8	GPIS5-8	GAS5-8	PJS5-8	OS5-8	ADS5-8
Guru Lepas Tangan	x	x	-	-	-	-
Guru Berada Di Zon Selesa	x	-	-	-	-	-
Ketidaksediaan Guru Muda	x	-	-	-	-	-
Kurang Jalinan Sesama Guru	x	-	-	-	-	-

Nota: PTS5-8 = Pentadbir Sekolah 5-8; GPIS5-8 = Guru Pendidikan Islam Sekolah 5-8; GAS5-8 = Guru Akademik Sekolah 5-8; PJS5-8 = Pelajar Sekolah 5-8; OS5-8 = Observasi Sekolah 5-8; ADS5-8 = Analisis Dokumen Sekolah 5-8; x = data bagi tema yang dibina; - = tiada data yang mewakili tema ini.

Sesungguhnya kekuatan dapatan kajian berkaitan aspek-aspek yang terlibat dalam masalah guru kurang memberikan kerjasama ini diperkukuhkan dan dibuktikan melalui kata-kata Guru Pendidikan Islam Sekolah 6 (GPIS6), Pentadbir Sekolah 7 (PTS7), Pentadbir Sekolah 6 (PTS6), Jabatan Pendidikan Negeri 5 (JPN 5), Pentadbir Sekolah 6 (PTS6), Pejabat Pendidikan Daerah 1 (PPD1), Pentadbir Sekolah 6 (PTS6), Jabatan Pendidikan Negeri 2 (JPN2) dan Jabatan Pendidikan Negeri 5 (JPN5).

(b1) Aspek Guru Lepas Tangan

Perihal faktor guru lepas tangan telah menyebabkan kurangnya sikap ingin kerjasama dalam kalangan sesama guru. Hal ini telah dipertegas oleh Guru Pendidikan Islam Sekolah 6 (GPIS6): “...Di sini ada di kalangan guru-gurulah, ada segelintir guru-guru mengambil jalan lepas tangan. Ia wujud mana-mana tempat pun memang ia wujud, kita bukan nak menyalahkan mana-mana pihak. Cuma bagi guru-guru yang buat kerja tu kadang-kadang kita kata kita buat je jangan ambil kisah tapi kadang-kadang kena ambil kisah. Namun jika ada guru yang cuba melepaskan diri jadi di situ timbullah sedikit isu yang kita rasakan berat, kerana setengah orang buat keje kena ada orang suruh. Sehingga saya terpaksa buat jadual, saya snap saya masuk dalam group apa yang kena buat daripada situ kita nak nampak depa buat keje daripada situ saya pantau, sebab saya kata tadi saya kata tadi kadang-kadang ada yang mengalirkan air mata kerana termakan hati.” Kenyataan GPIS6 ini memperlihatkan bagaimana sikap mengambil jalan lepas tangan atau mementingkan diri sendiri telah berlaku dalam kalangan warga pendidik terutama ketika diarahkan menyelesaikan sesuatu tugasan. Ia berlaku dalam pelbagai keadaan, masa dan tempat.

Dalam hal ini, Pentadbir Sekolah 7 (PTS7) juga ada menjelaskan: “...Dalam kalangan guru-guru tu masih melihat itu bukan menjadi sebahagian daripada dia orang la, sebab itu di sini pelbagai bidang bidang vokasional dia tak ada penentangan tapi dari segi sambutan, dari segi reaksi bukan pemahaman masih meletakkan orang agama Islam je tugasan tu hanya di handle oleh panitia Agama Islam saja menyelaras program-program tersebut.” Kenyataan PTS7 menunjukkan bahawa sikap lepas tangan dalam kalangan guru telah menyebabkan guru-guru pendidikan Islam bertungkus lumus dalam melaksanakan pelbagai sambutan dan program yang diatur oleh pihak sekolah. Apa pun kesemua tugasan dan bebanan adalah tanggungjawab

semua tenaga pengajar yang terdiri daripada pihak Guru Pendidikan Islam, Guru Akademik dan pihak pentadbir.

(b2) Aspek Guru Berada Di Zon Selesa

Masalah guru kurang memberikan kerjasama ini telah membawa kepada sikap merasakan diri mereka berada di dalam zon selesa atau di dalam keadaan tiada paksaan. Dalam hal ini Pentadbir Sekolah 6 (PTS6) ada menjelaskan: *"...Dan ada juga masalah dari guru-guru zon selesa seperti kata biarlah orang lain buat bukan kita. Itu masalah. Kita nak imarah ni ia dibuat semua."* Ia disokong dan selari dengan kata-kata Jabatan Pendidikan Negeri 5 (JPN5) yang menjelaskan: *"Mungkin dia fikir itu bukan keutamaan itulah yang kita lihat. Dia fikir pengimarah surau ini bukan priority jadi dia fikir tak buat pun tak apa. Jadi kita fikir sikap itulah yang perlu diubah. Jika tak ubah ia masalah besar lah."* Kenyataan PTS6 dan JPN5 menunjukkan bahawa kedapatan dalam kalangan mereka yang mengambil langkah dengan hanya melihat orang lain yang melakukannya. Situasi sebegini adalah disebabkan oleh faktor mementingkan diri sendiri tanpa memberi keutamaan terhadap sesuatu tugas.

(b3) Aspek Ketidaksediaan Guru Muda

Masalah guru kurang memberikan kerjasama ini telah wujud dalam kalangan pendidik yang memiliki usia yang muda. Bukan masih belum bersedia untuk mematuhi segala arahan yang dikeluarkan ke atas diri mereka. Hal ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Pentadbir Sekolah 6 (PTS6): *"Kesediaan guru-guru muda yang saya lihat ketika ni lebih suka datang mengajar, balik dan saya juga pernah bertanya, berbincang dengan kawan-kawan yang duduk di sektor lain yang bukan dari sektor pendidikan beliau mengatakan memang menjadi satu trend. Pekerja muda ni jiwa muda ni tak ada semangat, jiwanya tak ada pada tempat sesuatu organisasi. Sedangkan kerja guru ni besar, satu amanah yang besar. Ini satu masalah besar bagaimana nak membimbing dia orang supaya berlaku perubahan."* Ia disokong dan selari dengan kata-kata Pejabat Pendidikan Daerah 1 (PPD1) yang memperkatakan: *"...untuk memberi kefahaman kepada sebilangan kecil guru agama itu sendiri terhadap program pelaksanaan imarah surau boleh dikatakan agak sinis, mengatakan tak ada faedahnya. Itulah masalahnya dari kalangan guru agama itu sendiri. Yang nak mendokong itu, yang nak melaksanakan adalah guru-guru agama jadi kita rasa terkilan bila ada suara-suara mengatakan buat apa nak cantikkan surau atau musala, pertandingan satu hal mereka katakan."* Kenyataan PTS6 dan PPD1 menyatakan bahawa ketiadaan sikap kesanggupan untuk berganding bahu dalam melaksanakan program atau aktiviti yang dirancang terutama dalam perkara mengimarahkan surau dan musala sekolah.

(b4) Aspek Kurang Jalinan Sesama Guru

Masalah guru kurang memberikan kerjasama ini telah wujud apabila timbul suasana kurang jalinan sesama guru dalam kalangan sesama pendidik. Hal ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Pentadbir Sekolah 6 (PTS6): *"Masalah yang sangat besar. Kerana ia bukan sangat mudah untuk kita jalinkan antara guru-guru agama, guru yang bukan Islam untuk turut-turut sama terlibat. Ia melibatkan agama. Ini kerana surau digunakan untuk semua."* Kenyataan PTS6 menunjukkan bahawa aspek guru kurang memberikan jalinan sesama guru adalah timbul daripada aspek perbezaan agama yang menimbulkan pelbagai respon lebih-lebih lagi dalam usaha mengimarahkan rumah ibadah seumpama surau atau musala sekolah.

Seterusnya, ia disusuli dengan penegasan daripada kata-kata Jabatan Pendidikan Negeri 2 (JPN2): *"Masalah yang sering timbul adalah kerjasama. Pertama; timbul kerjasama antara*

GPI itu sendiri. Ada guru yang nak sambut program, ada guru yang tidak mahu sambut. Kedua; guru sesama guru. Iaitu bukan GPI tapi Guru Akademik.” Kenyataan JPN2 ini telah menyatakan masalah kurang memberikan kerjasama juga berlaku ke atas kelompok guru yang berada di dalam zon selesa yang melambatkan proses pelaksanaan pengimarahahan.

Selanjutnya, ia disokong dan selari dengan kata-kata Jabatan Pendidikan Negeri 5 (JPN5) yang menjelaskan: “...kalau boleh semua sekolah, semua kepimpinan sekolah, semua warga sekolah terlibat langsung dalam pengimarahahan surau kerana setakat kita fahami sehingga setakat ini, yang terlibat secara khususnya adalah guru-guru pendidikan Islam sahaja dan mereka menganggap kerja-kerja pengimarahahan surau ini hanya guru-guru pendidikan Islam sahaja.” Kenyataan JPN5 menyatakan bahawa tanggungjawab untuk mengimarahkan rumah ibadah ini adalah merupakan satu tanggungjawab bersama. Ia bukan hanya dipikul oleh guru-guru Pendidikan Islam sahaja. Rumusan bagi masalah guru kurang memberi kerjasama ia melibatkan empat aspek iaitu guru lepas tangan, guru berada di zon selesa, ketidaksediaan guru muda dan kurang jalinan sesama guru.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, perjalanan program yang dirancang dan diatur oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha memberi tumpuan ke atas aktiviti pengimarahahan surau dan musala di sekolah-sekolah KPM telah menampakkan kesan yang baik terutamanya aspek pembentukan akhlak mulia pelajar Islam. Daripada perspektif yang ingin diperkatakan oleh pengkaji, maka dilihat pelaksanaan aktiviti pengimarahahan surau dan musala bagi sekolah harapan lebih terarah kepada masalah kekangan kewangan/dana dan guru kurang memberikan kerjasama. Dengan kata lain, setiap masalah yang berlaku ini memerlukan kepada sokongan dan bantuan sepenuhnya daripada pihak pentadbir dan warga sekolah. Ironinya, program aktiviti kerohanian telah dapat membina akhlak yang mulia dalam kalangan pelajar-pelajar Islam. Penjelmaan akhlak yang terpuji ini senantiasia diamalkan dalam kehidupan seharian mereka. Bukan mudah untuk melihat anak-anak Islam memperoleh akhlak yang mulia melainkan wujudnya kekentalan iman dan pengisian rohani yang sempurna dalam diri mereka sendiri.

Rujukan

- Abdullah, R. & Muhd Adnan, N. I. (2018). Pelaksanaan Program Amali Solat dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 11(1), 1-16.
- Amin, J., Tamuri, A. H., & Kasim, N. Z. M. (2010). Peranan Surau Sekolah Sebagai Pusat Kecemerlangan P&P Pendidikan Islam. *Prosiding International Conference On Islamic Education 2010 (Icied2010)*: Subang Jaya, Selangor, 294.
- Arifin, A. (2008). Peranan Masjid Dalam Pembentukan Peribadi: Suatu Kajian di Daerah Gombak. [Tesis Master: Jabatan Sejarah & Tamadun Islam, Universiti Malaya].
- Bahagian Pendidikan Islam. (1988). *Aktiviti Ko-Kurikulum Pendidikan Islam dalam KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam. (1989). *Pengurusan dan Teknik Dakwah Islamiah Sekolah-Sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dalip, A. R. (1990). Pendidikan Islam Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Ke Arah Amalan dan Penghayatan Nilai Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 2, 36-45.
- Idris, N. (2013). Instrumentasi. In *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. (2nd ed.). Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd..

- Ishak, M., et al. (2021). Tinjauan Tahap Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemangkin Perubahan Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani Melalui Kaedah Pendidikan Islam Tidak Formal. *Sains Insani*, 6(1), 25-34. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.229>
- Ismail, A. M. (2019). Kecemerlangan Urus Tadbir Surau-Sarau Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Malaysia (The Excellent Good Governance at Prayer Places of National Secondary In Malaysia). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Universiti Zainal Abidin*, 20(2), 51-69.
- Ismail, R. (2013). *Metode Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jusoh, A. (1989). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016, Januari 12). *Anugerah Surau Imarah KPM 2016*. Bahagian Teknologi dan Komunikasi.
- Malakolunthu, S. (2001). Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan. In Marohaini (Eds), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammad, I. (2004). *Peranan Surau Sekolah Dalam Pembangunan Sahsiah Murid Islam Di Sek. Men. Daerah, Kulai, Johor*. [Kajian Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia].
- Mohd Shafie, B. H. (2014). *Fungsi Surau Sekolah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. [Kajian Tesis Kedoktoran: Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Mohd Shafie, B. H., Talib, N. H. F., Awang @ Husain, M. H., Zakaria, H. B., Kassim, N, & Tamuri, A. B. (2010). Peranan Surau Sekolah Dalam Mengukuhkan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bidang Ibadah Dan Akhlak Islamiah Pendidikan Islam Di Sekolah-sekolah Menengah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-4, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*, 382.
- Mohd. Shafie, B. H., & Talib, N. H. F. (2015). “engimarahan Surau dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah. *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman, Persatuan Intelek Muslim Malaysia*, Bangi, Selangor. (pp. 55-70). Persatuan Intelek Muslim Malaysia. <http://eprints.utm.my/45445/>
- Rozita, M. N., & Mohd. Aderi, C. N. (2015). Amalan Pengajaran Guru dalam Kemahiran Bacaan Al-Quran Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan di Selangor. *International Conference On Islamic Education And Social Entrepreneurship 2015 (ICIESE2015)*.
- Tamuri, A. H., Awaluddin, S., & Nordin, T. A. (2003). *Fungsi Surau dan Keberkesanannya Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian Di Sekolah-sekolah di Negeri Selangor*. [Kajian Penyelidikan: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Zakariya @ Abd. Hamid, K. (2013). *Institusi Surau Sekolah Dalam Pembangunan Akhlak Remaja: Suatu Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Berasrama Aliran Agama Di Negeri Kedah Darul Aman*. [Kajian Tesis Kedoktoran: Universiti Sains Malaysia].

Lampiran (Temu bual)

- Temu bual dengan Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, 30 Ogos 2017.
- Temu bual dengan Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, 18 September 2017.
- Temu bual dengan Pengetua, SMK Sri Kukup, Johor Bharu, 22 Oktober 2017.
- Temu bual dengan Guru Akademik, SMK Sri Kukup, Johor Bharu, 22 Oktober 2017.
- Temu bual dengan Guru Besar, SK Seri Tasek, Pulau Pinang, 30 Oktober 2017.
- Temu bual dengan Guru Pendidikan Islam, SK Seri Tasek, Pulau Pinang, 30 Oktober 2017.

Temu bual dengan Guru Pendidikan Islam, SMK Juasseh, Negeri Sembilan, 06 November 2017.

Temu bual dengan Guru Besar, SK Sg. Marong, Bentong, Pahang, 13 November 2017.

Temu bual dengan Guru Pendidikan Islam, SK Sg. Marong, Bentong, Pahang, 13 November 2017.

Temu bual dengan Pengetua, SMK Juasseh, Negeri Sembilan, 6 November 2017.

Temu bual dengan Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Gombak, Selangor, 1 Februari 2018.

Temu bual dengan Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, 12 Jun 2018.



Tuhan, Manusia Dan Alam: Kesepaduan Dalam Kehidupan Masyarakat Majmuk Melalui Siri Filem Animasi Upin Ipin Dari Perspektif Islam

God, Human and Nature: Unity in Life Plural Society Through an Animated Film Series Upin and Ipin from Islamic Perspective

Siti Aisyah Yap Binti Abdullah,^a Nor Raudah Hj. Siren,^b & Nurul Husna Mansor^c

^a Programme of Islamic Studies, Faculty of Islamic Studies, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah, Malaysia

^b Department of Usuluddin and Da'wah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia

^c Department of Usuluddin and Da'wah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia

sitiaisyahyap@ums.edu.my (corresponding author); raudah68@um.edu.my; nurulhusna@um.edu.my

Received Date:
16 August 2025
Accepted Date:
20 September 2025
Published Date:
12 December 2025

Abstract

Continuous education for the younger generation, particularly children, is necessary to understand the concept of knowing one's true self. This is because, the entertainment content of animated films nowadays, is seen to be increasingly uncontrolled through websites, social media or broadcasts on TV screens with a variety of manners from foreign countries that do not match the values of the plural society in this country. Therefore, this article aims to analyse the practice of a pluralistic society in Malaysia that focuses on relationships with God, fellow human beings and nature in the animated film Upin and Ipin from an Islamic perspective. From a methodological point of view, this qualitative study uses library research and data content analysis to analyse animated films that were watched. The results of the study found that the animated series Upin and Ipin is suitable as viewing material for children because it can display positive content about the unity of a harmonious plural society and is still centred on the teachings of Islam as the official religion in Malaysia.

Keywords: God, human and nature, plural society, film, animated series, Upin Ipin

Abstrak

Kesedaran konsep mengenal hakikat diri memerlukan pendidikan yang berterusan terhadap generasi muda, khususnya bagi golongan kanak-kanak. Ini kerana, menerusi kandungan hiburan filem animasi pada masa kini, dilihat semakin tidak terkawal melalui laman sesawang,

media sosial mahupun siaran di kaca TV dengan kepelbagaian adab dari negara luar yang tidak sesuai dengan nilai masyarakat majmuk di negara ini. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis pengamalan masyarakat majmuk di Malaysia yang berpaksikan kepada hubungan dengan Tuhan, sesama manusia dan terhadap alam dalam filem animasi Upin dan Ipin dari perspektif Islam. Dari sudut metodologi, kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kajian perpustakaan dan analisis kandungan data dari filem animasi yang ditonton. Hasil kajian mendapati bahawa siri animasi Upin dan Ipin sesuai sebagai bahan tontonan kepada golongan kanak-kanak kerana berupaya memaparkan kandungan yang positif mengenai perpaduan masyarakat majmuk yang harmoni dan masih berpaksikan kepada ajaran Islam sebagai agama rasmi di Negara Malaysia.

Kata kunci: Tuhan, manusia dan alam, masyarakat majmuk, filem, siri animasi, Upin Ipin

Cite as: Abdullah, S. A. Y., Hj. Siren, N. R., & Mansor, N. H. (2025). Tuhan, Manusia Dan Alam: Kesepaduan Dalam Kehidupan Masyarakat Majmuk Melalui Siri Filem Animasi Upin Ipin Dari Perspektif Islam. *Journal of Al-Falah*, 1(1), 32–52.

Pengenalan

Konsep nilai dalam budaya Islam merujuk kepada *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* sebagai sumber dan panduan. Dengan berpegang kepada prinsip '*aqidah*, *sharī'ah* dan *akhlāq*, ajaran Islam meletakkan pandangan semestanya mempunyai kaitan dengan Tuhan, manusia dan alam (Haron et al., 2011). Menurut Rashid (1990), nilai-nilai Islam yang terdapat di dalam masyarakat Melayu berpandukan kepada ketiga-tiga elemen tersebut. Pandangan tersebut turut didapati dalam hasil kajian ilmiah yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana seperti Faruqi (2007), Samidi dan Yahaya (2016), Bauto (2014), Alim dan Rosowulan (2019) dan lain-lain. Melalui *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*, perkara yang bersifat fizik dan metafizik menjelaskan hubung kait antara Tuhan, manusia dan alam. Kesepaduan antara urusan agama dan duniawi dalam kehidupan masyarakat manusia yang merujuk kepada pandangan semesta inilah yang dilihat meletakkan akidah sebagai teras utama di dalam ketamadunan Islam.

Oleh itu, konsep nilai dalam budaya Islam adalah selari dengan semua budaya masyarakat walaupun mengalami sebarang perubahan dalam kehidupan manusia sepanjang zaman. Sejarah Islam juga mencatatkan bahawa masyarakat majmuk telah wujud ketika di zaman pimpinan Rasulullah SAW di Kota Madinah dengan penyatuan antara kaum *Muhājirīn* dan *Anṣār* yang terdiri daripada pelbagai etnik dalam kalangan bangsa Arab. Ini kerana secara asasnya, Islam tidak menerima sebarang bentuk perbezaan dan ketidakadilan sama ada kerana faktor jantina, warna kulit, bahasa, keturunan, negara, kedudukan keluarga, orang bukan Islam dan harta (Muslim et al., 2011). Tambahan pula, ajaran Islam telah menetapkan nilai-nilai sejagat dan mengutamakan keamanan dari sebarang bentuk pertelingkahan dengan berlandaskan hidup secara berakidah, bersyariah dan berakhlak. Melalui contoh Piagam Madinah yang bersifat mesra hubungan etnik dalam fasal 25 (29) yang menyentuh tentang perjanjian antara kaum Muslimin dan Yahudi (Aris et al., 2021) menyingkap ia sebagai perjanjian yang fleksibel dengan memperkenalkan istilah ummah yang membawa makna yang luas dengan merentasi sempadan agama, kepercayaan, bangsa dan negara.

Dalam bidang penerbitan filem animasi pula, konsep nilai budaya di Malaysia boleh dikatakan sebagai medium hiburan yang menggantikan kesenian wayang kulit, makyung, dikir barat dan bangsawan (Nasir dan Bujang, 2015,) yang pernah popular di kalangan masyarakat pada suatu ketika dahulu. Ia merupakan persembahan berbentuk multimedia yang mendapat sambutan dan permintaan ramai pada masa kini. Walaupun demikian, pengisian kandungannya tidak lari dari mempromosikan identiti Malaysia dan jati diri tempatan serta kesatuan antara kaum mengikut polisi Budaya Kebangsaan 1971 (Dasuki et al., 2015). Ini kerana pengisian kandungan genre kebanyakannya berdasarkan cerita secara realiti atau rekaan ini mempunyai kaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan yang dilihat dari pelbagai sudut sama ada kekeluargaan, alam pekerjaan, politik, kesihatan, pendidikan, sains teknologi, kesenian dan sebagainya dilihat agak kompleks dan sukar untuk dijangka berikutan dari faktor seperti perubahan, perkembangan atau pun kemerosotan (Miller, 1984) dalam kehidupan yang dilalui. Genre yang menarik dan mendapat perhatian tertinggi daripada para penonton adalah seperti genre pengembaraan, kekeluargaan, fantasi dan aksi. Populariti filem animasi yang tidak dapat disangkal ini menjadi antara cabang hiburan yang terbesar bagi golongan kanak-kanak dan remaja (Yusof et al., 2018) di seluruh dunia pada masa kini.

Oleh kerana budaya tempatan di Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa mempunyai nilai adat ketimuran, maka inisiatif dalam bentuk penetapan dilaksanakan oleh pihak kerajaan secara khususnya di bahagian kawalan dan penapisan filem dengan mengeluarkan beberapa garis panduan khusus melalui beberapa syarat yang mengambil kira dari sudut tema filem, mesej penyampaian sama ada secara tersurat atau tersirat, pengajaran yang diperoleh, tahap pengaruh terhadap golongan penonton sasaran, tidak mengandungi sentimen perkauman, bersesuaian dengan situasi kerajaan semasa dan kehendak wawasan negara (Lembaga Penapis Filem [LPF], 2012)

Maka tidak menjadi suatu masalah dalam hal ehwal pemasaran dan penyiaran kerana bahan tontonan filem animasi merupakan bahan yang tergolong dalam kategori U (Umum), iaitu membolehkan semua lapisan masyarakat turut menikmatinya kerana tidak mempunyai unsur-unsur P13, 18 dan tidak lulus tayangan (TUT) seperti yang digariskan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF, 2012). Dari sudut tanggungjawab sosial, Institusi Media dan Badan Swasta turut mengambil bahagian dengan menaja slot siaran filem animasi pendek pada waktu perdana melalui Pengumuman Perkhidmatan Awam (PSA) iaitu mesej yang bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu sosial semasa (Utusan, 2017) seperti Cegah Aedis Cegah Denggi (Les' Copaque, 2013) Jimat Elektrik, Cegah Rasuah, Patuhi Undang-Undang Jalan Raya dan sebagainya.

Konsep Perpaduan Masyarakat Majmuk di Malaysia

Konsep masyarakat majmuk di Malaysia menurut pandangan Furnivall (1939) adalah akibat daripada dasar-dasar kolonial yang menyebabkan penghijrahan penduduk mengikut kehendak sistem ekonominya. Secara tidak langsung, hal ini telah mewujudkan kelompok-kelompok yang pelbagai ragam dalam satu unit politik. Sejarah pula telah mencatatkan bahawa masyarakat majmuk terjadi apabila majoriti kaum antara Melayu, Cina, dan India bersepakat melalui persetujuan kontrak sosial untuk mencapai kemerdekaan secara bersama. Permuafakatan ini melibatkan lima elemen utama dengan meletakkan Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, hak keistimewaan Melayu dan bumiputera, kedudukan institusi raja, dan kewarganegaraan mengikut prinsip jus soli (Ikhsana dan Ahmad, 2014). Yunus dan Muslim (2006) kemudiannya menyimpulkan konsep masyarakat majmuk pada masa kini sebagai gabungan dua atau lebih masyarakat yang hidup bersama dalam satu unit politik atau dalam satu kerajaan. Kemajmukan dalam kehidupan bermasyarakat ini memerlukan perpaduan dan toleransi yang tinggi selaras dengan hasrat dan

cita-cita negara Malaysia. Hal ini jelas terkandung sebagai visinya untuk meneraju perpaduan yang inklusif ke arah kemakmuran bersama dan misinya dengan meningkatkan usaha baharu penyatupaduan untuk membina tapak integrasi bagi pengukuhan semangat muhibbah dalam kalangan rakyat (Kementerian Perpaduan Negara, 2021).

Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang diiktiraf oleh kuasa luar, maka kedaulatan yang diertikan dengan kemampuan untuk menerapkan undang-undang negara dalam wilayah kawasannya (Situngkir, 2018) adalah amat penting dan menjadi asas sebagai sebuah negara yang merdeka untuk mempunyai autonomi dalam mentadbir sesebuah negara oleh warga tempatan tanpa campur tangan daripada mana-mana pihak kuasa negara luar. Pegangan terhadap integrasi dan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia adalah kunci utama yang dapat membangunkan semangat kenegaraan, kesatuan dalam kalangan sesama warganegara, mengukuhkan keselamatan dan menjaga kekuasaan negara demi kestabilan dan keharmonian bersama. Maka, pengenalan kepada masyarakat majmuk di Malaysia tidak lagi berdasarkan kepada pecahan bangsa, kaum atau etnik, tetapi lebih memberikan fokus kepada pembangunan dalam bentuk kekeluargaan, komuniti dan institusi di dalamnya sebagai inti perpaduan dan integrasi tersebut. Walau bagaimanapun, dari sudut kebudayaan, ia masih boleh dikongsi bersama untuk diamalkan selagi tidak bercanggah dengan *sharī'ah Islāmīyah* bagi yang bersyahadah kepada Yang Maha Esa.

Integrasi masyarakat dalam sesebuah negara adalah amat penting untuk menjaga kestabilan dan keharmonian bersama. Menurut Kamus Dewan (2015), integrasi bermaksud penggabungan dua atau beberapa kaum menjadi satu. Berdasarkan kebudayaan di negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk, integrasi masyarakat dilihat mempunyai keunikannya yang tersendiri menerusi kontrak sosial yang mempunyai kepentingan nilai saling memahami, menghormati dan bertolak ansur (Ikhsan dan Ahmad, 2014) untuk membolehkan kepelbagaian kaum hidup bersama sebagai kelompok masyarakat yang besar dalam satu negara. Integrasi dan kesepaduan sosial yang berasaskan kepada akomodasi, akulturasi, asimilasi dan amalgamasi sepertimana yang disenaraikan oleh Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2010), Aziz dan Yakob (2014), Ahmad et al. (2017) dan lain-lain sarjana sains sosial.

Istilah-istilah yang terhasil dari hubungan etnik antara masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum wujud di negara Malaysia adalah berdasarkan kepada faktor sejarahnya yang membawa kepada pembentukan tersebut. Walau bagaimanapun, istilah segregasi tidak termasuk dalam senarai tersebut disebabkan oleh definisinya bersifat pemisahan antara etnik atau kaum yang ekstrim dan tiada kaitan dengan topik integrasi masyarakat. Untuk mengelakkan gejala terjadinya perpecahan atau segregasi ini, maka simbol identiti kebangsaan yang berdasarkan kepada kesedaran sivik seperti bendera, lagu kebangsaan, pakaian seragam dan pasukan sukan sebagai contohnya dicipta untuk mewujudkan integrasi dan semangat negara bangsa dalam kepelbagaian etnik dan budaya di negara ini. Manakala untuk mewujudkan perpaduan pula, terdapat beberapa inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan seperti pelaksanaan kempen perpaduan wilayah, perpaduan ekonomi, perpaduan politik, perpaduan pendidikan, perpaduan kebudayaan dan perpaduan sosial (Anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia, 2013). Kepelbagaian strategi dan kaedah yang terlaksana dalam hal ehwal integrasi dan perpaduan antara etnik dan kaum adalah untuk memastikan bahawa ia adalah tunggak kepada keharmonian dalam kehidupan anggota masyarakat yang terdiri dari pelbagai latar agama, budaya, nilai dan jati diri sebagai rakyat Malaysia.

Filem Animasi Dan Kandungan Siri Animasi Upin Ipin

Dari sudut sejarah, pembangunan filem animasi di Malaysia telah memperlihatkan Unit Filem Malaya atau kini lebih dikenali sebagai Filem Negara mula mempersembahkan Hikayat Sang Kancil pada tahun 1983 (Harun dan Rahim, 2010). Pada tahun yang berikutnya sehingga 1987,

muncul hasil penerbitan yang lain seperti Sang Kancil dan Monyet, Sang Kancil dan Buaya, Gagak yang bijak, Arnab yang sombong dan Singa yang Haloba (Othman, 2009). Hasil tempias dari kecanggihan teknologi pada awal tahun 90-an, filem animasi bersiri yang bercorakkan budaya tempatan mula mewarnai industri hiburan seperti Usop Sontorian, Kampung Boy, Anak-anak Sidek dan Bola Kampung dalam bentuk 2 Dimensi. Penguasaan teknologi perkomputeran teknik 3 Dimensi daripada warganegara Malaysia sendiri pada alaf baru kini telah berjaya melahirkan filem animasi versi baru seperti SeeFood, Pada Zaman Dahulu, Upin dan Ipin, Boboiboy, Bola Kampung The Movie dan lain-lain.

Seiring dengan kecanggihan teknologi, pengisian kandungannya tidak lari dari mempromosikan identiti Malaysia dan jati diri tempatan serta kesatuan antara kaum mengikut polisi Budaya Kebangsaan 1971 (Dasuki et al., 2015). Ini kerana pengisian kandungan genre kebanyakannya berdasarkan cerita secara realiti atau rekaan ini mempunyai kaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan yang dilihat dari pelbagai sudut sama ada kekeluargaan, alam pekerjaan, politik, kesihatan, pendidikan, sains teknologi, kesenian dan sebagainya dilihat agak kompleks dan sukar untuk dijangka berikutan dari faktor seperti perubahan, perkembangan atau pun kemerosotan (Miller, 1984) dalam kehidupan yang dilalui. Genre yang menarik dan mendapat perhatian tertinggi daripada para penonton adalah seperti genre pengembaraan, kekeluargaan, fantasi dan aksi (Ji dan Waterman, 2010). Populariti filem animasi yang tidak dapat disangkal ini menjadi antara cabang hiburan yang terbesar bagi golongan kanak-kanak dan remaja (Yusof et al., 2018) di seluruh dunia pada masa kini.

Walaupun secara universalnya sering dikaitkan dengan sasaran penonton yang hanya terdiri daripada golongan kanak-kanak, di Negara Jepun pula adalah sebaliknya kerana mereka turut menyasarkan penontonnya daripada golongan dewasa berbanding dengan Negara Barat. Kelainannya adalah genre animasi tersebut digabungkan dengan aksi keganasan, seksualiti, dan 'situasi-situasi orang dewasa' yang merupakan *juxtaposition* (dua perkara yang dilihat atau diletakkan berdekatan dengan kesan yang berbeza). Perubahan genre tersebut tidak diterokai oleh media hiburan Amerika Syarikat walaupun diminati, mendapat sambutan dan telah menjadi budaya popular di kalangan rakyatnya sendiri. Bagi negara Malaysia pula, secara dasarnya tidak akan menerima genre tersebut di dalam industri budaya tempatan kerana sosial masyarakatnya yang berbilang bangsa masih lagi tebal dengan nilai adat ketimuran. Inisiatif dalam bentuk penetapan dilaksanakan oleh pihak kerajaan secara khususnya di bahagian kawalan dan penapisan filem dengan mengeluarkan beberapa garis panduan khusus melalui beberapa syarat yang mengambil kira dari sudut tema filem, mesej penyampaian sama ada secara tersurat atau tersirat, pengajaran yang diperoleh, tahap pengaruh terhadap golongan penonton sasaran, tidak mengandungi sentimen perkauman, bersesuaian dengan situasi kerajaan semasa dan kehendak wawasan negara (Bahagian Kawalan Penapisan Filem & Penguatkuasaan Garis Panduan Penapisan Filem, 2010)

Manakala kandungan penerbitan siri animasi filem Upin dan Ipin yang telah bermula bersiaran sejak tahun 2007, masih kekal hingga kini. Ceritanya bermula dengan pemaparan kisah sepasang kembar kanak-kanak lelaki yang bernama Upin dan Ipin dalam menjalani ibadah puasa di Bulan Ramadhan buat kali pertama sebelum meraikan Hari Raya Aidilfitri. Jiman (2011) mengulas bahawa setiap episod tersebut disulami dengan jenaka yang mengandungi nilai-nilai moral dan walaupun jalan penceritaannya ringkas, ia menarik. Keseluruhan musim pertama siri filem animasi ini menurut dapatan kajian daripada Mutolingah (2011) mengandungi nilai pendidikan Islam yang terdiri dari '*aqidah*, *shari'ah* dan *akhlāq*'. Disebabkan hal yang demikian, penerimaan daripada para penonton semakin bertambah dan telah berjaya menjadikan siaran siri animasi Upin Ipin diteruskan pada tahun yang berikutnya.

Walaupun filem animasi merupakan hiburan kanak-kanak, ia juga memerlukan kandungan kepelbagaian genre agar tidak bosan untuk ditonton. Dalam hal ini, Djumala (2018)

yang memetik daripada Sarumpaet (2010) menyatakan cerita tradisional di dalam sastera pembacaan awal kanak-kanak misalnya mengandungi pelbagai genre di dalamnya seperti peribahasa, kisah haiwan, dongeng, cerita rakyat, mitos, legenda, cerita fantasi, fiksyen realistik, biografi, fiksyen sejarah, bukan fiksyen, puisi, dan drama. Penceritaan seperti yang demikian juga terdapat di dalam siri animasi Upin dan Ipin berdasarkan senarai tajuk yang dinyatakan sebelum ini. Sebahagian dari isi kandungannya mempunyai pelbagai aktiviti kehidupan masyarakat seperti ilmu sosiologi yang menyentuh perihal seperti kesihatan, perubatan dan tubuh badan, keagamaan, kekeluargaan dan isi rumah, pendidikan, identiti dan budaya, komunikasi media dan sebagainya (Haralambos, 2004).

Jenis-jenis penceritaan yang sedemikian menunjukkan bahawa Syarikat Les' Copaque (SLC) mempunyai inovasi yang tersendiri dalam menyampaikan keunikan penerbitannya seiring dengan misi syarikatnya. Buktinya terserlah melalui setiap plot jalan ceritanya yang tersendiri dan hal tersebut menjadikan ia tidak jemu ditonton sepanjang masa walaupun telah diulang tayang ke dalam pelbagai jenis saluran sama ada melalui televisyen dan media sosial semenjak dari tahun 2007. Dewi (2010) menyatakan bahawa penyebab kepada animasi Upin Ipin tidak membosankan kerana ia berupaya menanam kreativiti, nilai-nilai pengajaran yang baik dan pendidikan disiplin secara tidak langsung dalam mendidik perilaku penonton secara khususnya kepada kanak-kanak. Isi kandungan yang membawa kesan yang positif ini juga bukan sahaja menjadikan ia popular di seluruh negeri Malaysia, tetapi juga berjaya dipasarkan sehingga ke negara luar seperti Indonesia, Singapura, Brunei (ASEAN Intellectual Property Portal, 2016), China (Ahmad, 2019), dan turut berkembang ke Kemboja, Thailand, Vietnam dan Filipina melalui saluran Disney Channel Asia. Bahkan, pandemik Covid-19 yang telah melanda seluruh dunia secara global juga tidak menghalang SLC untuk terus bergerak aktif dengan bantuan media sosial seperti YouTube, Instagram, Facebook, aplikasi TikTok dan turut mendapat sambutan dalam Youku yang merupakan media sosial di negara China.

Masalah Kajian

Sebelum menjengah tentang permasalahan kajian, terdapat beberapa perkara yang menjadi objektif dan persoalan bagi kajian ini. Antaranya ialah untuk mengenal pasti konsep masyarakat majmuk dan kandungan filem animasi Upin Ipin, menghuraikan hubungan manusia dengan Tuhan, sesama manusia dalam kehidupan masyarakat dan menganalisis aplikasi masyarakat majmuk di Malaysia dalam filem animasi Upin dan Ipin dari perspektif Islam. Manakala persoalannya adalah seperti apakah konsep masyarakat majmuk dalam filem animasi? Bagaimana interaksi perhubungan antara manusia dengan Tuhan, sesama manusia dan kaitannya dengan alam? dan bagaimana filem animasi Upin dan Ipin memaparkan kandungan kehidupan masyarakat majmuk yang sesuai berdasarkan ketiga komponen utama tersebut dengan berpandukan Islam sebagai agama rasmi di Malaysia? Untuk meneroka jawapan bagi objektif dan persoalan tersebut, kajian ini menggunakan kajian perpustakaan dan data analisis kandungan daripada filem animasi yang telah ditonton.

Dari sudut permasalahan, kajian ini melihat kepada beberapa masalah yang timbul berkaitan dengan isi kandungan filem animasi di Malaysia. Antaranya ialah mengenai isu lambakan filem animasi dari luar negara yang membanjiri media massa di negara ini (Noob, 2021) sehingga ia tidak terkawal untuk ditapis dan tidak diluluskan oleh kerajaan Malaysia (Yaakub, 2021) apabila ia sentiasa boleh didapati dengan mudah tanpa mengira batasan masa dan tempat. Selain itu, ia dilihat masih kurang mempunyai penerbitan yang berunsurkan pembangunan jati diri budaya tempatan dalam konteks kehidupan masyarakat yang berpegang kepada nilai-nilai keagamaan. Hubungan sosial kemanusiaan dalam kehidupan masyarakat lebih banyak memberikan penekanan kepada hubungan sesama manusia berbanding kaitannya dengan Tuhan dan alam. Sedangkan kandungan isi *al-Qur'ān* yang menghuraikan hal ehwal

alam merupakan asas pengenalan manusia kepada tuhan (Yaakob, 2012). Walaupun terdapat nilai pengajaran moral, pengisian tersebut masih belum lagi cukup untuk menampung tujuan pendidikan kerohanian kerana banyak dilapisi dengan gaya hiburan yang menjadi trend pasaran semasa yang telah diacu dengan produk negara luar. Natijahnya, kesepaduan antara urusan agama dalam kehidupan dunia kurang diketengahkan dalam kandungan penerbitan filem animasi tempatan. Ini kerana budaya negara-negara barat yang memegang dasar sekularisme pantang membicarakan secara terbuka mengenai hal ehwal keagamaan (Prastyphylia, 2018). Maka adalah wajar sekiranya negara Malaysia bangkit dengan imej yang tersendiri dengan mengangkat nilai keagamaan ke dalam kandungan filem animasi.

Kemunculan cerita bersiri Upin dan Ipin dalam bentuk 3D dalam industri filem animasi oleh Syarikat Les' Copaque (SLC) pada masa kini secara konsisten sedikit sebanyak telah mengisi banyak ruang yang ditinggalkan oleh pihak penerbitan sebelum ini yang pernah mengeluarkan siri animasi 2D seperti Usop Sontorian, Anak-Anak Sidek, Kampung Boy dan sebagainya ketika di zaman 90-an. Walaupun pihak SLC telah menerbitkan filem animasi yang bercorakkan nilai-nilai tempatan dan identiti Malaysia dengan sebaik yang mungkin, masih juga terdapat beberapa komentar yang ditimbulkan sebagai isu dan perdebatan yang cuba dinyatakan secara terbuka di laman sesawang atau media sosial. Antara isu-isu yang menimbulkan polemik dan kontroversi adalah seperti isu watak Salleh sebagai lelaki lembut, watak Kak Ros yang bersikap kasar, penggunaan bahasa pengganti diri aku engkau (Mayudin, 2019) mempunyai dialog yang menyinggung perasaan (Mdaily, 2021) dan sebagainya. Selain itu, turut menjadi persoalan kepada pihak SLC atas musabab yang dilihat tidak lagi meneruskan pengisian kandungannya yang berbentuk keislaman secara penuh seperti terbitan musim pertama dan kedua menerusi temubual bersama pihak *deentrepreneur* pada tahun 2010 (deentrepreneur, 2010).

Kritikan dan persoalan sedemikian memperlihatkan bahawa filem animasi tempatan masih lagi kekurangan isi kandungan yang berunsurkan genre Islamik secara penuh. Manakala penonjolan isu kelemahan nilai budaya masyarakat yang diterbitkan oleh warga tempatan sendiri telah memberikan ruang dan peluang kepada industri filem animasi negara luar mendominasi siaran di Negara ini secara terang-terangan bercanggah dengan peruntukan undang-undang yang melindungi agama Islam melalui perkara 11 (4) (Lawnet, PNMB) untuk mengawal atau menyekat apa-apa doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam kepada umat Islam. Oleh kerana yang demikian, pembinaan semula konsep animasi yang meletakkan nilai-nilai Islam melalui hubungan antara Tuhan, manusia dan alam sebagai konteks utama dalam pengisiannya adalah suatu perkara yang sangat wajar dilakukan sebagai inisiatif dakwah bagi seluruh umat Islam sebagai usaha yang murni dalam menyebarkan kebaikan bersama selain dari turut bertujuan untuk menerbitkan kandungan cerita yang mempunyai identiti budaya tempatan di Negara ini serta mempunyai estetika kesenian yang tersendiri.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana tidak melibatkan sebarang pengiraan khusus untuk menghasilkan keputusan kajian kerana ia merupakan suatu kaedah untuk mengkaji permasalahan dalam bidang sains sosial (Parasuraman, 2011). Proses dalam kajian kualitatif adalah sistematik kerana menurut Piaw (2011), ia melibatkan perancangan kaedah kajian, pengumpulan dan penghuraian data serta perlu melaporkan maklumat dari hasil dapatan kajian. Dalam kajian ini, rujukan perpustakaan diperlukan untuk memahami topik yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dalam bidang nilai budaya, masyarakat majmuk dan filem animasi tempatan supaya boleh disampaikan semula dalam bentuk idea yang berlainan dalam perbincangan kajian. Kompilasi dari ilmu pengetahuan yang terdapat di dalam kajian lepas yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah pengumpulan maklumat boleh membantu

untuk meluaskan pandangan yang sedia ada, membina ruang baru dalam penulisan ilmiah, membuat keputusan untuk mengisi topik perbincangan yang berkaitan dengan objektif kajian dan sebagainya.


Bahan analisis pula adalah dari filem animasi Upin dan Ipin yang telah diterbitkan oleh Syarikat Les' Copaque Sdn Bhd. Ia telah disiarkan di televisyen dan disebarkan secara meluas ke dalam bentuk laman sesawang internet dan media sosial didapati lebih dari 15 musim sejak dari tahun 2007 hingga kini. Kesemuanya dianggarkan berjumlah lebih dari 200 siri. Menurut Lebar (2007), kaedah dan konsep analisis data kualitatif merupakan prosedur yang kompleks kerana memerlukan keselarisan di antara perkataan dan tindakan manusia dengan menguruskan kategori data tersebut yang seterusnya membawa kepada penerokaan terhadap hubungan antara data yang berkait dengan nilai atau sifat yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Antara tujuan analisis isi kandungan filem animasi ini adalah untuk memahami jalan cerita yang disampaikan dalam bentuk imej, audio atau verbal dan seterusnya bentuk komunikasi tersebut akan diuraikan dengan lebih lanjut menurut tujuan kajian penulisan.

Pendekatan etnografik dipilih menjadi reka bentuk kajian ini kerana ia berfungsi menghuraikan budaya sosial komuniti yang terdapat di dalam data analisis dengan lebih mendalam. Antara pembahagiannya adalah seperti keluarga, jiran, sahabat, institusi, pekerjaan, aktiviti komuniti dan sebagainya. Ia merangkumi gaya hidup, komunikasi, agama, adat resam, perhubungan sosial dan sebagainya (Piaw, 2012). Tujuan kepada pembahagian tersebut dilakukan adalah untuk memahami tema komunikasi antara watak yang terdapat di dalam filem animasi tersebut supaya ia boleh diuraikan dengan lebih lanjut. Antara butiran utama yang diperhatikan adalah isu-isu masyarakat berserta dengan genre sastera dan nilai-nilai budaya masyarakat dari perspektif Islam.

Landasan Kajian

Lingkungan kehidupan manusia di dunia ini menurut ajaran Islam mempunyai kaitan hubungan dengan Tuhan, manusia dan alam seperti mana menurut pandangan al-Attas (1978). Berdasarkan kenyataan tersebut, Rahem (2014) menyatakan setiap segi tersebut menunjukkan hubungan yang rapat dan tidak terpisah. Dalam hal ini, Ibnu Khaldun (1377) menukilkan perhubungan tersebut di dalam penulisan kitab *Muqaddimah* (terj. Irham et al., 2011) dengan lebih terperinci di dalam topik ilmu kalam mengenai keesaan Allah SWT, kewujudan manusia dan alam. Konsep yang sedemikian memegang kepada landasan *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*. Oleh yang demikian, penjelasan mengenai perhubungan manusia dengan Tuhan, sesama manusia dan terhadap alam diuraikan seperti yang digambarkan oleh Tajul (1993) yang dipetik oleh Hasmori et al. (2011) seperti berikut:

Rajah 1: Model hubungan manusia dengan Tuhan, sesama manusia dan alam



Sumber: Olahan model daripada Akhmal Annas Hasmori et al. (2011) yang memetik daripada Tajul Ariffin (1993)

Gambaran rajah segi tiga menunjukkan Tuhan (Allah SWT) di kedudukan yang teratas, dan manusia atau insan dengan alam yang merupakan juga ciptaan Allah SWT berada pada kedudukan yang sama. Manusia juga merupakan khalifah yang dilantik oleh Allah SWT untuk mentadbir alam dan mempunyai hubungan sosial sesama manusia, maka interaksi bagi ketiga-tiga komponen tersebut saling berkaitan dengan berteraskan panduan *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* (Hasmori et al., 2011).

Hubungan Manusia dengan Tuhan

Walaupun Allah SWT tidak boleh digambarkan secara zahir, para ulama' *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* menggabungkan pemikiran *tawhīd* dan *taṣawwuf* dengan memperkenalkan sifat 20 sebagai kaedah untuk mengenaliNya dan menjadi tunggak pembentukan '*aqīdah*, *sharī'ah* dan *akhlāq* (Ismail, 2014). Melalui para *anbiyā'* yang diutuskan, manusia sering diberikan peringatan untuk tetap beriman kepadaNya agar sentiasa berada di jalan yang benar. Ini kerana secara fitrahnya, kehidupan manusia bukan hanya sekadar memenuhi tuntutan fizikal, tetapi juga memerlukan hal ehwal kerohanian untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Ritual yang berlandaskan sumber *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* sebagaimana menurut al-Kumayi (2011) berkenaan selain ibadah khusus seperti Solat, Puasa, Zakat dan Haji, ia juga mencakupi semua aktiviti yang dilakukan sama ada dari fikiran, perkataan dan perbuatan dengan syarat dilandaskan niat kerana Allah SWT. Hal tersebut memperlihatkan bahawa tujuan utama manusia dicipta sebagai makhluk Allah SWT adalah untuk beribadah kepadaNya berdasarkan ayat al-Quran:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Adh-Dhāriyāt 51:56

Hubungan Sesama Manusia

Ia merupakan sistem sosial Islam meliputi seluruh aspek kehidupan sama ada secara jasmani atau rohaniyyah dengan aturan daripada Allah SWT dan manusia hanyalah khalifah untuk menguruskan alam ini sebagai amanah yang menjadi tanggungjawab dan tanda ketaatan kepadaNya. Dalam hal tersebut, Ghazali (1997) turut berpendapat bahawa konsep ketauhidan yang diseirinkan dengan khalifah dan amanah di bawah penguasaan moral perlu dipatuhi oleh manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT. Secara tidak langsung, bagi Abdullah (1996), asas perhubungan manusia adalah melalui budaya pemupukan komunikasi yang baik untuk manfaat bersama supaya boleh menjalinkan kerjasama dari sudut pengurusan kerja.

Disebabkan hal yang demikian juga, maka hubungan sesama manusia (Ali dan Selamat, 2000) ini memerlukan pengetahuan dan pengamalan akhlak yang baik untuk menjaga hak ahli masyarakat seperti ahli keluarga, jiran tetangga, sahabat, guru, pemimpin dan lain-lain pihak. Manakala bagi kandungan ajaran selain dari agama Islam seperti Buddhisme, Hinduisme, *The New Testament* dan Confucianisme juga mengandungi tatasusila yang menganjurkan adab dalam menjaga perhubungan sesama manusia untuk mempunyai moraliti, disiplin dan kebijaksanaan dalam pertuturan, perbuatan, pemikiran, dan sebagainya dengan berdasarkan pandangan daripada Aziz (2004) bahawa setiap agama dengan sistem nilai dan etika yang mantap akan memastikan sesebuah masyarakat akan membangun dalam konteks yang berpedoman. Ini menunjukkan bahawa perhubungan sesama manusia di sisi Tuhan adalah

setara tanpa sebarang diskriminasi dengan konsep persaudaraan untuk memastikan kehidupan setiap ahli masyarakat berada dalam keadaan aman dan harmoni. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Terjemahan: Wahai Manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah adalah orang yang bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengerti.

Al-Hujurāt 49:13

Hubungan Manusia dengan Alam

Dari sudut pandangan semesta Islam, alam merujuk kepada Bumi sebagai tempat kehidupan manusia menempuh ujian dan menjaga amanah Allah SWT untuk menguruskannya dengan sebaik yang mungkin. Abdullah (1996) menggambarkan hubungan dengan alam dalam bentuk sama ada ia dimanfaatkan untuk memenuhi tujuan kehidupan manusia atau dijaga untuk keharmonian bersama. Selain dari jenis hidupan sama ada di darat, laut atau udara dalam bentuk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain unsur secara fizikal yang dicipta Allah SWT di muka bumi ini, terdapat juga makhluk di alam ghaib yang tidak dapat dilihat secara zahir oleh manusia. Akan tetapi, hal ehwal metafizik ini wajib dipercayai oleh orang-orang yang beriman yang mengakui tanda kebesaranNya sebagai pencipta alam. Secara lumrahnya juga, kehidupan manusia tidak lari dari takdir, ketetapan dan hukum alam (Wirman, 2012) seperti adanya sebab dan akibat, terikat dengan konsep masa, proses kitaran kehidupan dan sebagainya. Oleh yang demikian, adalah sebaiknya bagi manusia memakmurkan alam ini dengan sebaiknya dan tidak membuat sebarang kemudaratan dengan berdasarkan perintahNya:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ
مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Terjemahan: Dan janganlah kamu membuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (jika tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang yang memperbaiki amalannya.

Al-A'rāf 7:56

Perbincangan dan Hasil Dapatan

Perbuatan secara syumul dalam kehidupan dunia ini tidak lari dari berkaitan dengan Tuhan, sesama manusia dan terhadap alam. Ia merupakan ibadah di sisi Allah SWT dengan berdasarkan petikan surah *adh-Dhāriyāt* ayat 56 dan surah *az-Zalzalah* ayat 8. Mohd Nasir Masroom (2013) menyatakan bahawa walaupun amalan yang dilakukan oleh manusia di luar dari sebarang tujuan ibadah, setiap pemikiran, perbuatan, percakapan dan tingkah laku sama ada baik atau jahat tetap akan dihitung dan dijawab di akhirat kelak. Kesemua ibadah tersebut menunjukkan wujudnya perhubungan antara manusia dengan Tuhan, sesama manusia dan

perhubungan dengan alam. Hal tersebut diperkukuhkan lagi oleh Rashid (1990) bahawa nilai utama dalam masyarakat melayu mempunyai hubungan tiga penjuru. Dengan ini juga adalah pasti bahawasanya perhubungan dengan Tuhan adalah lebih utama dalam segenap sudut kehidupan manusia. Oleh itu, nilai amalan yang berkait hubungan dengan Tuhan, sesama manusia dan terhadap alam dihuraikan seperti berikut:

Hubungan Manusia dengan Tuhan

Dari perspektif Islam, perkaitan hubungan Manusia dengan Allah SWT adalah jelas dan menjadi tujuan utama dalam kehidupan. Dengan menyedari hakikat tersebut, umat Islam diberikan pedoman melalui kandungan al-Quran dan Sunnah untuk tujuan tersebut supaya beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat. Hal ini adalah kerana sifat fitrah manusia yang memerlukan pergantungan dari segenap inci kehidupannya turut berkait dengan takdir dan perlindungan untuk menjauhi perkara yang membawa kemudaratan. Zaini (2004) menjelaskan konsep takdir menurut Islam adalah berdasarkan usaha, doa dan tawakal. Antara kepentingan dalam menyedari hubungan antara manusia dengan Tuhan yang dinyatakan secara tidak langsung melalui beberapa babak di dalam filem animasi Upin dan Ipin adalah seperti berikut:

Gambar 1: Antara isi hubungan manusia dengan Tuhan dalam filem animasi Upin dan Ipin



Sumber: Les Copaque Sdn Bhd.

Gambar 1A di dalam babak Indahny Ramadan (2016) menunjukkan Upin dan Ipin sedang bersemangat menceritakan semula kisah Nabi yang didengar dari pembelajaran kelas mengaji dengan Ustaz di kampung mereka. Di halaman tangga rumah, Upin yang ditemani Ipin dilihat cuba mengulang semula apa yang didengari dari kelasnya sebelum ini, *“Seronok sangat dengar Ustaz cerita kisah-kisah nabi.”* Ipin pun turut berkongsi perasaan yang sama dengan kembarnya itu, *“Betul betul betul. Kisah Nabi Daud, Nabi Yusuf...”* Upin pun terus menyambung, *“Dan Nabi Adam. Nabi Adam degil, dia tak dengar cakap Tuhan. Tuhan cakap jangan makan buah...buah, buah apa ye?”* Tanya Upin. Ipin kelihatan turut sama tidak ingat akan nama buah tersebut. Walaupun demikian, Upin tetap meneruskan ceritanya, *“Tapi, dia makan juga buah tu. Akhirnya, dia dihalau dari syurga. Akak dengar tak kita orang cerita ni?”* Kak Ros yang sedang menyapu di halaman ketika itu menjawab bahawa dia mendengar cerita adik-adiknya. Sedikit sebanyak, hal ini menunjukkan bahawa kisah para anbiya mempunyai pengaruh dalaman untuk membentuk nilai-nilai keimanan, moral dan etika sosial seperti dalam kajian Jariah A., et. al (2022).

Walaupun cerita tersebut kelihatan ringkas pada permulaan babak, ini menunjukkan bahawa adalah perlu kepada generasi muda khususnya umat Islam didedahkan dengan kisah-kisah para *anbiyā'* untuk membina keyakinan dan kesedaran mengenai hubungan Manusia dengan Tuhan. Saali (2014) di dalam kajiannya mendapati bahawa kisah 25 Para Rasul sebagai bahan pendidikan terhadap kanak-kanak mampu memberikan kesan kefahaman untuk membina nilai-nilai murni dari sudut pendidikan iman, akhlak, fizikal, intelektual, psikologi

dan lain-lain pendekatan dengan berlandaskan acuan Islam dalam kehidupan. Dari perihal yang sedemikian, ia memperlihatkan bahawa untuk membina keimanan yang berpaksikan ketauhidan yang sebenar adalah apabila mengenali asal usul kewujudan manusia, asbab diturunkan ke bumi sebagai khalifah dan menyedari akan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT untuk memakmurkan bumi ini sebagai amanah. Sebagai ahli masyarakat majmuk pula, menurut Zain et. al (2018) adalah menjadi kemestian untuk saling menekuni ilmu perbandingan agama atau paling minimum mengetahui sejarah dan budaya agama-agama lain sama ada sebagai orang Islam atau sebaliknya supaya boleh melahirkan masyarakat yang menghormati sensitiviti agama masing-masing dan seterusnya mewujudkan kepercayaan dalam pelaksanaan urusan rasmi atau sebaliknya.

Perhubungan sesama manusia di dalam siri animasi Upin Ipin bertajuk Amal Jariah (2017) di dalam Gambar 1B menunjukkan suasana mesyuarat persiapan menyambut Hari Raya Korban yang bakal menjelang tiba. Kedengaran di beranda surau Ahli Jawatankuasa Surah sedang bermesyuarat dengan dimulai oleh pengerusi majlis, *"Tak lama lagi hari raya korban, macam mana persiapan surau?"* Tok Dalang selaku ahli pun menjawab, *"Nampak gaya, semua dah tersusun. Tukang sembelih lembu korban dan tukang potong daging dah ada. Orang untuk agih-agihkan daging pun dah ada. Mereka jugalah yang akan masak untuk kenduri nanti. Kupon untuk ambil daging korban pun, dah dibahagi kepada mereka yang layak."* Butiran perancangan tersebut dipuji kerana ia kedengaran tersusun rapi di peringkat awalan. Kemudiannya Tok Dalang meluahkan sedikit masalah yang dihadapi, *"Hmm. Tapi, tahun ni lembu korban kurang pula. Selalunya, banyak..."* Suasana terdiam seketika menunjukkan ahli mesyuarat sedang memikirkan resolusi.

Ayah Ehsan kemudiannya berkata, *"Takpe, nanti aku bagi tiga ekor lagi. Amal jariah aku..."* Sifat dermawannya dipuji oleh pengerusi majlis. Perihal tersebut menggambarkan contoh antara sikap dermawan yang dinyatakan dalam Teks Khutbah Jumaat (2018, h.10) adalah dengan yakinnya memberikan harta yang dimiliki sama ada dalam bentuk sedekah, zakat, atau wakaf kerana Allah SWT. Ini kerana dari perspektif ajaran Islam menurut Aziz et al. (2020, h.24) menyatakan bahawa filantropi atau derma merupakan suatu amalan yang mengajar kepada ahli masyarakat Islam untuk melaksanakan kebaikan dan mampu memenuhi keperluan terhadap umat Islam yang lain di samping mencapai redha Allah SWT. Dari perspektif kehidupan masyarakat majmuk, hukum menerima harta wakaf daripada orang bukan Islam yang diberikan kepada masjid-masjid adalah sah dan dibolehkan walaupun perbuatan mereka bukan berniat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Manakala dalam episod Syahdunya Syawal (2020) membuka tirai penceritaan dengan babak lokasi di dalam Bangunan Surau pada Bulan Ramadhan. Kelihatan Upin, Ipin, Fizi dan Mail sedang duduk berkumpul sama dengan rancangan ingin bermain sambil berbual. *"Ramainya orang hari ni. penuh surau."* Kata Upin. Fizi pun membalas, *"Ye la, dah nak raya. Semua orang kat bandar tu, dah mula balik kampung."* *"Kau, tak balik kampung?"* Tanya Ipin. Fizi pun menjawab, *"Inikan kampung aku. Nak balik kampung mana lagi?"* Demikianlah perbualan mereka. Ini menunjukkan bahawa Surau atau Masjid dimakmurkan dengan pelbagai aktiviti-aktiviti dan tidak hanya terhad kepada ibadah semata-mata, tetapi juga sebagai tempat perjumpaan, perbincangan dan majlis ilmu. Hal ini adalah selari dengan pandangan Kila dan Rahim(2019) yang memetik daripada Mokhtar et al. (2015) dengan menyatakan tempat berkenaan mempunyai fungsi penting dalam membimbing dan membentuk masyarakat dengan penganjuran pelbagai program keilmuan. Disamping itu juga, dalam kandungan filem animasi Upin dan Ipin turut memaparkan Surau tersebut menjadi tapak program untuk menunaikan solat berjemaah, program berkhatan, kaunter penerimaan zakat fitrah, mesyuarat ahli jawatankuasa surau dan sebagainya.

Secara tidak langsung, pelaksanaan hubungan dengan Tuhan bagi institusi di kampung yang mendirikan surau dan mengimarahkannya merupakan petanda majoriti ahli masyarakat di kampung berkenaan menganut agama Islam. Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan agama pula, diperbolehkan pembinaan rumah ibadat bagi lain-lain agama. Dalam perihal tersebut, Md Ahair dan Mohd Kusrin (2020) mencadangkan dalam kajian mereka kepada pihak kerajaan supaya boleh memberikan peruntukan untuk membina rumah ibadat bagi non-muslim supaya pengurusan pembinaan rumah ibadat mereka lebih teratur, menjamin ketenteraman masyarakat, peraturan rapi yang dapat menjamin keselamatan dan keharmonian dalam mengamalkan ajaran agama masing-masing (Ahair dan Kusrin, 2020).

Hubungan Sesama Manusia

Hubungan interaksi yang wujud di antara sesama manusia telah menimbulkan pelbagai kesan dan keadaan apabila melibatkan urusan yang tertentu dalam kehidupan. Menurut Zuchairiny (2008), hubungan manusia dalam perspektif Islam adalah berkaitan dengan memenuhi hak dalam menjalankan tanggungjawab. Dalam hal tersebut ia adalah hak dari sudut peranan sebagai sesama ahli keluarga, ahli komuniti masyarakat dan institusi yang berkaitan. Antara contoh hubungan sesama manusia yang terdapat di dalam siri filem animasi Upin dan Ipin adalah seperti berikut:

Gambar 2: Antara contoh hubungan sesama manusia dalam filem animasi Upin dan Ipin



Sumber: Les Copaque Sdn Bhd.

Gambar 2A merupakan antara babak berbuat baik dengan ahli keluarga yang terdapat di dalam cerita bertajuk Selamat Menyambut Lebaran (2009). Di dalam cerita tersebut menunjukkan Badrol bertanya kepada datuknya (Tok Dalang) mengenai pengetahuan menggunakan internet. Dia juga memberitahu bahawa internet juga boleh berfungsi untuk menghubungi orang lain, “*Kita boleh bercakap dengan orang yang jauh.*” sambil menekan papan kekunci di laptop milik Tok Dalang. Upin dan Ipin kelihatan kagum, tetapi Ehsan kelihatan tidak hairan dan berkata lebih baik guna telefon sahaja. “*Telefon tu dengar suara je. Haa, ini nampak muka sekali.*” jawab Badrol. Mendengar kata cucunya itu, Tok Dalang pun menyuruh Badrol, “*Iya? Haa... apa lagi, telefon mak bapak kau cepat. Atuk dah lama tak tengok muka dia. Tak reti reti nak balik.*” Maka Badrol pun menyambung talian kepada ayahnya dan membolehkan Tok Dalang bercakap dengan anaknya (Tajol) secara bersemuka di atas talian. Pertolongan Badrol akhirnya mendatangkan hasil apabila ayahnya pulang ke kampung pada hari raya dan dapat bertemu dengan Tok Dalang.

Hal tersebut menjadikan hari raya Tok Dalang menjadi lebih meriah kerana dapat berkumpul dengan ahli keluarganya. Perbuatan menghubungkan silaturahim antara ahli keluarga adalah perkara yang amat dianjurkan dalam Islam. Ini kerana menurut Alias (Berita Harian, 2015), dalam melakukan kebaikan, ahli keluarga merupakan kelompok paling utama yang perlu diberi perhatian dengan mengambil contoh daripada Rasulullah SAW. Dalam nilai

budaya keluarga masyarakat majmuk, warga emas merupakan ketua yang mempunyai autoriti tidak rasmi kerana kedewasaan dan pengalaman mereka menjadi model bagi anak-anak muda. Secara tidak langsung, ia melatih orang-orang muda supaya mempunyai sikap hormat dan patuh kepada orang-orang tua serta boleh mewujudkan hubungan masyarakat yang aman dan tenteram (Yahaya, 2008).

Cerita bertajuk Usahawan Muda (2013) pula membawakan kisah keinginan Upin, Ipin dan Mail ingin berniaga secara atas talian dengan bantuan daripada Salleh. Upin dan Ipin menyiapkan layang-layang sebagai produk jualan dan Mail pula menjual alat permainan Ceper Berhias. Salleh kemudiannya menganjurkan langkah membuat promosi barang jualan Upin, Ipin dan Mail dengan memuat naik video rakaman permainan layang-layang dan ceper. Apabila jualan mereka berjaya mendapat banyak tempahan sebagai pesanan atas talian, mereka dibawa oleh Salleh ke bandar untuk menghantar barang. *“Abang, kenapa pergi Bank? Kata nak pos barang.”* Tanya Ipin. Salleh pun berkata, *“Korang tak nak duit ke?”* dan disambut oleh Upin, Ipin dan Mail, *“Nak, nak, nak!”* Salleh pun menyambung lagi dengan berkata, *“Sebelum pos barang, kita kenalah tengok duit dah masuk ke belum.”* Kemudian mereka keluar dari kereta dan menuju ke arah Bank seperti yang tertera di dalam Gambar 2B. Hasil untung jualan dalam bentuk wang tunai disimpan oleh Kak Ros ke dalam bank dan kembar tersebut diberikan kad debit sebagai langkah penjimatan dengan pencatutan dalam perbelanjaan bulanan.

Hal di atas menunjukkan bahawa Bank merupakan institusi yang bertanggungjawab dalam menjaga aliran keluar masuk wang tunai bagi yang menyimpan secara berdaftar. Tambahan pula pada masa kini terdapat pelbagai cara muamalah yang dilaksanakan apabila melibatkan urusan transaksi jualan dan pembelian secara atas talian ataupun dengan menggunakan kad debit. Perbankan Islam di Malaysia dinyatakan oleh Borhan (2001) adalah selaras dengan prinsip-prinsip muamalat Islam dan halal dalam pelbagai bidang sama ada dalam perniagaan dan pelaburan sebagai simpanan, perwakilan, jaminan, pemindahan hutang, gadaian, sewaan, jual beli dan lain-lain dalam suasana perniagaan perbankan moden yang canggih dan elektronik. Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, sudah tentu tidak dapat mengelak dari berlakunya transaksi dengan golongan bukan Islam. Berdasarkan kajian Ellias (2014), beliau yang merujuk kepada Sirah dan *Hadith* Rasulullah SAW, menyatakan ia menjadi keharusan bermuamalah dengan golongan bukan Islam walaupun harta atau wang tersebut berasal dari sumber yang tidak patuh syariah. Kemudahan yang sedemikian merupakan antara kunci keharmonian dalam pembangunan ekonomi bagi seluruh kehidupan rakyat di negara ini.

Manakala di dalam Gambar 2C pula menunjukkan kehadiran beberapa anggota Bomba dengan sebuah trak penyelamat di Sekolah Tadika Mesra Kampung Durian Runtuh sempena latihan kebakaran. Cerita bertajuk Sedia Menyelamat (2012) ini menunjukkan ketua bomba memberikan taklimat mengenai cara-cara menyelamatkan diri ketika berlaku kebakaran. Kemudian Ketua Bomba menunjukkan set peralatan yang terdapat di dalam trak bomba untuk menghadapi kecemasan memadam kebakaran dan melantik beberapa murid secara rawak untuk melakukan demonstrasi memadamkan api yang kecil. Murid-murid juga diingatkan agar berhati-hati dengan punca kebakaran seperti lilin, ubat nyamuk, api dapur atau seterika. Kemudian Ketua Bomba bertanya, *“Siapa bila besar nanti, nak jadi bomba?”* ramai murid-murid yang menyahut menunjukkan minat dalam bidang kerjaya tersebut. Hal tersebut dipuji oleh ketua bomba dan mendedahkan ciri-ciri sebagai ahli bomba dengan berkata, *“Jadi Bomba, kena berani! Kuat! Sihat! Kalau ada api, kita padam! Kalau orang lari keluar, kita lari masuk!”* Selain itu, ketua bomba juga menjelaskan skop bidang pekerjaan mereka sangat luas. Antaranya ialah menyelamatkan kucing atas pokok, kerbau masuk parit, kuda terlepas, ular masuk dalam rumah dan sebagainya. Tambahan pula, bidang ini juga boleh diceburi oleh

wanita. Taklimat kemudiannya diakhiri dengan murid-murid di sekolah tersebut diberikan pengalaman menaiki trak bomba.

Nilai perhubungan tersebut menurut menunjukkan ia adalah tingkah laku yang menggalakkan generasi muda agar mempunyai sikap ingin saling membantu melalui saluran khidmat secara berinstitusi. Berdasarkan info Pelan Integriti Bomba (2016-2018), dari sudut agama ia adalah himpunan nilai yang baik kerana syarat sesuatu kerja itu diterima sebagai ibadah di sisi Allah SWT dan dari sudut organisasi, nilai perhubungan sesama manusia melalui kerjaya tersebut adalah dengan mematuhi amalan-amalan menurut sistem dan proses kerja sehingga menjadi kebiasaan dan budaya. Manakala dari perspektif nilai masyarakat majmuk, Aziz (2004) menyatakan pembentukan sesuatu model atau kerangka budaya kerja yang berasaskan pegangan agama yang kukuh akan menjadikan ia mudah diterima oleh semua rumpun bangsa dan anggota masyarakat kerana setiap budaya mempunyai kekuatan yang tersendiri dalam memandu ke arah kemajuan dan pembangunan.

Hubungan Manusia dengan Alam

Semua ciptaan Allah SWT mempunyai fungsi dan peranan yang tertentu. Walaupun alam ini diciptakan Allah SWT untuk manusia sebagai khalifah, terdapat tiga prinsip asas dalam menguruskan alam sekitar menurut kajian Kamaruddin (2021), iaitu semua hidupan mempunyai hak di muka bumi ini, alam sekitar banyak memberikan manfaat asas kepada manusia dan kemusnahan alam merupakan natijah buruk yang akan berbalik semula kepada manusia secara keseluruhannya. Contoh keharmonian hidup antara manusia dan alam ditonjolkan dalam siri animasi Upin dan Ipin adalah seperti berikut:

Gambar 3: Antara isi hubungan manusia dengan alam di dalam filem animasi Upin dan Ipin



Sumber: Les' Copaque Sdn Bhd.

Gambar 3A menunjukkan Upin dan Ipin menyatakan hasrat kepada Kak Ros bahawa mereka ingin membela anak kucing dan memberikannya nama sebagai Apin. Opah kemudiannya menasihatkan agar Upin dan Ipin menjaga Apin dengan sebaiknya dengan berkata, “Kalau nak bela kucing, bela betul-betul. Sayang dia, bagi makan, bagi minum... Kalau tak, kita menyeksa dia. Kan dia kecil lagi, kesian....” Upin dan Ipin akur dengan kata-kata Opah. Dari situ, mereka juga secara tidak langsung mulai faham dan tahu untuk melaksanakan tanggungjawab untuk membela haiwan tersebut dengan rasa kasih dan sayang dengan memberikan makanan selain dari menyediakan tempat tinggal atas hasil persetujuan di antara ahli keluarga. Dari cerita Upin Ipin dan Apin (2009) ini sedikit sebanyak mengajar erti belas kasihan terhadap haiwan dan menyedari akan rasa tanggungjawab apabila mengambil keputusan untuk menjaga haiwan tersebut sebagai sebahagian dari kehidupan di dalam ahli keluarga mereka.

Dalam hal tersebut, Khan (2012) menyatakan pemupukan sifat rasa bertanggungjawab terhadap golongan cilik merupakan antara didikan yang perlu disemai selain dari memenuhi

keinginan mereka untuk mempunyai haiwan peliharaan. Dari sudut pandangan ajaran Islam, Akbar (2021) menyatakan hukum memelihara kucing dalam Islam adalah dibolehkan dan ia bukan perbuatan yang sia-sia kerana akan menjadi sebahagian dari timbangan amal di akhirat kelak. Manakala dari sudut undang-undang di Negara Malaysia bagi seluruh ahli masyarakat majmuk, terdapat Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan yang memperuntukkan beberapa bahagian bagi akta tersebut seperti perkara yang berhubung dengan kebajikan haiwan, penganiayaan terhadap haiwan, penguatkuasaan dan kuasa sampingan mahkamah (Portal Rasmi Parlimen Malaysia, 2015).

Di dalam Gambar 3B, cerita Berkebun (2009) menunjukkan babak Mei Mei sedang membantu Upin dan Ipin menanam sayur sambil diperhatikan oleh Mail. Mei Mei menyatakan aktiviti berkebun adalah baik dengan berkata, *“Lu tau aa, tanam sayur banyak bagus.”* Upin dan Ipin agak tercengang dengan kenyataan kawan mereka dan mula bertanya, *“Ha? Apa yang bagus?”* Mei Mei kemudiannya membalas, *“Nanti banyak peluh ma, badan sihat.”* Dalam babak yang seterusnya, Mei Mei menyuruh Upin dan Ipin membuang siput dan ulat bulu yang berada di kawasan kebun kerana makhluk berkenaan akan makan sayuran dan menyebabkan tanaman mati. Babak yang ditonjolkan dalam cerita berkenaan menunjukkan bahawa aktiviti sedemikian juga secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan persahabatan yang dilihat saling membantu secara sukarela disebabkan perkongsian ilmu pengetahuan dan kemahiran yang telah sedia ada dipelajari oleh Mei Mei.

Dalam hal tersebut, Seman (2021) menyatakan pertanian adalah amalan yang sangat mulia kerana ia berteraskan iman, ilmu, Islam dan ihsan. Rakyat dan pemerintah mesti bertanggungjawab sepenuhnya ke atas alam dan perlu sentiasa menjadikan pertanian sebagai agenda utama dalam segala aktiviti dan tindakan mereka. Oleh yang demikian, aktiviti bercucuk tanam di kawasan perumahan merupakan antara usaha yang digalakkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui pelaksanaan Program Rakan Taman pada tahun 2013 susulan dari Program “Tanam, Ternak dan Makan Sendiri” pada tahun 2008 (Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2021). Hasil dari program tersebut secara tidak langsung memperlihatkan beberapa manfaat yang digabungkan dengan elemen pembangunan ekonomi, perkembangan sosial dan pemuliharaan alam sekitar.

Manakala kisah Teroka Lautan (2017) menampilkan penceritaan Upin, Ipin dan kawan-kawannya yang berbentukkan perwatakan sekumpulan ikan yang tinggal di kawasan terumbu karang. Mereka kemudiannya mengembara ke kawasan lautan dalam untuk melihat Ikan Paus. Dalam perjalanan, mereka menyelamatkan Seekor Penyu Belimbing yang tersangkut dalam ikatan jala. Selepas itu, Upin dan Ipin telah ditangkap oleh pegawai (Kak Ros) yang ditugaskan untuk menjaga kualiti kebersihan air laut dan keadaan ikan di kawasan berkenaan. *“Melihat dari data-data ini, ikan di sini masih banyak dan berbagai jenis. Maknanya, laut di sini... masih terjaga. Bagus, tak sia-sia usaha kita memelihara kawasan ini.”* Katanya secara bersendirian seperti di dalam Gambar 3C. Dia juga hairan apabila melihat Upin dan Ipin sebagai spesies ikan yang sepatutnya berada di kawasan terumbu karang telah ditangkap di kawasan tengah lautan. Tidak lama kemudian, ikan-ikan tersebut dibebaskan semula dan memulakan hidup di kawasan baru disebabkan habitat asal mereka telah dicemari dengan tumpahan sisa minyak. Isi kandungan penceritaan tersebut tidak menafikan hasil dapatan kajian daripada Amran dan Jamin (2021) bahawa selain dari masalah pencemaran laut, pencemaran air juga adalah dari beberapa punca seperti pelepasan sisa buangan industri dari saluran paip, air larian hujan yang menghanyutkan sisa buangan ke bahagian pengumpulan air, pembinaan empangan, projek pembangunan, aktiviti pembalakan, perlombongan, hakisan tanah dan pertanian komersial.

Pendedahan tersebut memperlihatkan bahawa betapa pentingnya menjaga alam lautan dan hidupan yang merupakan sebahagian dari makhluk di muka bumi ini. Akan tetapi, sayangnya penglibatan masyarakat Malaysia terhadap isu-isu berkaitan dengan kesedaran alam

sekitar masih lagi dalam keadaan yang minimum walaupun mempunyai sedikit peningkatan kerana berkait dengan faktor maklum balas orang awam dan kesukaran pelaksanaannya melalui sistem nilai berhemah untuk tujuan ini (Rahman, 2009). Dari perspektif Islam, manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab dalam menjaga dan memulihara bumi termasuklah kawasan laut perlu sedar akan hakikat hikmah penciptaan alam dan manfaatnya sebagai sumber makanan, perhiasan, pengangkutan dan pelayaran (Surtahman dan Rohana, 2022). Maka, tanggungjawab tersebut bukanlah hanya terletak kepada segelintir individu atau pihak berwajib, tetapi juga kepada seluruh masyarakat supaya seiring dengan pemupukan akhlak, mentaliti dan budaya masyarakat kearah perubahan agar mencintai kebersihan sekaligus dapat melestarikan pemeliharaan alam dan sungai bagi tujuan kehidupan sejahtera.

Kesimpulan

Keseluruhan contoh nilai budaya masyarakat majmuk di dalam filem animasi Upin dan Ipin sesuai sebagai bahan tontonan kepada golongan kanak-kanak kerana berupaya memaparkan kandungan yang positif mengenai perpaduan masyarakat majmuk yang harmoni dan masih berpaksikan kepada ajaran Islam sebagai agama rasmi di Negara Malaysia. Isi kandungan filem animasi tersebut juga telah memperlihatkan bahawa kehidupan manusia tidak lari dari fitrah sosial masyarakat dalam bentuk lingkungan keluarga, komuniti dan institusi semasa. Huraian kehidupan budaya masyarakat majmuk memperlihatkan bahawa nilai perhubungan dengan Tuhan, sesama manusia dan alam perlu diterapkan sebagai didikan kepada generasi muda kerana sumber yang berkonsepkan kesyumulan tersebut berupaya untuk membentuk sahsiah peribadi masyarakat ke arah hidup yang aman, damai dan harmoni dalam pelbagai latar keadaan pada masa hadapan. Pada masa yang sama, nilai budaya masyarakat majmuk perlu terus berpegang kepada amalan prinsip rukun negara yang menjadi tunggak negara dalam menggerakkan kestabilan masyarakat yang aman dan harmoni.

Rujukan

- Abdullah, A. (1996). *Going Global: Cultural Dimensions in Malaysian Management*. Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Management.
- Abdullah, M. R. T. (2010). Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 2(1), 61-84.
- Ahmad, A. (2019, Mac 18). Upin Ipin luaskan pasaran ke China. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/upin-ipin-luaskan-pasaran-ke-china-201506>
- Ahmad, Z., et al. (2017). *Hubungan Etnik Di Malaysia*. (4th ed.). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Akbar, M. F. (2021). Keutamaan Memelihara Kucing dalam Perspektif Islam: Studi Takhrij dan Syarah Hadits. *Jurnal Riset Agama*, 1(2), 449-457.
- Al-Attas, S. M. N. (2020). *Islam dan Sekularisme*. (K. M. A. Harris, Trans.). Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah. (Original work published 1978)
- Al-Kumayi, S. (2011). *Islam Bubuhan Kumai: Perspektif Varian Awam, Nahu, dan Hakekat*. Indonesia: Pustaka Zaman, Semarang.
- Ali, A., & Selamat, A. B. (2000). *Akhlak*. Johor: Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Johor, Tahap tiga.
- Alias, M. (2015, April 24). Agama: Kebajikan Keluarga Patut Diutamakan. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/04/49422/agama-kebajikan-keluarga-patut-diutamakan>

- Alim, A. S. (2019). Hakikat Manusia, Alam Semesta, dan Masyarakat dalam Konteks Pendidikan Islam. *Jurnal Penelitian Keislaman*, 15(2), 144-160.
- Amran, I. R., & Jamin, R. M. (2021). Kajian Pencemaran Air Terhadap Komuniti Orang Asli di Tasik Chini, Pahang. *Journal of Undergraduate Research*, 3(2), 119-128.
- Anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia. (2013). *Malaysia Kita: Panduan dan Rujukan untuk Peperiksaan Am Kerajaan*. Selangor: International Law Book Services.
- Aris, H., Halim, A. A., & Muslim N. (2021). Keharmonian Kaum Berasaskan Sunnah: Kajian Terhadap Piagam Madinah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 139-148.
- Ashraf, M. (2018, Oktober 9). Al-Kafi #837: Hukum Menerima Wakaf Daripada Non-Muslim. *Artikel Al Kafi li al-Fatawi*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2651-al-kafi-837-hukum-menerima-wakaf-daripada-non-muslim>
- Aziz, A. A., & Yakob, M. A. (2014). *Sejarah Malaysia dalam Konteks Hubungan Etnik*. Selangor: Imtiyaz Multimedia and Publications.
- Aziz, A. B. (2004). *Nilai Dan Etika Pengurusan: Analisa Dari Perspektif Agama-Agama Di Malaysia*. Makalah. Seminar Nilai dalam Komuniti (SIVIC), Jabatan Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia, 4-5 September.
- Aziz, M. K. N. M., Nordin, R., Suyurno, S.S., Mustafar, M. Z., Sharipp, M. T. M., & Noor, M. M. (2020). Kerangka Konseptual Gelagat Filantropi Muslim. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance JIPSF*, 2(1), 23-32.
- Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan. (2010). *Garis Panduan Penapisan Filem*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.
- Bauto, L. M. (2014). Perspektif Agama dan Kebudayaan dalam Kehidupan Masyarakat Indonesia: Suatu Tinjauan Sosiologi Agama. *Jurnal Pendidikan Ilmu Sosial (JPIS)*, 23(2), 11-25.
- Borhan, J. T. (2001). Falsafah Ekonomi dan Instrumen Muamalah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 13, 115-140.
- Dasuki, S., Idris, N., Abdulah, N., & Saad, N. H. (2015). Penghayatan Budaya Kebangsaan dalam Karya Animasi Malaysia Pasca-Merdeka. *Conference: Colloquium ISME Pengukuhan Budi & Jati Diri 2015, Tanjung Bidara Beach Resort Masjid Tanah Melaka, Malaysia*.
- Deentrepreneur. (2010, Jun 25). The Entrepreneur Media EXpose - Tuan Hj Burhanuddin Md Radzi Part 2. *YouTube*. <https://www.youtube.com/watch?v=FR6S2ohv4yc>
- Dewi, E. K. (2010). *Film Kartun Upin dan Ipin dalam Proses Sosialisasi Nilai Pada Anak-Anak: Studi Kasus Terhadap Anak-anak Usia 8 Sampai 12 Tahun di Desa Penaruban, Kecamatan Weleri, Kabupaten Kendal*. [Tesis Master: Sosiologi dan Antropologi, Fakultas Ilmu Sosial, Universitas Negeri Semarang].
- Djumala, R. (2018). The Face of Malay Culture in Indonesia Children's Readings. *International Journal of Malay-Nusantara Studies IJoM-NS*, 1(1), 26-39.
- Ellias, M. R. F. (2014). Wasatiyyah Dalam Kewangan dan Isu-Isu Semasa Kewangan Islam. *Maybank2u*. https://www.maybank2u.com.my/iwovresources/islamicmy/document/my/en/islamic/sc/oe/knowledge-centre/research-paper/Wasatiyyah_dalam_Kewangan.pdf
- Faruqi, Y. M. (2007). Islamic View of Nature and Values: Could These be the Answer to Building Bridges Between Modern Science and Islamic Science. *International Education Journal: Comparative Perspectives*, 8(2), 461-469.
- Ghazali, A. S. (1997). Manusia dan Alam Sekitar: Hubungannya daripada Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 5, 193-207.

- Haralambos, M., Holborn, M., & Heald, R. (2004). *Sociology Themes and Perspectives*. London: HarperCollins Publishers Limited.
- Haron, Z., Awang, R., Ripin, M. N., Muhamad, S. N., & Yusof, F. M. (2011). *Tamadun Islam & Tamadun Asia*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor: Penerbit UTM Press.
- Harun, A., & Rahim, R. A. (2010). *Analyzing the First Malaysian Animated Film "Hikayat Sang Kancil"*. 2010 International Conference on Science and Social Research (CSSR 2010) (pp. 618-623). IEEE.
- Ibnu Khaldun. (2011). *Muqaddimah Ibnu Khaldun* (M. Irham, M. Supar, & A. Zuhri, Trans.) Pustaka Al-Kautsar. (Original work published 1377)
- Ikhsan, S. A. H., & Ahmad, S. (2014). Kontrak Sosial Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Lisan: Tinjauan Terhadap Perspektif Pelajar. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 276-282.
- Ismail, M. H. (2014). *Pemupukan Akhlak Islami Mengikut Pendekatan Sifat 20, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam*. Seminar Pendidikan Usuluddin Ketiga Peringat Serantau, Dewan Utama Kolej, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei.
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. (2018). *Pelan Integriti Bomba 2016-2018*. Putrajaya: Unit Integriti, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Jabatan Perdana Menteri. (2018). Niat dan Sikap yang Ikhlas. In *Khutbah Jumaat Bulan Januari*. Brunei: Terbitan Jabatan Penerangan, Pelita Brunei.
- Jariah, A., Bakar, A. A., & Haddade, H. (2022). Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Dalam Qashas Al-Qur'an: Studi Sintesis Kisah-Kisah Dalam Al-Qur'an. *Sosial Pendidikan*, 6(1), 1-13.
- Ji, S. W. & Waterman, D. (2010). *Production Technology and Trends in Movie Content: An Empirical Study*. United States: Indiana University, Jabatan Telekomunikasi.
- Jiman, J. (2011). A Study of "Upin & Ipin": Observing Their Roles in Promoting Positive Values in Children. *International Journal of Comic Art (IJOCA)*, 13, 633-643.
- Kamaruddin, N. (2021). Hubungan Manusia dan Alam Sekitar Menurut Perspektif Islam. *International Conference on Syariah & Law2021 (ICONSAL 2021)*, *Fakulti Syariah dan Undang-undang, KUIS dengan kerjasama Princess of Naradhiwas Universiti (PNU) dan Institut Agama Islam Negeri Surakarta (IAIN)*.
- Kementerian Perpaduan Negara. (2020). Visi & Misi. *Portal rasmi Kementerian Perpaduan Negara*, Hak cipta terpelihara 2020. https://www.perpaduan.gov.my/index.php?id=15&page_id=53&articleid=232
- Khan, F. F. F. (2012, Julai 18). Bela Haiwan Bagai Manusia: Menyayangi Haiwan didik Kanak-Kanak jadi Golongan Penyayang, Bertanggungjawab. *Harian Metro, Famili*.
- Kila, N., & Rahim, S. I. A. (2019). Tahap Penggunaan Surau dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Matapelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Daerah Petaling Utama. *Journal of Management and Operation Research (JoMOR)*, 1(15), 1-10.
- Lebar, O. (2007). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Perak, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Les' Copaque Production. (2013, Mac 20). Ingat! - Episod 10. *YouTube*. https://www.youtube.com/watch?v=fw6D_qaNLGc&pbjreload=10
- Les' Copaque Production. (2013, Mac 20). Ingat! - Episod 12. *YouTube*. <https://www.youtube.com/watch?v=do4FRKofXGY>
- Les' Copaque Production. (2013, Mac 20). Ingat! - Episod 3. *YouTube*. <https://www.youtube.com/watch?v=8dQ1HiKGjEk>
- Les' Copaque Production. (2013, Mac 20). Ingat! - Episod 9. *YouTube*. <https://www.youtube.com/watch?v=do4FRKofXGY>
- Malaysia Animating an International Brand. (2016). *ASEAN Intellectual Property Portal*. <https://www.aseanip.org/Portals/0/Case%20Studies/CS%20Malaysia.pdf>

- Masroom, N. M. (2013). Hakikat Kejadian Manusia dan Kaitannya Dengan Kesehatan Jiwa. *3rd International Conference on Islamic Education, Association of Islamic Education Scholars, Fakulti Tamadun Islam, Kajang*.
- Mayudin, N. A. (2019, Disember 19). Upin & Ipin diminta buang watak lelaki lembut - "Henti guna aku dan kau, kasar dan terjerit-jerit, buang watak Sally!". *Mstar*. https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2019/12/19/upin-ipin?itm_source=parsely-api
- Md Ahair, N. F., & Mohd Kusrin, Z. (2020). Kawalan Undang-Undang Terhadap Pembinaan Rumah Ibadat di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 5(2), 53-64.
- Mdaily Editor. (2020, Mei 27). Watak Fizi Animasi Upin Dan Ipin Didakwa Guna Dialog Sensitif, Dikecam Netizen Malaysia Dan Indonesia. *mdaily.co*. <https://mdaily.co/watak-fizi-animasi-upin-dan-ipin-didakwa-guna-dialog-sensitif-dikecam-netizen-malaysia-dan-indonesia>
- Miller, C. R. (1984). Genre as Social Action. *Quarterly Journal of Speech*, 70(2), 151-167.
- Muslim, N., Musa, N. Y., & Buang, A. H. (2011). Hubungan Etnik di Malaysia dari Perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, 29(1), 1-28.
- Mutolingah. (2011). *Nilai-Nilai Islam dalam Film Upin Ipin Karya Moh. Nizam Abdul Razak DKK*. [Tesis Master: Pendidikan Agama Islam, Fakulti Tarbiyah dan Ilmu Keguruan, Insititut Agama Islam Negeri Purwokerto, STAIN Salatiga].
- Nasir, N. Y. M., & Bujang, R. (2015). *Penerokaan Teknologi Melalui Seni Dan Warisan Dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Noob, P. O. (2015, Jun 28). Masalah filem animasi tempatan buatan. *blogspot.com*. <http://buasirotak.blogspot.com/2015/06/masalah-filem-animasi-tempatan-buatan.html>
- Othman, A. N. (2009). Film Animasi Malaysia: Narasi Verbal ke Visual. *ITB J. Vis. Art & Des.*, 3(1), 79-88.
- Parasuraman, B. (2011). Perdebatan Kajian Sains Sosial: Pengalaman Penyelidik. *Jurnal Kemanusiaan*, 18, 47-58.
- Pengerusi Penapisan Filem. (2012). Panduan Khusus Tapisan Filem Kartun dan Animasi. In *Pekeliling LPF Bil. 6*. Kuala Lumpur: Lembaga Penapis Filem Malaysia.
- Piaw, C. Y. (2011). *Buku 1 Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn Bhd.
- Piaw, C. Y. (2012). *Buku 2 Asas Statik Penyelidikan*. (2nd ed). Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd..
- Portal Rasmi Parlimen Malaysia. (2015). Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan 2015. *Parlimen.gov.my*. [https://www.parlimen.gov.my/files/billindex/pdf/2015/DN/D.R.19_2015\(BM\).pdf](https://www.parlimen.gov.my/files/billindex/pdf/2015/DN/D.R.19_2015(BM).pdf)
- Rahem, A. S. (2014). *Tuhan, Manusia & Alam Dalam Al-Quran: Pandangan Toshihiko Izutsu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rahman, H. A. (2009). Penglibatan Masyarakat Awam di Malaysia Dalam Isu Berkaitan Persekitaran. *Jurnal Sarjana*, 24(2), 49-65.
- Rashid, N. A. (1990). Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 232-253.
- Rosowulan, T. (2019). Konsep Manusia dan Alam Serta Relasi Keduanya dalam Perspektif Al-Quran. *Jurnal Studi Islam*, 14(1), 24-39.
- Saali, M. M. S. N. M. (2014). *Nilai Pendidikan Dalam Kisah 25 Rasul Untuk Mendidik Kanak-Kanak Berdasarkan Pendekatan Islam*. [Master Tesis: Sastra, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia].
- Samidi, K. (2016). Tuhan, Manusia, dan Alam: Analisis Kitab Primbon Atassadhur Adammakna. *Shahih*, 1(1), 13-26.
- Seman, Z. C. (2021). Keunggulan Falsafah Pertanian Islam Penyumbang Kelestarian Alam Sekitar. *International Conference on Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)*, Online

- Conference, Kolej Universiti Islam Selangor kerjasama dengan Akademi Pengajian Islam dan Arab, Universiti Princess Naradhiwas Thailand dan Fakultas Syariah dari Institut Agama Islam Negeri Surakarta, Indonesia.*
- Situngkir, D. A. (2018). Eksistensi Kedaulatan Negara dalam Penerapan Yurisdiksi Mahkamah Pidana Internasional. *Jurnal Lex Librum*, 4(2), 659-672.
- Surtahman, A. W., & Mohamad Rohana, N. A. (2022). Etika dan Tanggungjawab Khalifah dalam Pengurusan Laut Menurut Perspektif Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam*, 235–256.
- Undang-Undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan*, Pindaan – Akta 1260/2006. (Malaysia: Lawnet Percetakan Nasional Malaysia Berhad).
- Unit Komunikasi Korporat. (2021, Ogos 3). *Siaran Media: Majlis Pelancaran Dasar Kebun Komuniti Bandar (DKKB)*. Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Wartawan Utusan. (2015, Januari 24). Animasi Bukan Sekadar Kartun. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/animasi-bukan-sekadar-kartun-1.51658>
- Wirman, E. P. (2012). Hukum Alam dan Sunnatullah: Upaya Rekonstruksi Pemahaman Teologis di Indonesia. *Ilmu Ushuluddin*, 1(4), 347-362.
- Yaakob, Z. A. (2012). Falsafah Alam Sekitar dalam Konteks Falsafah Ketuhanan menurut Hamka. *International Journal of Islamic Thought*, 1, 74-86.
- Yaakub, N. A. (2021). Kesan positif dan negatif rancangan animasi luar negara ke atas jati diri kanak-kanak Malaysia. *usim.edu.my*. <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/kesan-positif-dan-negatif-rancangan-animasi-luar-negara-ke-atas-jati-diri-kanak-kanak-malaysia/>
- Yahaya, A. H. (2008). *Sejarah Sikap Pemeliharaan Kanak-Kanak: Stail Kekeluargaan, Pendidikan Kekeluargaan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Pendidikan.
- Yahaya, M. H. (2016). Alam Semesta dan Alam Tabie Dalam Konteks Pembangunan Negera. *Journal of Education and Social Sciences*, 4, 235-252.
- Yusof, N. A., Mastor, K. A., Ibrahim, M., Siran, F. H. H., Haron, H., & Yussof, A. S. (2018). Hubungan Anime dengan Akhlak Remaja Islam. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 19, 12-27.
- Zain, A. E. M, Nasirudin, N. D. M., Ismail, N., & Kamis, M. H. (2018). Mendepani Masyarakat Majmuk Di Malaysia Melalui Ilmu Perbandingan Agama: Tinjauan Awal. *Al-Hikmah*, 10(1), 163-175.
- Zaini, F. (2004). Ketuhanan dan Manusia Dalam Pembentukan Peradaban Manusia Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Kemanusiaan*, 2(1), 95-105.
- Zuchairiny, A. (2008). Human Relation dalam Perspektif Islam. *Jurnal Hunafa*, 5(2), 189-200.



Elemen Filem Dalam Kisah Nabi Lut AS: Analisis Perbandingan Tematik Al-Quran Dengan Filem *Sodom And Gomorrah*

Film Elements In The Prophet's Story: Thematic Comparison Analysis Of Al-Qur'an With Sodom And Gomorrah Movie

Hajar Opir,^a Muhammed Yusof,^b & Wan Yusnee Abdullah^c

^a Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Selangor, Malaysia

^b Department of Usuluddin and Da'wah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia

^c Centre for Foundation and General Studies, Universiti Selangor (UNISEL), Selangor, Malaysia

hajar_opir@uitm.edu.my (corresponding author); my77@um.edu.my; wanyusnee@unisel.edu.my

Received Date:

20 August 2025

Accepted Date:

10 September 2025

Published Date:

12 December 2025

Abstract

Islamic teachings demonstrate the significance of the Al-Quran by utilizing a multifaceted method to prepare people for survival. The diversity of storytelling styles exemplifies the pinnacle of excellence as seen in the tales of prophets, animals, celebrities, and representations of social realities. It is filled with well-defined messages, complex themes, a wide range of characters, and time and location settings that are typical of movie settings. Thus, the purpose of this research is to determine how well the life of Prophet Lut AS aligns with the movie's themes drawn from the Quran. To support the material based on the Quran's thematic approach, a comparative study of the movie Sodom and Gomorrah was conducted. Through content analysis, this study employs a qualitative research approach using the CAVDI-xpro method (Computer Assisted for Video Data Index using x program). The study's findings indicated that Prophet Lut AS's story, which includes movie aspects, is noteworthy. However, based on the theme of the al-Quran, the movie Sodom and Gomorrah does not correspond with the story of Prophet Lut AS.

Keywords: element, film, theme, al-Quran

Abstrak

Kerelevanan Al-Quran terserlah melalui garapan ajaran Islam yang menggunakan pendekatan multi dimensi dalam mendidik manusia demi kelangsungan kehidupan. Kepelbagaian bentuk penceritaan yang bervariasi menggambarkan ketinggian kualiti melalui kisah para nabi,

haiwan, tokoh dan paparan realiti sosial. Ia sarat dengan mesej yang jelas, tema yang tuntas, watak yang pelbagai, latar masa dan tempat bersinonim dengan elemen filem. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji sejauhmana kisah Nabi Lut AS menepati elemen filem berdasarkan tematik al-Quran. Analisis komparatif filem Sodom and Gomorrah dilakukan bagi menjustifikasikan kandungan berasaskan pendekatan tematik al-Quran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui analisis isi kandungan filem. Dapatan kajian dianalisa menggunakan kaedah CAVDI-xpro (Computer Assisted For Video Data Index using x program) berasaskan analisis tema dan naratif. Hasil kajian mendapati bahawa kisah Nabi Lut AS signifikan dengan elemen filem. Sebaliknya filem Sodom and Gomorrah tidak menepati Kisah Nabi Lut AS berasaskan tematik al-Quran.

Kata kunci: *elemen, filem, tematik, al-Quran*

Cite as: Opir, H., Yusof, M., & Abdullah, W. Y. (2025). Elemen Filem Dalam Kisah Nabi Lut AS: Analisis Perbandingan Tematik Al-Quran Dengan Filem Sodom And Gomorrah. *Journal of Al-Falah*, 1(1), 53–63.

Pengenalan

Al-Qur'ān merupakan kitab hidayah yang memandu manusia ke arah kebaikan dan ketamadunan. Ia digarap dengan *uslūb* dan pendekatan yang pelbagai sama ada dalam aspek isi kandungan, penceritaan dan gaya bahasa indah. Malah ia jelas mengangkat nilai kesusasteraan yang tinggi serta menjadi inspirasi kepada pengkarya dari aspek pengisian dan tekniknya. Menurut Haji Tibek (1999), al-Quran telah menggalurkan teknik penceritaan yang indah sehingga tidak dapat di atasi oleh kemampuan manusia walaupun mereka pakar bahasa atau kesusasteraan Arab. Al-Quran sarat dengan mesej yang tuntas, tema yang puitis dan paparan watak yang pelbagai untuk dijadikan teladan.

Elemen menurut *Kamus Dewan* adalah anasir atau sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur. Tematik berasal daripada perkataan tema yang bermaksud subjek yang menjadi dasar sesuatu perbincangan atau tajuk (Baharom, 2007). Dalam bahasa Arab disebut *mawḍū'ī* daripada akar kata *mawḍū'* bermaksud tema, topik atau subjek (Baalbaki, 2007). *Al-Qur'ān* menurut bahasa adalah bacaan. Manakala dari sudut istilah ialah kalam Allah yang *mu'jiz* yang diturunkan kepada Rasulullah SAW, dibukukan dalam *muṣḥaf*, diriwayatkan secara *mutawātir* dan sesiapa yang membacanya dikira sebagai ibadah (Al-Zurqani, 1918). Filem pula bermaksud lakon (cerita) gambar hidup atau segala sesuatu yang berkaitan dengan gambar hidup (Prajaya, 1999). Ia juga disebut *movie* atau *cinema* iaitu gambar hidup berbentuk seni yang popular bagi tujuan hiburan dan perniagaan (Effendy, 2002). Menurut Hj Ahmad (2011) filem ialah wahana kreatif yang bersifat kreatif (*discursive*) melibatkan idea dan pemikiran, analisis, kritikan, fungsi, matlamat dan pelbagai kemahiran yang memaparkan cerita serta cermin kepada budaya masyarakat tertentu sama ada cerita itu benar, khayalan atau cerita yang digarap secara harmoni menjadi syot, kesatuan syot-syot menjadi jujuk, kesatuan jujuk menjadi babak dan seterusnya kesatuan babak-babak menjadi sebuah teks atau cerita (Hj Ahmad, 2011).

Justeru, kajian ini akan membicarakan elemen-elemen filem berdasarkan kisah Nabi Lut AS yang terkandung dalam *al-Qur'ān* sebagai sampel kajian. Manakala filem *Sodom and Gomorrah* pula sebagai analisis komparatif.

Elemen-Elemen Filem

Sesebuah filem mempunyai beberapa elemen yang penting bagi memastikan kejayaan penerbitannya. Menurut Pratista (2009) terdapat dua elemen utama filem iaitu pertama adalah kandungan atau bentuk (*form*) dalam bentuk cerita iaitu naratif (*narrative*) atau bukan naratif (*non narrative*). Kedua adalah gaya (*style*) atau *cinematic* iaitu cara atau dengan gaya seperti apa bahan yang digarap. Ringkasnya elemen *narrative* adalah bahan yang akan diolah manakala elemen *cinematic* adalah cara atau gaya untuk mengolahnya (Effendy, 2002). Menurut Hj Ahmad (2011) filem hanya dapat dikatakan sebagai filem jika ia memiliki empat elemen iaitu teks, watak, lokasi atau latar, dan penonton.

Teks

Teks adalah elemen utama dalam filem umpama tulang belakang atau '*blueprint*' kepada keseluruhan cerita yang lahir daripada cetusan idea pemikiran seseorang penulis yang akhirnya diterjemahkan ke dalam bentuk realiti mengikut imaginasi seseorang pengarah (Wayne, 2002). Ia merupakan rangkuman kesatuan bingkai-bingkai yang menjadi syot. Kesatuan syot-syot yang digarap menjadi babak (*scene*). Kesatuan babak-babak yang digarap secara harmoni itu menjadi jujuk (*sequence*). Akhir sekali kesatuan garapan jujuk-jujuk ini menjadi sebuah filem (Hj Ahmad, 2011). Ia umpama kata-kata: '*jika tidak pada halaman ia tidak di atas pentas*' (Tomaric, 2011). Antara elemen sesebuah teks ialah skrip (idea dan cerita, pergerakan watak, visual, audio, muzik dan latar), plot dan dialog. Menurut Kenney (1975) struktur standard plot adalah terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian awal (informasi pengenalan penceritaan), bahagian tengah (pengembangan cerita, konflik dan klimaks) dan bahagian akhir (solusi).

Watak

Watak adalah nadi dalam sesebuah filem yang akan menggerakkan penceritaan menjadi sebuah realiti yang segar. Wataklah yang memainkan peranan utama untuk menghidupkan cerita sepanjang kisah filem itu dipaparkan. Skrip yang hebat tidak memadai untuk menghasilkan filem yang mantap tanpa didukung oleh mutu lakonan yang berkualiti. Dalam filem terdapat tiga kategori watak yang mewarnai sesebuah filem iaitu protagonis (watak utama yang baik), antagonis (watak jahat) dan watak sokongan (watak sampingan). Pemilihan pelakon bersesuaian dengan jalan cerita yang telah diputuskan oleh pihak penerbit.

Lokasi atau Latar

Lokasi atau latar adalah set penggambaran bagi seluruh babak dalam sesebuah filem. Ia boleh sahaja set yang dibentuk atau dibentuk semula atau merupakan lokasi sebenar di lapangan. Penggambaran di lokasi sebenar akan memberi kesan yang realiti kepada penceritaan. Justeru pengurusan operasi amat penting bagi meminimumkan kos penggambaran, kelolaan sistematik di lokasi penggambaran, pertimbangan skrip sesuai dengan lokasi, perancangan plan B dan kebenaran tuan punya premis. Latar juga merangkumi tempoh dan masa tertentu dalam penceritaan (Tomaric, 2011).

Penonton

Tidak dinafikan bahawa filem yang dihasilkan mestilah mempunyai khalayak penontonnya. Jika tidak ia ibarat seperti syok sendiri. Sekiranya ini tidak berlaku, maka seluruh usaha optimum yang dicurahkan akan menjadi sia-sia. Justeru, penonton dan filem saling berinteraksi antara satu sama lain. Filem ibarat terapi dan pengubat jiwa, pembakar semangat patriotisme, pendidikan, latihan, melahirkan perasaan kasih sayang dan memahami kemanusiaan sejagat (Hj Ahmad, 2011).

Tematik Al-Quran Berkaitan Filem

Terdapat pelbagai tema *al-Qur'ān* yang melatari penceritaan dan secara tidak langsung berinteraksi secara emosi serta menggugah minda orang yang menghayati *al-Qur'ān*. Antaranya adalah realiti sosial dan bentuk kisah.

Realiti Sosial

Kamus Dewan mendefinisikan realiti dengan keadaan yang nyata. Manakala sosial bermaksud segala hal yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat, berkaitan dengan persahabatan dan hal-hal kemasyarakatan (Baharom, 2007). Kombinasi antara realiti dan sosial memberi erti suatu kenyataan yang dapat diperhatikan dalam kehidupan manusia yang wujud sebagai hasil hubungan yang terjalin antara sesama manusia. *Al-Qur'ān* adalah kitab hidayah yang berfungsi sebagai wahana petunjuk kepada manusia dan kehidupannya. Bahkan dalam *al-Qur'ān* terdapat satu bab penting berkaitan ilmu *al-Qur'ān* iaitu *asbāb al-nuzūl* (sebab-sebab penurunan al-Quran). Antara hikmah penurunan *al-Qur'ān* adalah untuk menjawab realiti masyarakat dan memberi solusi terhadap permasalahan tersebut. Contohnya tiga ayat awal (1-3) surah *al-Mujādalah* membuktikan bahawa *al-Qur'ān* sentiasa berinteraksi dengan realiti masyarakat. Ia menceritakan aduan *Khawlah bint Tha'labah* kepada Rasulullah SAW bahawa beliau telah diziharkan oleh suaminya *Aws bin al-Ṣamit*. Sedangkan beliau berkomentar bahawa dia telah lama hidup bersama suaminya, memberi zuriat kepada suaminya, tetapi kondisinya yang telah lanjut usia dan tidak berupaya mengandung lagi, menjadi alasan suaminya menziharkannya. Lalu Allah SWT menurunkan ayat-ayat ini untuk memberi jawapan dan solusi yang dihadapi oleh hambanya secara langsung (Al-Zurqani, 1918).

Bentuk Kisah

Al-Quran banyak memaparkan kisah yang pelbagai sama ada kisah perjuangan para nabi dan Rasul, umat terdahulu seperti Bani Israel, tokoh terbilang seperti Ratu Balqis, kisah *Luqmān al-Hakīm* iaitu seorang *ḥukamā'* (bijaksana), kisah pemuda *aṣḥāb al-kahf* dan kisah haiwan seperti burung Hud-Hud. Bahkan manifestasinya terserlah dengan diabadikan nama-nama surah dalam *al-Qur'ān* dengan nama-nama haiwan seperti *al-Baqarah* (lembu betina), *al-Naml* (semut), *al-Nahl* (lebah), *al-'Ankabūt* (labah-labah), *al-Fīl* (gajah) dan lain-lain lagi (Mamat, 2006). Sebagai contoh Allah SWT merakamkan kisah Nabi Sulaiman AS dan Ratu Balqis dalam surah *al-Naml* dari ayat 29 hingga 43 secara kronologi dan terperinci. Kisah ini merangkumi teks, watak dan latar yang memenuhi elemen sebuah filem. Teks dalam konteks ini mengandungi cerita yang jelas disulami dengan dialog atau plot cerita yang dilakarkan dalam bentuk *narrative*. Wujud dialog antara Ratu Balqis dengan para menterinya, Nabi Sulaiman AS dengan utusan Ratu Balqis, Nabi Sulaiman AS dengan jin ifrit dan seorang yang Allah SWT kurniakan ilmu dan hikmah dan klimaksnya antara Nabi Sulaiman AS dengan Ratu Balqis. Watak terarah kepada Ratu Balqis dan Nabi Sulaiman AS sebagai watak utama. Watak

sokongan adalah menteri Ratu Balqis, utusan Raja Balqis, seorang yang berilmu dan jin ifrit. Manakala latar cerita sekitar istana Ratu Balqis dan singgahsana Nabi Sulaiman AS.

Metode Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis kandungan. Analisis kandungan memilih tematik *al-Qur'ān* dengan menjadikan kisah Nabi Lut AS dan kaumnya yang terjerumus dalam perlakuan homoseksual (*gay*) sebagai sampel kajian. Manakala filem *Sodom and Gomorrah* pula dianalisa sebagai komparatif sejauh mana kandungan filem tersebut menepati tematik *al-Qur'ān*. Analisis menggunakan kaedah CAVDI-xpro (*Computer Assisted For Video Data Index using x program*). Perisian program pula adalah MPEG Streamclip versi 1.9.2.. Elemen-elemen filem yang akan dikaji adalah tema dan unsur naratif (*narrative*).

Analisis Perbandingan Kisah Nabi Lut AS Dengan Filem *Sodom and Gomorrah* Berasaskan Tematik Al-Quran

Analisis isi kandungan filem ini akan memfokuskan tema dan unsur naratif yang merangkumi plot, latar, watak dan perwatakan. Plot akan dianalisis dalam tiga (3) aspek iaitu bahagian pengenalan, pertengahan (konflik dan klimaks) dan akhir (solusi) (Kenney, 1975). Kajian Watak terarah kepada protagonis, antagonis dan watak sokongan manakala latar pula mencakupi tempat dan masa.

Dalam konteks ayat *al-Qur'ān*, kisah Nabi Lut AS terdapat dalam pelbagai surah seperti *al-A'rāf*: 80-84, *Hūd*: 69-83, *al-Hijr*: 51-71, *al-Shu'arā'*: 160-175, *al-Naml*: 54-58, *al-'Ankabūt*: 28-58, *al-Sāffāt*: 133-137 dan *al-Qamar*: 33-40.

Manakala secara komparatif filem *Sodom and Gomorrah* adalah sampel yang akan dianalisis melihat kepada persamaan atau perbezaan mengikut tematik al-Quran. Menurut Aldrich (1962) filem *Sodom and Gomorrah* mengisahkan Nabi Lut AS menuju ke Jordan setelah berpisah dengan Nabi Ibrahim AS yang berhijrah ke Palestin. Baginda mencari tapak tanah kekal untuk penempatan pengikut-pengikutnya. Ratu Bera yang memerintah kota *Sodom dan Gomorrah* telah berunding dan membenarkan Nabi Lut AS memiliki tapak tanah yang berasingan dengan kota *Sodom* dan melaksanakan ritual kepercayaan mereka dengan syarat mereka hendaklah mempertahankan kota *Sodom* daripada serangan *Elamite*. Ratu Bera juga menghadiahkan *Lidith* kepada Nabi Lut AS dan akhirnya menjadi isteri baginda AS. Dalam masa yang sama Nabi Ismail AS membantu Nabi Lut AS membuat pertahanan dengan membina empangan air.

Kejayaan Nabi Lut AS menumpaskan serangan *Elamite* yang didalangi oleh putera *Astorath* iaitu adik kepada Ratu Bera telah mengubah gaya kehidupan Nabi Lut AS. Baginda AS telah dilantik sebagai Menteri Keadilan dan hidup dalam kemewahan. Manakala semua pengikutnya tinggal dalam kota *Sodom* bersama kaum homoseksual. Klimaks kisah ini apabila Nabi Lut AS dimasukkan ke penjara akibat membunuh putera *Astorath* dengan kecurangan Ratu Bera. Nabi Lut AS menyesal atas semua tindakan yang telah dilakukan sehingga mengorbankan pengikut dan keluarganya. Dua malaikat datang untuk menyelamatkan Nabi Lut AS atas perintah Tuhan dan mengkhabarkan agar keluar dari kota *Sodom* dalam keadaan selamat dengan syarat membawa minimum 10 warga *Sodom*. Akhirnya isteri, anak-anak, Nabi Ismail AS dan pengikutnya berjaya keluar dengan selamat daripada kabinasaan kota *Sodom*. Namun, *Lidith*, isteri Nabi Lut AS telah ditukarkan menjadi patung batu akibat melanggar arahan Nabi Lut AS agar tidak memandang ke belakang. Nabi Lut AS sangat sedih atas kematian isterinya.

Analisis Plot

Bahagian awal

Allah SWT memulakan kisah dengan memperkenalkan Nabi Lut AS sebagai seorang Rasul yang diutus untuk berdakwah kepada kaumnya. Nama baginda adalah *Lūṭ* bin Haran Bin Tarih, anak saudara kepada Nabi Ibrahim AS. Bertemu salasilahnya pada datuknya yang bernama 'Azar. Ini kerana bapanya adalah adik beradik kepada Nabi Ibrahim AS dan Nahur (Abd al-Azim, 1999). Beriman dengan Nabi Ibrahim AS dan berhijrah ke Palestin bersamanya sehingga Allah SWT perintahkan baginda untuk berdakwah ke Sadum (Syaibah Al-Hamd, 2002). Menurut Wahbah Zuhailly (1991) kenyataan ini dibuktikan dalam surah *al-Ankabūt* ayat 26. Kaum Sadum telah melakukan kerosakan yang belum pernah dilakukan oleh orang-orang terdahulu iaitu berkeinginan kepada kaum sejenis. Bahkan komentar Karim Amrullah (2012) bahawa homoseksual adalah merupakan jenayah kemanusiaan yang dahsyat kerana bersifat *abnormal* atau *psychopath* dalam istilah kejiwaan. Nabi Lut AS berhadapan dengan kaumnya yang telah menyeleweng daripada kebenaran dan nilai-nilai sejagat manusia (Ibn Kathir, 1997).

Dalam filem *Sodom and Gomorrah* di awal babak menceritakan watak Nabi Lut AS berpisah dengan Nabi Ibrahim AS yang menuju ke Palestin manakala baginda AS ke Sodom dan Gomorrah yang terletak di Jordan (durasi 00:07:09). Ini adalah aspek persamaan yang wujud. Namun, plot seterusnya tidak menceritakan secara tuntas bahawa Nabi Lut AS berdakwah kepada kaum Sodom untuk menjauhi perbuatan homoseksual. Sebaliknya meminta Ratu Bera yang memerintah Sodom agar mereka diberi tanah dan hidup terpisah daripada kaum Sodom serta kekal mengikut ajaran yang dianuti (durasi 00:30:04). Sebagai taruhan kaum Nabi Lut AS mestilah mempertahankan Sodom daripada serangan *Elamite* @ pahlawan nomad (durasi 00:29:47). Malah terdapat babak Ratu Bera menghadiahkan salah seorang gundiknya iaitu bernama *Lidith* kepada Nabi Lut AS (durasi 00:30:38). Baginda menerima pemberian Ratu Bera dah akhirnya *Lidith* menjadi isterinya (durasi 01:10:24). Semua plot ini tidak menepati kandungan kisah Nabi Lut AS berasaskan tematik *al-Qur'an*.

Bahagian pertengahan

Nabi Lut AS berterusan tanpa jemu untuk mengajak kaumnya beriman kepada Allah SWT dan kembali kepada fitrah serta nilai manusia normal dalam tempoh yang lama. Seruan dakwah ini tidak mendapat respon yang baik sebaliknya kaumnya tetap degil dengan tabiat buruk mereka (Ibn Kathir, 1998). Konflik bertambah tegang apabila kaumnya mengancam untuk mengusir Nabi Lut AS. Allah SWT gambarkan dalam al-Quran melalui tiga surah yang berbeza iaitu surah *al-Shu'arā'*: 167-169, *al-Ankabūt*: 9 dan *al-Naml*: 56. Kondisi ini menjustifikasikan keburukan nilai masyarakat ketika itu. Klimaks plot ini dapat disaksikan apabila para malaikat yang menjadi tetamu Nabi Lut AS telah menjadi sasaran kerakusan tabiat negatif kaum homoseksual. Ini didorong oleh ketampanan para malaikat yang menyamar sebagai manusia. Mereka tanpa segan silu telah mengancam untuk merempuh rumah Nabi Lut AS jika permintaan mereka tidak diendahkan walaupun baginda AS tetap menasihati kaumnya agar memilih wanita untuk tujuan melampiaskan nafsu yang halal. Sebenarnya isteri Nabi Lut AS sendiri telah membocorkan berita tentang kehadiran tetamu Nabi Lut AS walaupun baginda AS telah berusaha sedaya upaya merahsiakan kedatangan mereka (Al-Sya'rawi, 2006). Ketika suasana getir ini para tetamu tersebut memperkenalkan diri mereka bahawa mereka adalah para malaikat yang diutus oleh Allah SWT untuk menghancurkan kaum Sadum termasuk isteri Nabi Lut AS (Zuhailly, 1991). Lalu para malaikat memerintahkan Nabi Lut AS bersama keluarganya untuk bersiap sedia meninggalkan rumahnya sebelum menjelang subuh dan dijamin keselamatan dengan syarat agar tidak menoleh ke belakang di saat keluarnya azab (Al-

Rawandy, 1430H). Allah SWT merakamkan situasi ini dengan terperinci dalam surah *Hūd* ayat 78-81.

Dalam filem *Sodom and Gomorrah* babak dalam keseluruhan plot ini sangat bercanggah dengan kisah Nabi Lut AS yang sebenarnya mengikut kronologi tematik *al-Qur'ān*. Berdasarkan plot filem ini, Nabi Lut AS digambarkan tidak langsung melakukan dakwah kepada kaum Sadom (durasi 00:41:11). Sebaliknya baginda dan kaumnya hidup terasing dan menjalani kehidupan berdasarkan kepercayaan mereka sendiri adalah sangat tidak tepat malah bertentangan dengan objektif perutusan para Rasul. Kronologi yang memaparkan watak Nabi Ismail AS membantu mempertahankan tanah mereka daripada serangan pihak *Elimate* sangat tidak logik (durasi 00:41:42). Malah kronologi nabi Lut AS dilantik sebagai menteri Keadilan oleh Ratu Bera atas kejayaan menumpaskan kaum *Elimate* dan hidup dalam keadaan mewah jauh daripada kebenaran dan wujud unsur penipuan (durasi 01:40:16). Manakala kronologi klimaks plot ini yang menggambarkan Nabi Lut AS dipenjarakan oleh Ratu Bera disebabkan Nabi Lut AS membunuh Putera *Astorath* menolak kemaksuman seorang Rasul malah menzahirkan kerendahan maruah dan harga diri (durasi 02:05:07). Begitu juga kronologi kondisi munculnya dua malaikat yang mengkhabarkan bahawa Tuhan akan memusnahkan kota *Sodom* dengan syarat mencari 10 orang yang bertaubat adalah suatu kesalahan fakta yang jelas (durasi 02:12:42). Juga babak isteri nabi Lut AS dan Nabi Ismail AS keluar bersama dari kota *Sodom* adalah suatu penyelewengan fakta. Namun, plot Nabi Lut AS memerintahkan anak-anak dan kaumnya keluar dari kota *Sodom* tanpa menoleh ke belakang jika ingin selamat daripada kabinasaan ada persamaan dengan tematik *al-Qur'ān* (durasi 02:24:15). Bezanya al-Quran memperincikan tempoh iaitu waktu subuh.

Bahagian akhir

Plot ini menggambarkan azab Allah SWT kepada kaum Sadum dalam pelbagai dimensi daripada surah dan ayat yang pelbagai tetapi saling lengkap melengkapi sehingga gambaran azab tersebut menonjolkan azab yang amat dahsyat. Kronologi ini dapat diperincikan seperti berikut.

- a) Azab yang diturunkan dalam bentuk umum iaitu azab dari langit dalam surah *al-Ankabūt*: 34-55 (Abdul Karim, 2012).
- b) Azab dimulai dengan pekikan suara yang kuat yang membinasakan kaum yang mungkar dalam surah *al-Hijr*: 74 (Al-Sya'rawi, 2006).
- c) Negeri Sadum diangkat ke atas langit dan dihempaskan ke bumi dalam surah *al-Hijr*: 74 (Al-Sya'rawi, 2006).
- d) Azab dari langit itu dalam bentuk hujan dalam tiga surah iaitu surah al-Nam: 57-58, surah *al-A'rāf*: 84 dan surah *al-Shu'arā'*: 173 (Abdul Karim, 2012).
- e) Azab hujan tersebut adalah hujan batu dari tanah keras dari bakaran api dalam surah *al-Hijr*: 74 (Wahbah Zuhaily, 1991).
- f) Azab hujan batu daripada api tersebut dalam keadaan bertubi-tubi dalam surah *Hūd*: 82 (Ibn Kathir, 2000).

Rumusan kondisi azab ini digambarkan oleh Allah SWT bermula dari langit berbentuk pekikan yang kuat dan menggegarkan kota Sadum yang mengakibatkan semua penduduk Sadum terkorban. Kemudian malaikat mengangkat negeri Sadum tinggi ke atas langit dan menghempaskannya ke bumi dengan momentum yang sangat kuat. Akhirnya disusuli dengan hujan batu yang lebat daripada bakaran api yang menyala dalam kondisi bertubi-tubi sehingga menghancurkan kota tersebut umpama padang jarak padang tekukur. Tiada siapa yang

terselamat termasuk isteri Nabi Lut AS kecuali baginda AS, keluarga dan pengikutnya yang beriman.

Dalam filem *Sodom and Gomorrah*, kemusnahan yang dipaparkan sangat berbeza. Ia dimulai dengan ribut pasir yang dahsyat (durasi 02:27:52). Kemudian disusuli gempa bumi yang kuat mengakibatkan struktur bangunan runtuh dan menyebabkan retakan pada lantai bangunan yang mengeluarkan api diiringi kilat sabung menyabung sekali gus meranapkan semua bangunan (durasi 02:30:47). Gambaran al-Quran lebih terperinci dan menonjolkan aspek azab yang dahsyat. Babak isterinya Nabi Lut AS ikut serta keluar dari kota Sadum dan kondisi kematiannya yang bertukar menjadi patung batu kerana memandang ke belakang adalah palsu (Durasi 02:32:35). Begitu Nabi Lut AS digambarkan sangat sedih atas kejadian tersebut merendahkan sifat kerasulan-Nya (Durasi 02:33:52). Namun, plot anak-anak Nabi Lut AS dan semua kaum selamat ada persamaan dengan tematik al-Quran.

Analisis Watak dan Perwatakan

Protagonis

Nabi Lut AS merupakan watak utama dalam kisah ini. Memiliki sifat ketaatan yang tinggi dan akur terhadap perintah Allah SWT dengan meninggalkan Palestin menuju ke negeri Sadum. Seorang yang gigih berdakwah mengajak kaumnya yang terjerumus ke dalam kegiatan homoseksual walaupun berhadapan dengan halangan dan cabaran daripada mereka. Menurut Said Hibatillah Al-Rawandy (1430H), Nabi Lut berdakwah selama 300 tahun. Sabar dan tabah menghadapi kerenah kaumnya dengan titipan doa yang berterusan agar kaumnya kembali ke pangkal jalan. Bahkan berterusan memberi nasihat dan petunjuk serta pengajaran (Ibn Kathir, 2002). Walaupun diancam dan diugut untuk diusir, namun Nabi Lut AS tetap utuh berpegang kepada prinsip kebenaran. Baginda juga digambarkan mempunyai sifat terpuji dengan sangat memuliakan tetamu yang bertandang dan sanggup mempertahankan tetamunya daripada gangguan kaum Sadum yang rakus dan hina.

Sebaliknya watak Nabi Lut AS dilakonkan secara nyata dalam filem bahkan bertentangan dengan watak sebenar Nabi Lut AS (durasi 00:07:37). Ini kerana baginda AS digambarkan dengan sifat kompromi dengan kaum dan pemerintah *Sodom* (durasi 00:30:07). Juga gambaran mengasingkan diri dan membiarkan kemaksiatan bermaharajalela khususnya tabiat *abnormal* kaumnya. Malah dipaparkan seorang yang bergelumang dengan kemewahan dan sanggup membunuh serta boleh mengeluarkan kuasa membutakan pengawal penjara (durasi 02:16:35). Semua ini sifat yang tidak layak bagi seorang Rasul.

Antagonis

Kaum Nabi Lut AS telah melakukan kerosakan yang belum pernah dilakukan oleh umat terdahulu. Mereka mengamalkan homoseksual dan menjalani kehidupan songsang daripada naluri fitrah manusia secara terbuka di lokasi awam tanpa rasa bersalah. Nafsu serakah mereka tidak dapat dibendung apabila berhadapan dengan seorang lelaki tampan dan lebih muda daripada mereka. Mereka juga terlibat dalam aktiviti penyamunan dan rompak kepada sesiapa yang memasuki kota Sadum sebagai kerja profesional untuk menyara kehidupan mereka. Selain itu mereka adalah golongan yang sombong dan memiliki sifat *aragon* sehingga secara melampau meminta agar ditimpakan azab kepada mereka. Bahkan dengan berani mengancam Nabi Lut AS untuk diusir dari bumi Sadum yang konsisten berdakwah dan mengajak meninggalkan perbuatan terkutuk mereka. Allah SWT memusnahkan mereka dengan azab yang dahsyat walaupun hanya dalam tempoh yang singkat iaitu antara subuh dan waktu syuruk (Al-Sya'rawi, 2006)

Watak Ratu Bera yang menjadi nadi filem ini digambarkan sebagai penguasa yang licik demi mengekalkan kuasa walaupun tidak tertarik dengan lelaki (durasi 00:20:12.) Sebaliknya putera *Astorath* dipotretkan sebagai seorang yang bukan homoseksual dan mencintai Shuah anak Nabi Lut AS (durasi 00:38:19). Beliau juga bijak mengatur strategi untuk menjatuhkan kakaknya Ratu Bera tetapi tidak berjaya malah terbunuh (durasi 02:05:09). Kedua-dua watak ini tiada dalam skrip sebenar mengikut tematik al-Quran. Ironinya tidak diperincikan kejahatan akhlak buruk kaum homoseksual dalam filem ini.

Watak sokongan

Watak malaikat muncul sebagai manifestasi kepada rangkuman sebuah solusi kepada pengakhiran kisah Nabi Lut AS dan kaumnya. Mereka melakukan penyamaran sebagai manusia lelaki yang tampan dan memiliki susuk tubuh yang tegap (Ibn Kathir, 2000). Mereka hanya memperkenalkan diri sebagai malaikat saat genting di rumah Nabi Lut AS sewaktu penduduk Sadum ingin merempuh rumah baginda AS bagi melampiaskan nafsu serakah mereka secara kasar. Para malaikat menenangkan situasi gawat tersebut dengan menjamin keselamatan Nabi Lut AS dan keluarganya dengan mengarahkan agar bersiap sedia keluar daripada rumah sebelum menjelang subuh. Manakala watak Isteri Nabi Lut AS hanya disentuh dalam kadar yang sangat minimum tetapi peranannya sangat besar kerana bersekongkol dengan kaum homoseksual dan membocorkan rahsia kedatangan tetamu di rumahnya. Allah SWT rakamkan kondisi ini dalam surah *al-Shu'arā'*: 171. Malah isteri Nabi Lut AS termasuk golongan yang diazab oleh Allah SWT akan kekufurannya tidak beriman kepada-Nya dan melakukan perbuatan keji. Allah SWT gambarkan dalam beberapa surah dengan istilah yang berbeza. Antaranya Allah SWT menyebut sebagai orang tua dalam surah *al-Shu'arā'*: 171, manakala di tempat lain disebut isteri secara jelas dalam surah *al-Taḥrīm*: 66, *al-Naml*: 57 dan *Hūd*: 81.

Sebaliknya dalam filem ini, memaparkan lakonan dua malaikat yang mempunyai kuasa meloloskan gari tangan Nabi Lut AS dan Nabi Ismail AS (durasi 02:05:28). Watak dua anak Nabi Lut AS yang tidak memakai pakaian menutup aurat dan bercinta dengan lelaki serta watak Nabi Ismail terpesong daripada tematik *al-Qur'ān* (durasi 00:36:09).

Analisis Latar

Tempat

Lokasi kisah Nabi Lut AS adalah di Sadum atau Zammurah mengikut kebanyakan sejarawan (Ibn Kathir, 2000). Manakala filem ini merakam lokasi di Sodom atau Gomorrah (Durasi 00:12:27). Ia terletak di pinggir laut mati dalam negara Jordan (Durasi 00:07:09). Ini adalah aspek persamaan.

Masa

Kisah Nabi Lut AS dan kaumnya adalah sezaman dengan perutusan Nabi Ibrahim AS (Al-'Afani, 1998). Surah *Hūd*: 69-76, *al-Hijr*: 51-60, *al-'Ankabūt*: 26 dan 31-33 menyebut secara tuntas bahawa Nabi Lut AS berhijrah bersama Nabi Ibrahim dan kemudiannya ke negeri Sadum atas perintah Allah SWT membawa misi dakwah berlangsung selama 300 tahun (Al-Rawandy, 1430H). Latar masa dalam filem ini adalah Nabi Lut AS sezaman dengan Nabi Ibrahim AS (durasi 00:07:02). Ini juga aspek bersamaan yang wujud.

Analisis Tema

Dakwah

Kesetiaan dan kegigihan Nabi Lut AS berdakwah terserlah melalui kesabaran baginda AS mengajak kaum Sadum agar beriman kepada Allah SWT dan melaksanakan kewajipan sebagai hamba-Nya. Walaupun berhadapan dengan ranjau kerenah kaum Sadum yang terus rakus dalam kesesatan yang dicipta oleh mereka sehingga hilang pertimbangan rasional akal, namun Nabi Lut AS tetap mengajak mereka agar kembali ke pangkal jalan. Nabi Lut AS menggunakan pelbagai *uslūb* dan pendekatan dakwah yang pelbagai untuk memastikan mesej sampai ke sasaran dakwah. Antaranya nasihat yang baik (*maw'izat al-ḥasanah*), bijaksana dalam berbicara (*ḥikmah*), berhujah dengan rasional (*jādilhum billatī hiya aḥsan*) dan doa munajat kepada Allah SWT.

Kontra dengan filem ini kerana tiada babak yang menggambarkan Nabi Lut AS berdakwah apalagi dinilai daripada aspek kesungguhan. Sebaliknya dipaparkan sibuk dengan kaumnya membina perkampungan dan pertahanan (durasi 00:31:39).

Akhlak

Misi para Rasul adalah untuk membawa manusia kepada hakikat aqidah yang sejahtera swadaya kepada Allah SWT dan terangkum dalam rukun iman. Namun, setiap para nabi diutuskan untuk membawa misi khusus. Nabi Lut AS diutuskan secara khusus agar mengembalikan nilai akhlak dan moral serta kehormatan diri pada kedudukan yang tinggi dan mulia (Himad, 2007). Justeru, golongan homoseksual tidak boleh dibiarkan berleluasa bahkan mestilah disantuni dengan dakwah dan pendidikan terlebih dahulu. Jika usaha ini gagal pendekatan undang-undang hendaklah dikuatkuasakan. Begitu juga menghormati tetamu dan bekerja dengan cara yang halal adalah nilai akhlak yang mulia.

Tema filem ini adalah berorientasikan sifat negatif seperti manipulasi kuasa, pengkhianatan, perhambaan dan menyukai sesama jantina.

Iman tidak diwarisi

Perkara yang terserlah dalam kisah ini adalah iman tidak boleh diwarisi. Isteri Nabi Lut AS adalah contoh ideal dalam konteks ini. Berada dalam lingkungan suasana (*bai'ah*) yang soleh seperti bersama orang yang baik belum menjamin aqidah seseorang individu. Hanya keikhlasan dan kefahaman yang mantap terhadap agama dan tuntutananya mampu menjadi benteng yang ampuh. Ini tidak dapat dilakukan kecuali dengan didikan dan pengajaran yang berterusan.

Dalam konteks filem ini, elemen iman hanya berkisar tentang ritual agama termasuk perkahwinan Nabi Lut AS dan jati diri pengikutnya ketika hidup bersama dengan kaum Sadum dalam kota (durasi 01:53:27).

Kesimpulan

Kisah Nabi Lut AS dan kaumnya merupakan salah satu contoh tematik al-Quran yang mengandungi elemen filem khususnya aspek tema dan unsur *naratif*. Namun filem *Sodom and Gomorrah* tidak menepati kisah Nabi Lut AS berasaskan tematik al-Quran dalam konteks kisah dan penceritaannya. Fakta yang jelas bercanggah adalah dari aspek personaliti, profesionalisme dakwah, keluhuran akhlak, keaslian jalan cerita, watak dan perwatakan serta swadaya kepada Allah SWT.

Rujukan

- Abd al-Azim, S. (1999). *Rijāl Āmanū bi Allah*. Cet 1. Kaherah: Dar Al-‘Aqidah.
- Hj Ahmad, N. (2011). *Filem Islam Satu Perbicaraan*. Shah Alam: Uni-N Production Sdn. Bhd.
- Syaibah Al-Hamd, A. Q. (2002). *Qīṣaṣ al-Anbiyā’*: *Qīṣaṣ al-Ḥaq*. Riyad: Maktabah Al-Ma’arif.
- Al-‘Afani, S. H. (1998). *Tahaffat al-Nabla’ min Qissah al-Anbiya’*. Cet. 1. Kaherah: Maktabah Al-Tabien.
- Al-Ashqar, U. S. A. (1998). *al-Ṣaḥīḥ al- Qīṣaṣ al-Nabawī*. Cet. 1. Amman: Dar Al-Nafa’is.
- Al-Najjār, ‘A. W. (1997). *Qīṣaṣ al-Anbiyā’*. (Vol. 5). Mansoorah: Mu’assasah al-Nūr lil-Nashr wa al-I’lān.
- Al-Qardhawi, Y. (2006). *Fiqh al-Lahw wa al-Tarwikh*. Cet 3. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Rawandy, S. H. (1430H). *Qīṣaṣ al-Anbiyā’*. Cet. 1. Maktabah Al-‘Allamah Al-Majlesi.
- Al-Sya’rawi, M. M. (2006). *Qīṣaṣ al-Anbiyā’ wa ma’ahā Sīrah al-Rasūl SAW*. Cet. 1. Dar al-Quds.
- Al-Syarbasi, A. (1972). *Yas’alūnaka fī al-Dīn wa al-Hidāyah*. Beirut: Dar al-Rai’d al-Arabi.
- Al-Zurqani, M. A. A. (1918). *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Cet. 1. Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-Arabiah.
- Aldrich, R. (1962). *Sodom and Gomorrah*. Franco-Italian-American co Production.
- Baalbaki, R. (2007). *Al-Maurid*. Cet 21. Beirut: Dar Al-Ilm lil Malayin
- Baharom, N. (2007). *Kamus Dewan*. (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Effendy, H. (2002). *Mari Membuat Film: Panduan Menjadi Produser*. Yogyakarta: Panduan.
- Pratista, H. (2009). *Memahami Film*. Yogyakarta: Pustaka Homerian.
- Haji Tibek, S. R. (1999). *Peranan Drama dalam Dakwah: Kajian Drama dakwah TV1 dan TV3*. [Tesis Master: Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya].
- Karim Amrullah, A. M. (2012). *Tafsīr al-Azhār*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Ibn Kathir (2000). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. Cet. 6. Riyad: Dar al-Salam.
- Ibn Kathir (2002). *Ṣaḥīḥ Qīṣaṣ al-Anbiyā’*. Kuwait: Muassasah Gheras li Al-Nasyr wa Al-Tauzi’.
- Himad, Jihad Muhammad Abd ar-Rahman (2007). *Qīṣṣah Lut AS bayna al-Qur’ān al-Karīm wa al-Taurat: Dirāsah Muqāranah*. [Tesis Master: Fakulti Pendidikan Tinggi, Jami’ah an-Najah al-wathaniyyah, Palestin].
- Kenney, W. (1975). *How To Analyze Fiction*. United Kingdom: Macmillan Publishing Company.
- Mamat, A. (2006). *Kaedah Pedagogi Dalam Al-Quran. Seminar Kebangsaan Inovasi Pedagogi, Maktab Perguruan Sultan Mizan & Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia. Bukit Keluang Beach Resort Besut. Terengganu*.
- Mohamed, Z. (2006). *Anakku Hebat Anakku Soleh*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Prajaya, A. (1999). *Film dan Masyarakat: Sebuah Pengantar*. Jakarta: BP SDM Citra.
- Tomaric, J. J. (2011). *Film Making: Direct Your Movie from Script to Screen using Proven Hollywood Techniques*. Cet. 1. United States: Focal Press.
- Wayne, M. D. (2002). *Making Your Film for Less Outside The U.S.* cet 1. New York: Allworth Press.
- Yahaya, A., Lee, G. M., Ma’alip, H., & Dunggi, H. (2014). *Pengaruh Media Berunsur Agresif dan Kesannya Terhadap Tingkahlaku Pelajar Sekolah Menengah. Proceeding of National Action Research Conference*.
- Zuhayli, W. (1991). *Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī’ah wa al-Manhaj*. Cet 1. Beirut: Dar Al-Fikr Al-Muasyir.



Model Pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* Melalui Facebook

Model of al-Maw'izah al-Hasanah Approach Through Facebook

Nor'Aini Ahmad Zohri ^a

^a Master Student, Department of Usuluddin and Da'wah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia
ainizohri.eny@gmail.com (corresponding author)

Received Date:
11 August 2025
Accepted Date:
20 October 2025
Published Date:
12 December 2025

Abstract

Facebook is the highest social media in the order of the most used social media by Malaysians. The preachers also use Facebook as one of the platforms to preach through social media. The most appropriate approach to use in Facebook is the al-Maw'izah al-Hasanah approach because it is aimed at the public. Therefore, this study aims to study the approach of al-Maw'izah al-Hasanah through Facebook by integrating a deep understanding of the wasilah dakwah Facebook and manhaj dakwah al-Maw'izah al-Hasanah based on the al-Maw'izah al-Hasanah Approach Model Through Facebook. This study is a qualitative study on Facebook of Ustazah Asma' Harun (UAH) as the subject of the study using the literature method to comprehensively study the approach of al-Maw'izah al-Hasanah through Facebook followed by the interview method conducted with the team members who operate his Facebook to study the strategy and implementation of da'wah using Facebook. The results of the study produced the al-Maw'izah al-Hasanah Approach Model Through Facebook which consists of preachers on Facebook namely techno-da'i, influencers, microcelebrities and celebrity preachers. Next, the delivery of da'wah by the preacher is delivered through the Facebook da'wah wasilah which the process consists of producing, delivering and disseminating da'wah content. The content production aspect consists of the Da'wah Presentation Feature followed by the content delivery aspect which consists of the approach of al-Maw'izah al-Hasanah and Islam as mawdū' dakwah and finally the content dissemination is by fulfilling the way Facebook's algorithm works. The final element in this model is the target of da'wah as the recipient of the approach of al-Maw'izah al-Hasanah which shows some response to this approach which is to accept and respond to the advice given, instil love in dā'ī and mad'ū and limit oneself from continuing to do unrighteous things.

Keywords: da'wah model, *al-maw'izah al-hasanah* approach, facebook, da'wah presentation features, da'wah elements

Abstrak

Facebook merupakan media sosial tertinggi dalam turutan media sosial yang paling ramai digunakan oleh rakyat Malaysia. Para pendakwah turut menggunakan Facebook sebagai salah satu platform untuk berdakwah melalui media sosial. Pendekatan yang paling sesuai digunakan di dalam Facebook adalah pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* kerana ia ditujukan kepada orang awam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* melalui Facebook dengan mengintegrasikan pemahaman yang mendalam terhadap wasilah dakwah Facebook dan *manhaj* dakwah *al-Maw'izah al-Hasanah* berdasarkan Model Pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* Melalui Facebook. Kajian ini merupakan kajian kualitatif terhadap Facebook Ustazah Asma' Harun (UAH) sebagai subjek kajian menggunakan metode kepustakaan untuk mengkaji secara komprehensif mengenai pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* melalui Facebook diikuti metode temu bual yang dijalankan kepada ahli tim yang mengendalikan Facebook beliau bagi mengkaji strategi dan pelaksanaan dakwah menggunakan Facebook. Hasil kajian menghasilkan Model Pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* Melalui Facebook yang terdiri daripada pendakwah dalam Facebook iaitu tekno-da'i, *influencer*, mikroselebriti dan pendakwah selebriti. Seterusnya, penyampaian dakwah oleh pendakwah disampaikan melalui wasilah dakwah Facebook yang mana prosesnya terdiri daripada penghasilan, penyampaian dan penyebaran kandungan dakwah. Aspek penghasilan kandungan terdiri daripada Fitur Persembahan Dakwah diikuti aspek penyampaian kandungan yang terdiri daripada pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* dan agama Islam sebagai *mawḍū'* dakwah dan akhir sekali penyebaran kandungan adalah dengan memenuhi cara kerja algoritma Facebook. Elemen akhir dalam model ini adalah sasaran dakwah sebagai penerima pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* yang menunjukkan beberapa maklum balas terhadap pendekatan ini iaitu menerima dan merespons nasihat yang diberikan, tertanam rasa cinta dalam diri *dā'ī* dan *mad'ū* dan membataskan diri daripada berterusan melakukan perkara munkar.

Kata kunci: model dakwah, pendekatan *al-maw'izah al-ḥasanah*, facebook, fitur persembahan dakwah, elemen dakwah

Cite as: Ahmad Zohri, N. (2025). Model Pendekatan *al-Maw'izah al-Ḥasanah* Melalui Facebook. *Journal of Al-Falah*, 1(1), 64–81.

Pendahuluan

Dakwah mempunyai lima elemen merangkumi rukun dakwah iaitu pendakwah, wasilah dakwah, *mawḍū'* dakwah, *manhaj* dakwah dan sasaran dakwah (Hj Siren, 2013). Elemen pertama adalah *dā'ī* iaitu pendakwah yang melaksanakan dakwah melalui Facebook. Seterusnya adalah *mad'ū* sebagai sasaran dakwah yang terdiri daripada golongan *mad'ū* muslim yang terdiri daripada para pengguna Facebook. Elemen ketiga adalah wasilah dakwah

iaitu alat yang digunakan untuk mengaplikasikan strategi perancangan dakwah. Wasilah dakwah yang boleh digunakan adalah Facebook merangkumi semua fitur dan struktur yang ada di dalamnya. Elemen seterusnya adalah *mawḍū'* dakwah iaitu Islam yang merangkumi aspek akidah, syariah, akhlak dan isu semasa. Akhir sekali adalah *manhaj* dakwah yang terdiri daripada *bi al-Ḥikmah*, *al-Maw'izah al-Ḥasanah* dan *al-Mujadalah bi al-Ḥusnā* (al-Bayanuni, 2021).

Era globalisasi ini, internet menjadi keperluan semua orang, para pendakwah turut memanfaatkan internet untuk menyampaikan dakwah masing-masing dengan pendekatan yang tersendiri. Berdakwah dalam media sosial terbatas kepada dakwah secara alam maya sahaja kerana seorang pendakwah tidak dapat berjumpa secara langsung dan bertemu muka dengan sasaran dakwah. Walaupun begitu, ia tidak menghalang pendakwah untuk berdakwah di dalamnya kerana pada zaman digital ini, media sosial adalah sebuah keperluan yang hampir semua orang menggunakannya sebagai medium untuk berkomunikasi. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Malaysia merekodkan 28 juta pengguna media sosial bersamaan 86 peratus daripada penduduk negara ini pada tahun 2021 (Bernama, 2021). Selain itu, menurut laporan daripada Proxyrack (n.d.), negara Malaysia berada di tempat kedua bagi negara yang paling banyak menggunakan platform media sosial di dunia dengan skor 8.75/10. Statistik ini menunjukkan hampir semua rakyat Malaysia menggunakan media sosial sebagai medium untuk berkomunikasi. Oleh itu, pengkaji membentuk sebuah model pendekatan *al-Maw'izah al-Ḥasanah* melalui Facebook berdasarkan hasil data-data yang diperoleh melalui metodologi kajian yang dijalankan.

Metodologi Kajian


Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui pendekatan kajian kes dengan menggunakan metode kepustakaan untuk mengumpulkan data-data mengenai pendekatan *al-Maw'izah al-Ḥasanah* melalui Facebook. Pengumpulan data bagi pendekatan *al-Maw'izah al-Ḥasanah* diperoleh daripada sumber-sumber sorotan literatur seperti buku, kajian-kajian ilmiah seperti jurnal, kertas kerja dan artikel, manakala pengumpulan data bagi Facebook diperoleh daripada sumber-sumber utama Facebook seperti terma dan syarat Facebook dan laman web syarikat Meta serta rujukan-rujukan yang terdiri daripada buku-buku mengenai Facebook dan kajian-kajian ilmiah terhadap Facebook. Metode pengumpulan data seterusnya adalah menggunakan metode temu bual iaitu sumber utama yang digunakan untuk memahami fenomena yang dikaji dalam kajian kualitatif (Othman, 2022). Temu bual dijalankan terhadap Tim Ustazah Asma' Harun (Selepas ini akan disebut sebagai UAH) melibatkan ahli tim yang bertanggungjawab mengendalikan Facebook UAH yang terdiri daripada Pengurus Kanan Media Dakwah dan Pegawai Penyelidik. Temu bual ini bertujuan untuk mengkaji strategi dan pelaksanaan wasilah dakwah Facebook yang dijalankan oleh UAH. Akhir sekali, data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap Facebook UAH pada tahun 2023 dengan memilih kandungan-kandungan yang berkaitan bagi mengeluarkan bentuk-bentuk Fitur Persembahan Dakwah dan pendekatan *al-Maw'izah al-Ḥasanah* yang digunakan. Analisis tematik turut dilakukan daripada hasil temu bual yang dijalankan seterusnya hasil daripada analisis data-data yang diperoleh, kajian ini berjaya membentuk sebuah model pendekatan *al-Maw'izah al-Ḥasanah* melalui Facebook yang disusun secara komprehensif.

Model Pendekatan *al-Maw'izah al-Ḥasanah* Melalui Facebook

Berdasarkan rukun-rukun dakwah dan urgensi untuk melaksanakan dakwah melalui Facebook menggunakan pendekatan *al-Maw'izah al-Ḥasanah*, menjadi sebuah keperluan kepada pendakwah untuk merangka strategi dan melaksanakannya secara sistematik dan

komprehensif. Oleh itu, berikut merupakan model Pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* dalam Facebook yang menghubungkan antara rukun-rukun dakwah dan aspek-aspek strategi pelaksanaan dakwah digital secara menyeluruh:

Rajah 1: Model Pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* Melalui Facebook



Berdasarkan rajah di atas, berikut merupakan topik-topik penting dalam perbincangan mengenai elemen-elemen yang ada dalam model ini:

Pendakwah Dalam Facebook

Pendakwah dalam Facebook terdiri daripada empat istilah yang merujuk kepada pendakwah iaitu tekno-da'i, *influencer*, mikroselebriti dan pendakwah selebriti. Asal istilah pendakwah secara gambaran umum adalah individu atau beberapa individu yang biasanya berkebolehan menyampaikan ceramah, khutbah, berforum atau menyampaikan pengajaran agama secara khusus dalam pelbagai bentuk (Zulkiple, 2004). Seiring berkembangnya teknologi dan media massa, terdapat beberapa istilah yang merujuk kepada pendakwah yang menggunakan media sosial khusus Facebook untuk berdakwah iaitu seperti berikut:

1. Tekno Da'i: Golongan pendakwah yang menggunakan teknologi (ICT) untuk menjalankan kerja-kerja dakwah dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (Hilmi, 2014). Walaupun istilah ini telah lama diperkenalkan iaitu sejak tahun 90-an yang awal-awal diperkenalkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) (Hilmi, 2014), ia masih relevan untuk digunakan masa kini sebagai istilah pendakwah yang memanfaatkan Facebook sebagai wasilah dakwah. Sebagai contoh, Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) sehingga kini masih mengadakan latihan dakwah tekno-da'i dalam program-program latihan dan bengkel dakwahnya serta turut

menjadikan anugerah Tekno Da'i dalam program Akademi Daie Muda YADIM (YADIM, 2024).

2. *Influencer*: Individu yang membina reputasi berdasarkan pengetahuan dan kepakaran mereka terhadap topik tertentu. Mereka membuat posting tetap tentang sesuatu topik pada saluran media sosial pilihan mereka dan mendapat pengikut yang ramai (Harun, 2021). Oleh itu, pempengaruh yang fokus kepada bidang agama dan mengadakan kandungan hantaran tentang Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak merupakan pendakwah media sosial termasuklah di dalam Facebook.
3. *Mikroselebriti*: Individu yang berdaya saing untuk memperoleh peminat dan mendapat pengakuan di dalam media sosial (Aulia & Abdurahman, 2019) dan menjadi terkenal kerana penggunaan media *online* (Amaning, 2019). Mereka menjadi terkenal kerana penggunaan media *online* (Amaning, 2019) melalui kandungan dalam talian yang dihasilkan secara peribadi (Chen et al., 2023). Proses identifikasi mereka dipengaruhi oleh elemen seperti kekaguman, hubungan asosiasi, aspirasi peribadi, serta keinginan untuk memperoleh pengakuan (Amaning, 2019).
4. *Pendakwah Selebriti*: Individu yang lahir daripada televangelisme iaitu produksi program televisyen keagamaan melalui rancangan-rancangan televisyen di Malaysia (Abdullah, 2018) dan daripada media sosial hasil banjir maklumat dan di dalamnya serta memenuhi keinginan industri hiburan seperti kacak, bergaya, mempunyai suara dan retorik yang bagus (Rustan et al., 2020).

Facebook Sebagai Wasilah Dakwah


Sehingga kini Facebook masih menjadi sebuah media sosial yang paling ramai digunakan oleh rakyat Malaysia dan mendapat kedudukan tertinggi media sosial yang paling ramai digunakan oleh rakyat Malaysia (NapoleonCat, 2025). Menurut sebuah kajian yang dilakukan bagi mengenal pasti media sosial yang terkemuka di Malaysia, hasil kajian menunjukkan bahawa Facebook merupakan media sosial yang paling kerap digunakan oleh masyarakat, manakala aplikasi interaksi yang paling kerap digunakan pula adalah WhatsApp (Saleh & Rosli, 2020). Oleh itu kajian mengenai Facebook sebagai wasilah dakwah masih relevan untuk dilaksanakan kerana Facebook menjadi sebuah media sosial yang digunakan seramai 87.8% daripada rakyat Malaysia pada bulan Jun 2025 (NapoleonCat, 2025).

Dalam berdakwah melalui Facebook, terdapat beberapa aspek strategi dan pelaksanaan yang perlu dilaksanakan oleh pendakwah agar penyampaian dakwah melaluinya dapat disampaikan secara komprehensif sekali gus dapat mewujudkan ekosistem dakwah digital yang menyeluruh. Aspek-aspek ini adalah penghasilan, penyampaian dan penyebaran kandungan dakwah (Abd Ghani, 2021) yang mana setiap satu daripadanya boleh dilaksanakan secara berstrategi seperti strategi teknikal, strategi kandungan dakwah dan strategi agar sesuatu kandungan dakwah berjaya mendapat capaian yang tinggi. Strategi dan pelaksanaan wasilah dakwah ini penting untuk dilakukan agar dakwah dapat disampaikan secara maksimum kepada sasaran dakwah di dalam media sosial. Dalam aspek penghasilan dan penyebaran kandungan dakwah, pendakwah perlu menguasai struktur Facebook sebagai wasilah dakwah iaitu dengan memahami pemanfaatan fitur-fitur yang ada di dalamnya untuk penyampaian kandungan dakwah dan algoritma Facebook untuk penyebaran kandungan dakwah. Manakala aspek penyampaian kandungan pula melibatkan *manhaj* dakwah dan *mawḍū'* dakwah. *Manhaj* dakwah yang dikhususkan dalam kajian ini adalah pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* manakala *mawḍū'* dakwah adalah agama Islam.

Aspek Penghasilan Kandungan


Aspek penghasilan kandungan dakwah berdasarkan struktur Facebook adalah pemanfaatan fitur-fitur yang ada di dalamnya bagi penyampaian dakwah. Facebook merupakan 'Media Baharu' yang merujuk kepada media interaktif atau multimedia yang tidak tertakluk kepada sebarang sekatan dalam penghantaran maklumat merentasi jarak dan waktu (Mohd Hamizi, 2023). Penyatupaduan pelbagai fitur di dalam Facebook yang digunakan untuk kandungan dakwah boleh dibahagikan kepada kepelbagaian elemen media dalam multimedia. Pada pertengahan tahun 1980-an, apabila teknologi komputer semakin maju dan mula mendominasi kehidupan manusia, multimedia mula dikaitkan dengan persembahan menerusi penggunaan komputer yang menggabungkan lima media utama iaitu teks, grafik, audio, video dan animasi (Harun & Tasir, 2005, p. 5). Seiring perkembangan teknologi, terdapat tambahan elemen dalam multimedia iaitu elemen interaktiviti. Kesemua jenis elemen media dalam multimedia ini wujud di dalam Facebook sebagai fitur yang boleh digunakan oleh pengguna. Namun fitur di dalam Facebook yang boleh dikhususkan untuk penyampaian dakwah boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian daripada elemen-elemen multimedia iaitu teks, video, grafik, interaktiviti dan gabungan. Berikut merupakan pembahagian fitur-fitur yang ada di dalam Facebook berdasarkan elemen media multimedia yang boleh diistilahkan sebagai Fitur Persembahan Dakwah:


Rajah 2: Fitur Persembahan Dakwah Dalam Facebook



Berdasarkan Facebook UAH dalam penyampaian dakwah menggunakan Fitur Persembahan Dakwah, berikut merupakan contoh kiriman-kiriman yang memanfaatkan fitur-fitur di dalam Facebook untuk menyampaikan dakwah:

Jadual 1: Contoh-contoh Fitur Persembahan Dakwah Berdasarkan Elemen Multimedia

Bil	Elemen	Contoh Kiriman	Penerangan
1	Elemen Teks	 Sumber: Entri Facebook Ustazah Asma' Harun, 5 Mei 2023	Gambar di sebelah menunjukkan fitur teks berbentuk teks panjang yang disampaikan secara terus, ringkas dan padat dengan mesej dakwah ketenangan dalam

			hidup dengan mengingati Allah walaupun menghadapi pelbagai ujian.
2	Elemen Grafik	 Sumber: Entri Facebook Ustazah Asma' Harun, 30 April 2023	Gambar di sebelah merupakan infografik tips istiqamah selepas Ramadan yang dimuat naik di dalam Facebook UAH. Beliau berkongsi 5 tips untuk istiqamah selepas Ramadan. Di dalam teks kiriman, UAH juga mendatangkan dalil-dalil daripada <i>al-Qur'an</i> dan <i>al-Hadith</i> bagi setiap poin.
3	Elemen Video	 Sumber: Entri Facebook Ustazah Asma' Harun, 2 Mac 2023	Gambar di sebelah menunjukkan video siaran langsung ceramah jemputan yang bertajuk “Menjadi Wanita Bahagia Dunia & Akhirat.”. Ia mempunyai mesej dakwah mengenai hakikat kebahagiaan Wanita iaitu daripada hati yang bersyukur dan redha.
4	Elemen Interaktiviti	 Sumber: Entri Facebook Ustazah Asma' Harun, 2 Mac 2023	Gambar di sebelah menunjukkan komen UAH dalam kiriman teks mengenai sikap orang berjaya dan orang yang rugi.

5	Elemen Gabungan	 Sumber: Entri Facebook Ustazah Asma' Harun, 22 Mac 2023	Gambar di sebelah menunjukkan gabungan elemen teks dan elemen interaktiviti iaitu menggunakan fitur teks dan fitur komen. UAH menggunakan fitur teks pendek dengan mesej dakwah kedatangan bulan Ramadhan iaitu dengan mengajak pengikut untuk menyambutnya dengan sujud syukur dan doa. Teks ini diikuti penjelasan dalam fitur komen mengenai tatacara sujud syukur dan doa-doa berkaitan.
---	-----------------	--	--

Seterusnya, aspek penghasilan kandungan dakwah yang melibatkan tindakan daripada pendakwah untuk penyediaan kandungan adalah dengan melaksanakan strategi teknikal. Para pendakwah khususnya pendakwah selebriti yang fokus kepada penyampaian dakwah dalam media sosial perlu mempunyai tim yang dapat membantu untuk penyediaan kandungan dari aspek teknikal media dan isi kandungan dakwah. Kerjasama yang baik antara pendakwah dan tim dapat menjayakan sesuatu platform media sosial seterusnya dapat menjadikan penyampaian kandungan dakwah pada tahap maksimum iaitu menjadikan Facebook pendakwah lebih variasi dengan pelbagai jenis kandungan dakwah seperti gambar-gambar dan video-video yang diedit oleh tim (Cik Syahirah Syafiqah, komunikasi peribadi, 19 Oktober 2024). Strategi teknikal yang boleh dilakukan untuk wasilah dakwah Facebook adalah dengan menyediakan *standard of procedure* (SOP) yang lengkap bagi persiapan dan penyediaan sesuatu kandungan dakwah. SOP yang disediakan oleh UAH dan tim merangkumi bentuk-bentuk kiriman, penerangan prosedur, *flowchart* dan *checklist* sekali gus menjadi rujukan lengkap kepada tim dalam mencipta sesuatu kandungan dan mengedit poster. Selain itu, tim media turut mempunyai SOP spesifik untuk siaran langsung yang merangkumi prosedur yang lengkap sebelum, semasa dan selepas siaran langsung.

“Itu kita ada banyak SOP juga. Kita orang memang sampai print dalam entri sebelum, semasa, selepas. Banyak *detail* dia [SOP berkenaan], sebelum nak buat apa, semasa nak buat apa, [dan] selepas nak buat apa. Kita orang memang sampai *level* tu kena *detail* lah.”

Sumber: Cik Syahirah Syafiqah, komunikasi peribadi, 19 Oktober 2024

Selain itu, antara strategi teknikal yang boleh dilakukan adalah penyusunan jadual untuk memuat naik kiriman di dalam Facebook bagi menjadikan gerak kerja lebih tersusun dan

sistematik. Apa yang dilakukan oleh UAH dan tim adalah menyusun jadual selama sebulan untuk semua tim melakukan kiriman di dalam Facebook. Jadual merangkumi waktu-waktu kiriman yang akan dimuat naik dan tim yang terlibat berserta bentuk kiriman sekiranya ada. (Cik Syahirah Syafiqah, komunikasi peribadi, 19 Oktober 2024).

Aspek Penyampaian Kandungan

Aspek penyampaian kandungan terdiri daripada *manhaj* dakwah dan *mawdū'* dakwah yang disampaikan melalui wasilah dakwah. Pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* merupakan *manhaj* dakwah yang paling sesuai disampaikan melalui Facebook atau media sosial yang lain kerana sasaran dakwah bagi pendekatan ini adalah terhadap orang awam (Hilmi, 2005). Oleh itu, ia sesuai digunakan untuk masyarakat maya di dalam Facebook yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur, pemikiran, kerjaya dan latar belakang sehingga menjadikan sasaran dakwah di Facebook lebih luas dan menyeluruh.

Al-Maw'izah al-Hasanah memberi makna ucapan yang lembut dan benar yang dikeluarkan tanpa kekasaran atau kemarahan daripada ucapan-ucapan yang meyakinkan dan pengajaran yang bermanfaat sehingga dapat menerangi hati, mempengaruhi jiwa, menahan keinginan hawa nafsu yang tersesat serta meningkatkan jiwa dengan iman dan hidayah (al Aidi, 2010). Pengisiannya berpaksi kepada kebaikan dan nasihat yang bertujuan untuk membuatkan sasaran dakwah termotivasi untuk mentaati Allah dan takut untuk bermaksiat kepada Allah. Ia disampaikan dengan *uslūb* yang baik dan lembut serta jauh daripada sifat kasar, biadap dan lafaz kata-kata yang keji (al-Marhum, 2013, p. 16).

Ia menggunakan *manhaj 'atīfī* iaitu *manhaj* dakwah sentimen yang merupakan strategi dakwah yang fokus kepada hati, perasaan, emosi dan batin serta melibatkan pelbagai *uslūb* dalam menggerakkan dakwah kepada sasarannya (Ismail, 2022, p. 18). Sasarannya adalah terhadap golongan orang awam dan golongan manusia yang mengetahui kebenaran namun tidak beramal dengannya (Hilmi, 2005, p. 217). Dari aspek tujuan ia disampaikan, ia terbahagi kepada dua jenis, iaitu *al-Wa'zu lī al-Ta'līm* (nasihat untuk pengajaran) iaitu nasihat yang berkisarkan syariat yang mengajarkan tentang agama Islam dari aspek aqidah dan syariat dan *al-Wa'zu lī al-Ta'dīb* (nasihat untuk pendidikan) iaitu nasihat yang menerangkan tentang adab-adab dan akhlak-akhlak mulia yang seharusnya seorang muslim bersifat dan beriltizam dengannya (al-Hijari, 2012). Ciri-ciri pendekatan dakwah *al-Maw'izah al-Hasanah* yang tidak terdapat pada pendekatan-pendekatan yang lain adalah pertama, penggunaan *'ibārah* dan lafaz yang lembut dan sesuai serta mampu menyentuh hati sasaran dakwah (al-Yubi, 2020). Seterusnya, ia mampu memberi kesan yang besar dalam diri *mad'ū* yang dapat dilihat secara zahir dalam beberapa bentuk iaitu penerimaan terhadap nasihat yang diberikan dan cepat merespon, tertanamnya rasa cinta dalam diri *dā'ī* dan *mad'ū* dan akhir sekali, *mad'ū* dapat membataskan diri daripada berterusan melaksanakan perkara mungkar sekali gus menghapuskan penyebarannya (al-Yubi, 2020). Ciri yang terakhir adalah ia mempunyai pelbagai bentuk dan *uslūb* yang boleh digunakan oleh para pendakwah sehingga mereka boleh memilih yang paling sesuai digunakan untuk sasaran dakwahnya mengikut keadaan dan waktu yang sesuai (al-Yubi, 2020).

Uslub-uslub *al-Maw'izah al-Hasanah* terdiri daripada lima perkara iaitu *uslūb targhīb* dan *tarhīb*, *uslūb* melontarkan soalan, *uslūb* memberikan penjelasan, *uslūb* kiasan, kinayah dan perumpamaan dan *uslūb* penceritaan yang boleh diringkaskan seperti rajah di bawah:

Rajah 3: Uslub-uslub *al-Maw'izah al-Hasanah* dan bentuk-bentuknya



Berikut merupakan penjelasan uslub-uslub ini disertai contoh-contoh yang ada dalam Facebook UAH iaitu seperti berikut:

i. *Uslūb targhib dan tarhib*: *Targhib* adalah perkara yang dapat mendorong keinginan sasaran serta menggalakkan, menggemarkan dan merangsang mereka untuk menerima kebenaran dan berada tetap di atasnya (Zaydan, 2001, p. 437), manakala *tarhib* adalah menggerunkan dan mengingatkan sasaran terhadap akibat tidak menerima kebenaran atau tidak berterusan di atasnya (Zaydan, 2001, p. 437). Ia terdiri daripada beberapa bentuk iaitu ganjaran dan ancaman, *al-madhu wa al-dhamm* (pujian, celaan dan teguran), serta dorongan dan larangan. Salah satu contoh *uslūb* ini berbentuk ganjaran adalah seperti berikut:

“Pesanan kasih sayang. Hari Jumaat jangan terlepas membaca surah al-Kahfi penuh, diberikan Cahaya daripada Allah hingga jumaat depan (Hadis). Satu lagi, banyakkkan berdoa, bergabung banyak sebab Maqbul doa hari ni.”

Sumber: Kiriman Facebook Ustazah Asma’ Harun, 24 Mac 2023

ii. *Uslūb melontarkan soalan*: *Uslūb* ini dilaksanakan melalui lontaran soalan, bersoal jawab, berdialog dan perbincangan yang melibatkan dua orang atau lebih (al-Maura’i, 1986, p. 307). Ia dapat melatih *mad’ū* untuk berfikir dan memberikan motivasi kepadanya untuk turut serta dalam perbincangan. Soalan yang dilontarkan terbahagi kepada soalan retorik, soalan pengajaran dan soalan terbuka. Salah satu contoh *uslūb* ini berbentuk soalan terbuka adalah seperti berikut:

“Saya sebenarnya nak cuba menyelami jiwa anak muda, mereka belum masuk dunia dewasa yang serius macam kita, salah ke mereka nak berhibur, hadir Konsert sekali sekala?, Cuba Komen Ilmiah dan Harmoni, kita pun pernah muda kan”

Sumber: Kiriman Facebook Ustazah Asma’ Harun, 29 Ogos 2023

iii. *Uslūb* memberikan penjelasan: *Uslūb* ini adalah penjelasan oleh pendakwah bagi sesuatu isu yang berlaku dalam masyarakat untuk menambahkan kefahaman dan membetulkan salah faham mereka dalam agama. Sejak zaman Rasulullah SAW lagi *uslūb* ini digunakan dalam memberikan *al-Maw'izah al-Hasanah* kepada para sahabat. Baginda menggunakan wasilah memberikan penerangan dengan cara melukis, melakukan isyarat gerakan tangan dan menghadiri perkara yang dapat dilihat secara langsung (al-Maura'i, 1986). *Uslūb* ini apabila diaplikasikan melalui Facebook, ia boleh digunakan melalui pelbagai fitur di dalamnya dengan cara memberikan penjelasan bagi sesuatu isu-isu *trending* dan *viral* yang berlaku dalam masyarakat untuk menambahkan kefahaman dan membetulkan salah faham mereka dalam agama. *Uslūb* memberikan penjelasan di dalam Facebook terdiri daripada penjelasan oleh pendakwah dan penjelasan daripada pihak lain. Berikut merupakan sebahagian daripada teks panjang yang menggunakan *uslūb* memberikan penjelasan daripada kiriman bertarikh 15 Mei 2023 yang membetulkan salah faham masyarakat mengenai isu semasa pembimbing hubungan intim suami isteri:

Gambar 1: Contoh *Uslūb* Memberikan Penjelasan Dalam Fitur Teks



iv. *Uslūb* kiasan, kinayah dan perumpamaan: Kinayah bermaksud meninggalkan yang jelas dengan menyebut apa yang melazimi perkara jelas tersebut untuk berpindah daripada yang disebut kepada tidak disebut (Hadi, 2011). Dalam kesusasteraan Bahasa Melayu, kinayah boleh diterjemahkan sebagai kiasan namun terdapat sedikit perbezaan antara keduanya dari segi konsep. Kiasan lebih luas bentuknya berbanding kinayah. Keduanya adalah suatu cara seni penyampaian bahasa dengan menggunakan bahasa tertentu yang memberi maksud konotasi (Abdul Basir, Mohd Nor, & Ismail, 2016). Perumpamaan atau analogi pula adalah sebuah perkataan yang disamakan dengan perkataan lain yang terdapat persamaan antara keduanya bagi menerangkan dan menggambarkan antara satu sama lain (Quraisyah, n.d., p.

33). Ia merupakan sebahagian daripada bentuk kiasan dalam gaya bahasa melayu, namun dalam gaya bahasa *al-Qur'ān* ia menjadi satu *uslūb* yang Allah gunakan untuk memberi kesan yang lebih mendalam di dalam diri *mad'ū*. Berikut merupakan salah satu contoh kiasan dalam Facebook UAH:

“Hiburan adalah fitrah dan keperluan, namun jika berlebihan ia jadi mudarat. Ambillah ia seperti garam untuk masakan, sekadarnya sahaja. Normalisasi ‘lalai tu biasa’ cukuplah untuk sendiri, jangan disebar, ia boleh mempengaruhi.”
Sumber: Kiriman Facebook Ustazah Asma’ Harun, 18 Mei 2023

v. *Uslūb* penceritaan: Kisah merupakan sebuah seni hikayat peristiwa menggunakan *uslūb* bahasa diakhiri dengan memberitahu tujuan yang dikehendaki daripadanya (Ashqar, 1997, p. 12). Ia merupakan salah satu wasilah yang berjaya dan mampu memberi kesan kepada *mad'ū* dalam menyampaikan bimbingan dakwah dengan cara yang mudah dan jelas (al-Maura’i, 1986, p. 282). *Uslūb* penceritaan boleh disampaikan melalui beberapa bentuk iaitu penceritaan pengalaman pendakwah, penceritaan kisah salaf al-Soleh dan penceritaan isu semasa ringkas. Contoh penceritaan pengalaman pendakwah dalam teks pendek diikuti penjelasan dalam fitur komen adalah seperti berikut:

“Sepanjang perjalanan 4 jam ke pedalaman Ghana, jalan merah yang berlubang hingga ke kampung Ummat Islam, kami melihat pelbagai suasana yang sangat menyayat hati..wanita & kanak-kanak lihat di ruangan komen”
Sumber: Kiriman Facebook Ustazah Asma’ Harun, 10 Februari 2023

Aspek penyampaian kandungan dakwah juga terdiri daripada *mawdū'* dakwah iaitu apa yang didakwahkan oleh seorang *dā'ī* kepada sasaran dakwah dan ia tidak lain dan tidak bukan adalah agama Islam. Ajaran Islam yang menjadi topik dakwah merangkumi tiga aspek iaitu aspek akidah, syariat dan akhlak. Aspek akidah adalah aspek yang mengandungi keimanan kepada Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para Rasul-Nya, hari akhirat dan beriman kepada *qadā'* dan *qadar*-Nya. Seterusnya, aspek syariat pula merangkumi rukun-rukun Islam iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah, menunaikan solat, membayar zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji bagi yang berkemampuan. Akhir sekali adalah aspek akhlak iaitu akhlak mulia dan sifat-sifat terpuji serta perilaku yang lurus yang sesuai dengan nilai Islam (al-Bayanuni, 2021).

Selain itu, aspek penyampaian kandungan yang boleh dilakukan oleh pendakwah dari segi strategi kandungan dakwah adalah sentiasa memastikan setiap kandungan yang dimuat naik di dalam Facebook mempunyai objektif dan strategi walaupun ia dilakukan secara spontan seperti siaran langsung bersama tetamu kerana dengan adanya objektif dan strategi, mesej dakwah pasti akan sampai kepada sasaran dakwah.

“Sebabnya ustazah punya *style* pulak, bila posting tak naik, dia buat anggapan, “Adik, kamu takde strategi eh, kamu takde objektif?”. So dia tau lah bila video tu tak naik, ben-de tu tak sampai pada hati *followers*, So ada ben-de yang salah lah yang dibuat pada video dan *posting* tu. So bila tak naik dia suruh *delete*. “Dik *delete*””

Sumber: Cik Syahirah Syafiqah, komunikasi peribadi, 19 Oktober 2024

Seterusnya, kandungan dakwah perlu divariasikan mengikut keperluan masyarakat seperti mengikut trend semasa, kandungan dakwah yang mudah diterima awam dan ringkas. Contohnya seperti, kandungan berbentuk isu-isu semasa yang berlaku dalam kalangan

masyarakat yang diulas secara ilmiah sekali gus menjadikan penyampaian dakwah tidak menjadi bosan serta sentiasa mengikut trend semasa. Selain itu, kandungan berbentuk *lifestyle* turut boleh disampaikan dan diselitkan dengan mesej-mesej dakwah. Akhir sekali, setiap kiriman ilmiah perlu mempunyai rujukan yang sahih daripada sumber-sumber yang berautoriti serta mudah diterima oleh masyarakat selagi tidak bertentangan dengan *manhaj ahl al-sunnah wa al-jamā'ah* (Nurulhusna Aqirah Asli, komunikasi peribadi, 19 Oktober 2024).

Aspek Penyebaran Kandungan

Dari aspek penyebaran kandungan yang melibatkan struktur Facebook, pendakwah perlu memahami algoritma Facebook dan melaksanakan strategi mendapat capaian yang tinggi dengan melakukan apa yang dicadangkan oleh Facebook bagi meningkatkan algoritma dalam sesuatu kiriman. Algoritma Facebook penting dalam memastikan sesuatu kandungan dapat mencapai capaian yang tinggi dalam kalangan pengguna Facebook merangkap sasaran dakwah di dalamnya. Algoritma menurut kamus adalah satu siri atau set arahan, peraturan atau prosedur yang diikuti untuk menyelesaikan masalah terutama dalam komputer (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022). Ianya juga memberi makna urutan logik langkah-langkah penyelesaian masalah secara sistematik (Wulandari, 2021). Algoritma *Feed* Facebook adalah suatu proses yang kompleks yang mengawal kandungan yang ditampilkan kepada pengguna dalam *Feed* utama mereka. Algoritma mengambil kira beberapa faktor penting dalam penentuan kandungan yang paling sesuai untuk disampaikan kepada setiap individu iaitu inventori, isyarat, ramalan dan relevansi (Meta, n.d.).

Seseorang pendakwah perlu melakukan beberapa perkara agar berjaya menaikkan turutan kiriman pesan dakwah untuk berada di turutan teratas mengikut algoritma Facebook. Facebook mencadangkan kepada para pengguna untuk memastikan kiriman Facebook dikesan oleh algoritma Facebook adalah dengan memahami apa yang ingin dilihat oleh pengikut (Meta for Media, n.d.), membina kandungan yang tepat dan benar (Meta for Media, n.d.), meningkatkan penglibatan bersama pengikut (Newberry, 2023), membuatkan para pengikut untuk saling memberikan penglibatan antara satu sama lain mengenai sesuatu kiriman (Meta for Media, n.d.), memuat naik kiriman pada masa yang tepat iaitu pada waktu bilangan pengguna yang sedang *online* lebih ramai dan membuat kiriman melalui fitur yang dapat menghasilkan penglibatan yang lebih tinggi sesama pengguna seperti kiriman teks (Newberry, 2023).

Berdasarkan hasil temu bual bersama Tim UAH dalam strategi mendapat capaian yang tinggi melalui Facebook, setiap kiriman perlu dimuat naik pada waktu-waktu yang sesuai seperti di luar waktu solat dan mempunyai senggang masa antara kiriman yang seterusnya minimum selama 1 jam.

“Antara strategi lain untuk bagi setiap *posting* tu naik [adalah] kita akan *post* selang satu jam. Contoh, kita dah *post* pukul 1pm, contoh ya, pukul 1.30pm tak boleh ada orang [tim lain] *post*, supaya *posting* tu naik [capaian tinggi], bagi orang nampak dulu, kita *like* komen share apa semua. Dalam pukul 2pm baru *next posting* boleh masuk [dimuat naik], dan kita elakkan juga waktu-waktu solat. Haa itu cara ustazah, [iaitu elak *post* pada waktu solat] maghrib, zohor, isyak, subuh. [Kalau nak *post* pagi], lepas subuh la kita *post*, kebiasaannya lepas subuh. Dia maksudnya [Apa yang dimaksudkan adalah], lepas solat tidak mengapa [untuk memuat naik *post*], tapi waktu solat memang ustazah tak bagi kita orang *post*”

Sumber: Cik Syahirah Syafiqah, Komunikasi Peribadi, 19 Oktober 2024

Selain itu, strategi seterusnya adalah UAH juga melakukan siaran langsung secara konsisten kerana konsistensi dalam melakukan siaran langsung akan dapat menaikkan capaian audiens (Meta Business Help Centre, n.d.). *Engagement* dalam setiap *post* turut penting kerana ia dapat meningkatkan capaian berdasarkan algoritma Facebook. Oleh itu, UAH memastikan setiap komen disantuni, 1 jam pertama setiap kiriman perlu mencapai bilangan *like* yang banyak.

Kesan Pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* Kepada Mad'u

Antara ciri-ciri pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* adalah ia mampu memberi kesan yang besar terhadap diri *mad'u* kerana melaluinya seseorang *dā'ī* mampu memujuk akal *mad'u*, memiliki hati mereka dan berbicara dengan menyentuh perasaan. Kesan-kesan ini terzahir dalam tiga bentuk iaitu *mad'u* dapat menerima nasihat yang diberikan dan cepat merespons kepada nasihat berkenaan, tertanamnya rasa cinta dalam diri *dā'ī* dan *mad'u* dan akhir sekali, *mad'u* dapat membataskan diri daripada berterusan melaksanakan perkara mungkar sekali gus menghapuskan penyebarannya.

Dalam Facebook, para pengikut yang terkesan dengan pendekatan ini akan menzahirkannya sebagai sebuah maklum balas dalam komen-komen, kiriman atau kemaskini cerita yang dimuat naik ke dalam akaun peribadi mereka. Ia terzahir dalam bentuk teks yang dapat menggambarkan apa yang difikirkan dan terbuku di dalam hati. Perkara ini selari dengan tipologi lakuan bahasa Searle (1976) yang mengatakan bahawa lakuan bahasa ekspresif adalah tindakan atau lakuan ujaran yang meluahkan perasaan dalaman pengucap yang pada asasnya bersifat subjektif (Ahmad et al., 2022). Berdasarkan kesan-kesan pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah*, bentuk respons *mad'u* dalam Facebook terhadap pendekatan ini dapat dilihat secara seperti berikut:

1. Menerima nasihat yang diberikan dan cepat merespons kepada nasihat berkenaan

Penerimaan dan cepat merespons terhadap nasihat yang diberikan dalam Facebook dapat dinilai dengan teks yang ditulis oleh *mad'u* terhadap kandungan dakwah. Antara bentuk penerimaan adalah ungkapan terima kasih dan doa yang ditulis di dalam komen. Terima kasih ialah ungkapan yang lazim bagi sebarang bentuk pertolongan atau hadiah lisan (*verbal gifts*) yang diterima seperti nasihat, penghargaan, tawaran dan lain-lain (Yusuf et al., 2022). Bentuk-bentuk ungkapan terima kasih juga boleh diungkapkan dalam bahasa lain seperti Bahasa Inggeris (*Thanks, Thank you so much*) dan Bahasa Arab (*alhamdulillah, Syukur Alhamdulillah*) (Yusuf et al., 2022). Selain itu, adanya maklum balas yang positif terhadap sesuatu kiriman dakwah seperti mengulas kandungan dakwah yang diberikan, membenarkannya dan mendoakan kebaikan juga merupakan salah satu bentuk respons penerimaan daripada nasihat yang diberikan. Maklum balas terhadap kandungan dakwah menunjukkan adanya kesan dakwah secara tidak langsung terhadap diri *mad'u* sebagaimana maklum balas dalam komunikasi merupakan sebuah proses menonjolkan kesan daripada penerimaan rangsangan atau mesej (Aris & Yunus, 2016, p. 22).

2. Tertanamnya rasa cinta dalam diri *dā'ī* dan *mad'u*

Rasulullah SAW bersabda,

“Tiga perkara yang apabila ada pada diri seseorang, ia akan mendapatkan manisnya iman: Dijadikannya Allah dan Rasul-Nya lebih dicintainya dari selain keduanya. Jika ia mencintai seseorang, dia tidak mencintainya kecuali karena

Allah. Dan dia benci kembali kepada kekufuran seperti dia benci bila dilempar ke neraka”

Sahih al-Bukhari, Hadith no. 16; Sahih Muslim, Hadith no. 43

Berdasarkan bahagian kedua *hadīth* di atas, cinta sesama manusia yang didasarkan kerana Allah boleh membawa seseorang kepada kemanisan iman. Salah satu cara yang boleh dilakukan bagi mencapai tujuan ini adalah perhubungan sesama muslim kerana dakwah. Hal ini kerana, hadis ini merupakan dorongan kepada manusia untuk saling mencintai kerana Allah, bekerjasama dalam kebaikan dan ketakwaan, yang membawa kepada kebahagiaan yang kekal abadi (Ibn Battāl, 2003, Vol. 1, p. 68). Seorang *dā'ī* yang memberikan nasihat yang baik kepada saudaranya tidak lain bertujuan untuk mengingatkan mereka untuk kembali kepada Allah SWT, lebih-lebih lagi apabila mereka menggunakan pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* yang berasaskan *manhaj 'āṭif*. Perkataan ini secara tidak langsung menjadikan *mad'ū* terikat dengan *dā'ī* secara emosi, hati dan perasaan kerana mereka dapat merasakan kebaikan dan ketelusan *dā'ī* dalam nasihat yang diberikan.

Perasaan cinta yang tertanam dalam diri *mad'ū* atau pengikut dalam Facebook dapat dizahirkan dengan beberapa bentuk iaitu melalui ungkapan rasa sayang, cinta dan rindu yang ditulis sebagai maklum balas kepada pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah*. Selain itu, menurut Ibnu Qayyim, antara tanda-tanda cinta sesama manusia adalah sentiasa merasa ingin bertemu dengan insan yang dicintai, suka mendengar apa yang diucapkannya, menyukai segala apa yang berkaitan dengannya, dan merasa teruja apabila bertemu (Loka & Yulianti, 2019).

3. *Mad'ū* dapat membataskan diri daripada berterusan melaksanakan perkara mungkar

Pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* mampu memberi kesan kepada *mad'ū* untuk membataskan diri daripada berterusan melakukan maksiat sekali gus menghapuskan penyebarannya. Bahkan sekiranya mereka tidak dapat menerima nasihat yang diberikan kerana berasa segan, sekurang-kurangnya nasihat itu membuatkan mereka tidak melakukan maksiat secara terbuka (Abdu al-Rahman, n.d., p. 14). Makna yang boleh diinterpretasi daripada kesan ini adalah dari sudut perubahan amal zahir seseorang kearah kebaikan hasil daripada *al-Maw'izah al-Hasanah* yang diterima. Hal ini kerana, menurut Imam al-Ghazali agama Islam terbahagi kepada dua bahagian iaitu meninggalkan maksiat dan melakukan ketaatan (al Ghazali, 1993, p. 51). Melalui pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah*, seseorang itu akan termotivasi untuk meninggalkan maksiat apabila adanya ancaman buruk daripada *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* sehingga membuat mereka berasa takut untuk melakukan maksiat. Ancaman ini adalah salah satu *uslūb al-Maw'izah al-Hasanah* iaitu *tarhīb*. Seterusnya, dari aspek melakukan ketaatan kepada Allah, ia adalah perubahan individu dalam peningkatan amal soleh, istiqamah dalam perubahan dan kefahaman dalam agama. Pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* melalui *uslūb targhīb* iaitu dorongan kepada *mad'ū* untuk melakukan amal soleh mampu memberi kesan secara tidak langsung kepada *mad'ū* untuk melaksanakan kandungan nasihat yang menyeru kepada kebaikan dan ketaatan.

Kesimpulan

Hasil kajian berdasarkan metode kepustakaan, analisis kandungan Facebook UAH dan temu bual terhadap tim UAH menunjukkan bahawa dakwah melalui media sosial perlu dilaksanakan secara menyeluruh mengikut ekosistem dakwah digital yang merangkumi aspek penghasilan, penyampaian dan penyebaran kandungan dakwah. Pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* yang digunakan dalam penyampaian kandungan dakwah pula boleh disampaikan dengan *uslub-uslub* yang sesuai melalui Fitur Persembahan Dakwah di dalam Facebook. Seorang pendakwah

perlu mengetahui kesesuaian penyampaian gabungan antara fitur dan kandungan dakwah yang merangkumi *manhaj* dan *mawdū'* dakwah untuk disampaikan kepada *mad'ū*. Akhir sekali, pendakwah perlu menggiatkan lagi usaha penyampaian dakwah melalui media sosial terutamanya Facebook menggunakan pendekatan *al-Maw'izah al-Hasanah* kerana pendekatan ini dapat memberi kesan yang besar kepada *mad'ū*.

Rujukan

- Abd Ghani, Z. (2021). Ekosistem dakwah digital: Cabaran masa depan dunia dakwah. *Prosiding Simposium Dunia Dakwah Digital 2021*.
- Abdu al-Rahman, A. (n.d.). *Asalib al-da'wah wa wasailuha* (Makalah, Kuliah Da'wah wa Usul al-Din, Qism al-Da'wah wa al-Thaqafah al-Islamiah, Jami'ah Ummu al-Qura), 14.
- Abdul Basir, A., Mohd Nor, M. R., & Ismail, S. (2016). Similarities between Arabic kinayah and Malay idioms by the theory of al-Nazm: A comparison. *Jurnal Intelek*, 10(2), 56.
- Abdullah, R. (2018). Ustaz cool, ustazah trendy: Chiselled Islamic celebrity preachers. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 16, 197–217.
- Ahmad, N., Sulaiman, R., Mohd Yusoff, N., & Mohd Nor, A. A. (2022). Analisis membuat aduan dalam ruangan komen di laman Facebook Air Selangor. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 6(1), 51.
- al-Aidi, M. b. A. b. M. (2010). Al-da'wah ila Allah fi dhau'i qawlihi ta'ala, ud'u ila sabili rabbika bilhikmah wa al-mau'izah al-hasanah wa jadilhum billati hiya ahsan. *Majallah al-Maliku Su'ud: al-'Ulum al-Tarbawiyah wa al-Dirasat al-Islamiyyah*, 22(3), 575.
- al-Bayanuni, A. A.-F. (2021). *Al-Madkhal ila ilmi ad-da'wah: Dirasah manhajiyyah syamilah li tarikh al-da'wah wa usuliha wa manahijiha wa asalibiha wa wasa'iliha wa musykilatiha fi al-dau' al-naqal wa al-aql* (M. Ilham & M. M. Supar, Trans.). Pustaka al-Kautsar. (Karya asal diterbitkan tidak diketahui)
- al-Ghazali, A. H. M. B. M. (1993). *Bidayah al-hidayah* (Cet. 1, p. 51). Maktabah Madlubi.
- al-Hijari, A. H. R. M. (2012). *Qawaid al-da'wah al-Islamiah*. Mausū'ah al-Da'wah al-Islamiah.
- al-Marhum, M. B. A. R. B. A. (2013). *Al-mau'izah al-hasanah li al-ulama' wa atsaruha fi al-da'wah ila Allah Ta'ala fi dhau'i al-Kitab wa al-Sunnah* [Tesis sarjana: Kuliah Da'wah wa I'lam, Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah, Qism al-Da'wah wa al-Ihtisab].
- al-Maura'i, A. N. S. (1986). *Al-hikmah wa al-mau'izah al-hasanah wa atharuhuma fi al-da'wah ila Allah fi dhau'i al-Kitab wa al-Sunnah* [Tesis sarjana: Universiti Umm al Qura, Kuliah al-Shariah wa al-Dirasat al-Islamiyyah al-Ulya].
- al-Yubi, M. B. S. (2020). Al-hikmah wa al-mau'izah al-hasanah wa ahammiyyatihima fi al-dakwah ila Allah Ta'ala. *Majallah al-'Ilmiyyah li al-Kulliyah Usuluddin wa al-Da'wah bi al-Zaqaziq*, 32(4), 1140.
- Amaning, G. (2019). *The role of celebrity endorsement on consumer buying behavior: The case of media social influencers* [Tesis sarjana: Ghana Institute of Journalism].
- Aris, A., & Yunus, A. R. (2016). *Siri latihan pembangunan staf: Komunikasi berkesan*. Penerbit tidak dinyatakan.
- Ashqar, U. S. A. (1997). *Sahih al-qasas al-nabawi* (Cet. 1). Darul Nafa'is li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Aulia, R., & Abdurahman, A. I. (2019). Fenomena mikro-selebriti di media sosial: Studi etnografi virtual video viral akun @Helenjunet tanggal 22 Maret pada pengguna Instagram. *DIALEKTIKA Komunika: Jurnal Kajian Komunikasi dan Pembangunan Daerah*, 7(1), 10.

- Chen, X., Zhang, Y., Liu, M., & Wang, J. (2023). Road to micro-celebration: The role of mutation strategy of micro-celebrity in digital media. *New Media & Society*, 25(12), 3457.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2022, Jun 25). *Algoritma* [Kamus Dewan edisi keempat, carian umum]. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=algoritma>
- Hadi, S. A. K. (2011). Al-uslub al-kina'i fi al-Qur'an al-Karim. *Majallah Kuliah al-Adab*, 1(97), 205.
- Harun, J., & Tasir, Z. (2005). *Multimedia: Konsep dan praktis*. Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Harun, N. (2021). Pengaruh personaliti dan kredibiliti pempengaruh media sosial terhadap pembuatan keputusan remaja. *Mention*, 3.
- Hilmi, E. E. (2014). Peranan tekno daie dalam berdakwah di era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor*, 2–3.
- Hilmi, M. (2005). *Manhaj ulama' al-hadith wa al-sunnah fi usul al-din* (Cet. 1). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Hj Siren, N. R. (2013). *Retorik penulisan dakwah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ibn Baṭṭāl, A. A. 'A. K. (2003). *Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl* (Abū Tamīm Yāsir bin Ibrāhīm, Tahkīq, Cet. 2, Vol. 1, p. 68). Maktabah al-Rusyd.
- Ismail, N. A. A. (2022). *Manhaj 'atifi terhadap geladangan di Kuala Lumpur* [Tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Kementerian Komunikasi. (n.d.). *Malaysia ada 28 juta pengguna media sosial*. Portal Rasmi Kementerian Komunikasi. <https://www.komunikasi.gov.my/awam/berita/20226-malaysia-ada-28-juta-pengguna-media-sosial>
- Loka, M. P., & Yulianti, E. R. (2019). Konsep cinta (studi banding pemikiran Ibnu Qayyim al-Jauziyyah dan Erich Fromm). *Syifa Al-Qulub*, 3(1), 76–77.
- Meta Business Help Centre. (n.d.). *Best practices for improving reach on Facebook and Instagram*. Meta. <https://www.facebook.com/business/help/1424020861341537>
- Meta for Media. (n.d.). *Feed shows you stories that are meaningful and informative*. Meta. <https://www.facebook.com/formedia/tools/feed>
- Meta. (n.d.). *Our approach to Facebook feed ranking*. Transparency Center. <https://transparency.fb.com/en-gb/features/ranking-and-content/>
- Mohd Hamizi, M. A. F. (2023). Penggunaan media sosial sebagai media baharu dan impaknya terhadap masyarakat Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 15, 25.
- NapoleonCat. (2025). *Social media users in Malaysia – July 2025*. <https://napoleontcat.com/stats/social-media-users-in-malaysia/2025/#section-facebook>
- Newberry, C. (2023). *Strategy 2023 Facebook algorithm: How to get your content seen*. Hootsuite. <https://www.hootsuite.com/blog/facebook-algorithm>
- Othman, L. (2022). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode* (hlm. 144). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Proxyrack. (n.d.). *Most connected countries*. Social Media Capitals. <https://www.proxyrack.com/most-connected-countries/>
- Quraishyah, N. H. (n.d.). Uslub al-mau'izah al-hasanah wa atharuha fi dakwah al-Nabi. *Dirasah tahliliah*, 33.
- Rustan, A. S., Abdullah, M., & Rahman, H. (2020, Oktober 1–4). The phenomenon of the celebrity preachers and the awakening of the religious spirit of millennial generation in Indonesia [Makalah persidangan]. *Proceedings of the 19th Annual International Conference on Islamic Studies (AICIS 2019), Jakarta, Indonesia*.

- Saleh, N. S., & Rosli, M. S. (2020). Tinjauan literatur sistematik: Interaksi media sosial atas talian dalam kluster pendidikan dan pekerjaan. *Jurnal Sains Humanika*, 12(3), 63.
- Scotto Di Carlo, G. (2016). Pathos as a communicative strategy for online knowledge dissemination: The case of TED Talks. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 21(1), 25–40.
- Siren, N. R. (2000). Retorik pengucapan dakwah Ustaz Ismail Kamus. *Jurnal al-Afkar*, 1(1), 201.
- Wulandari, S. R. (2021). *Kuasa algoritma dan resiliensi khalayak pengguna media sosial* [Disertasi PhD, Universiti Hasanuddin Makassar].
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). (2024, Oktober 5). Hasil carian tekno daie. Laman Sesawang YADIM. <https://www.yadim.com.my/v2/?s=tekno+daie>
- Yusuf, M., Jamian, A. R., & Mat Ali, Z. (2022). Lakuan tutur terima kasih: Strategi pragmatik yang digunakan dalam kalangan Generasi Z Melayu. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 6.
- Zaydan, A. K. (2001). *Usul al-da'wah*. Muassasah al-Risalah.
- Zulkiple, B. A. G. (2004). Kepentingan golongan tekno-da'i dalam penyebaran dakwah. *Jurnal Usuluddin*, 19, 173.